

JURNAL HUKUM

Jamadilakhir 1429H / September 2008M

RENCANA

Peguam Syarie dalam Institusi Qada'

oleh : Y.A.A. Dato' Aria D'Raja Haji Daud bin Muhammad

Kedudukan Syariah dalam Perlembagaan Persekutuan

oleh : Prof. Dr. Abdul Aziz bin Bari

LAPORAN KES

Hamidah bt Abdullah

lwn. Mohd Johanis bin Busu

Muhamad Rizal bin Abdullah

lwn. Norlia binti Mahmood

Semah binti Daud

lwn. Hassan bin Awang

YAM Tengku Ibrahim bin Sultan Ismail Nasiruddin Shah

lwn. Kerajaan Negeri Terengganu

Yunus bin Mohamed

lwn. Rolbijah binti Ahmad

Zanani binti Mohd Noor

lwn. Awang bin Merah Dan Satu Yang Lain

Raihanah binti Mohd Ali

lwn. Kamarudin bin Mohd Nor Dan 3 Yang Lain

PENAUNG

Y.B. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

PENASIHAT / Pengerusi

Y.Bhg. Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman
Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara

TIMBALAN Pengerusi

Y.A.A. Datuk Haji Ibrahim bin Lembut,
Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie,
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

AHLI LEMBAGA PENASIHAT

Y.Bhg. Dato' Hj. Abu Naim bin Hj. Ikhsan

Y.Bhg. Prof. Nik Ahmad Kamal bin Nik
Mahmud,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Y.A. Datuk Haji Abu Bakar bin Ahmad
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Datin Siti Zalikah
binti Mohd Noor,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.A. Dato' Hj. Muhamad Asri bin Hj. Abdullah
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Y.A.A. Dato' Aria D'Raja Hj. Daud bin Mohamad
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan

Y.Bhg. Prof. Adjung Haji Sulaiman bin
Abdullah, Peguam Syarie

Y.Bhg. Tuan Mohamad bin Haji Abdullah,
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
- Setiausaha

YB Puan Sayani binti Mohd Nor,
Penasihat Undang-Undang JKSM

JAWATANKUASA PENGURUSAN EDITORIAL

Pengerusi

Y.Bhg. Tuan Mohamad bin Haji Abdullah,
Ketua Pendaftar JKSM

AHLI JAWATANKUASA

Tuan Mohd Amran bin Mat Zain
Penyelidik Kanan JKSM

Tuan Hj. Mohammad Adib bin Husain
Bahagian Pusat Sumber JKSM

Tuan Mohd Asri bin Hj. Tahir
Bahagian Dasar & Penyelidikan JKSM

Tuan Adam bin Tumiran
Bahagian Pendaftaran JKSM

Tuan Hj. Nassir bin Hj. Abdul Aziz
Bahagian Latihan JKSM

Cik Surayah binti Ramlee
Bahagian Latihan JKSM

Tuan Ghani bin Kifle
Bhg. Dasar & Penyelidikan KSM

Puan Nency Shuhaida Shamsuddin
Bahagian Pendaftaran JKSM

Encik Azmee bin Hj. Hussin
Bahagian Pendaftaran JKSM

Cetakan Pertama 2008

© Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Putrajaya 2008

Jurnal Hukum (JH) mula diterbitkan pada tahun 1980 oleh Bahagian hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri yang ini dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sehingga tahun 2003 pada Jilid Ke 16. Bermula pada tahun 2004 pada keluaran Jilid Ke 17 dan seterusnya penerbitan Jurnal Hukum dikendalikan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Pihak penerbit merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas usaha gigih pihak JAKIM yang telah berjaya menerbitkan Jurnal Hukum sebelum ini.

Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Pihak Penerbit tidak bertanggungjawab sekiranya timbul sebarang permasalahan atau isu yang timbul daripada penulisan Jurnal Hukum. Sebarang ulasan penulis adalah tertakluk kepada pendapatnya yang juga tidak menggambarkan pandangan pihak penerbit.

ISSN : 1823-092X

Penerbitan
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Putrajaya
Telefon : 03-8886 4144 Faks : 03-8889 1627
[http: www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)

Dicetak Oleh:
Percetakan Nasional Malaysia Berhad,
Jalan Chan Sow Lin, Sungai Besi, Kuala Lumpur

Harga : RM15.00
Kem.Kewangan (KK/BP 10/441/707/711/1 Jld. 6(42) - 18 Mei 2005
Urusan Langganan : Hubungi Talian :03-8889 4921

JLD. 26 BHG. 2

(1429H)

ISSN: 0823-092X

Ramadhan 1429H / September 2008M

JURNAL HUKUM

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Aras 2 & 3, Blok D7, Kompleks D,
Pusat Pentadiran Kerajaan Persekutuan
62677 Putrajaya

Tel:03-8886 4800 Faks:03-8889 1627

Laman Web: www.jksm.gov.my

Portal : Portal esyariah.gov.my

KANDUNGAN

BIL.	TAJUK	MUKASURAT
------	-------	-----------

1. RENCANA

Peguam Syarie dalam Institusi Qada'	137 - 168
<i>oleh :Y.A.A. Dato' Aria D'Raja Haji Daud bin Muhammad</i>	

Kedudukan Syariah dalam Perlembagaan Persekutuan	169 - 179
<i>oleh : Prof. Dr. Abdul Aziz bin Bari</i>	

2. LAPORAN KES

Hamidah bt Abdullah	181 - 197
<i>lwn. Mohd Johanis bin Busu</i>	
[Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kelantan,	
<i>- Tuntutan Harta Sepencarian - 21 April 2008]</i>	

Muhamad Rizal bin Abdullah	199 - 208
<i>lwn. Norlia binti Mahmood</i>	
[Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor	
<i>- Tuntutan Harta Sepencarian - 21 Mei 2008]</i>	

Semah binti Daud	209 - 221
<i>lwn. Hassan bin Awang</i>	
[Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kelantan	
<i>- Tuntutan Harta Sepencarian - 26 Jun 2008]</i>	

BIL.**TAJUK****MUKASURAT**

YAM Tengku Ibrahim bin Sultan Ismail Nasiruddin Shah <i>lwn. Kerajaan Negeri Terengganu</i> [Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Terengganu - <i>Bidangkuasa Semakan Kes di Mahkamah</i> <i>Rayuan Syariah Negeri Terengganu - 01/07/2008</i>]	223 - 231
Yunus bin Mohamed <i>lwn. Rolbijah binti Ahmad</i> [Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan - <i>Bidangkuasa Mahkamah Rayuan Syariah WP</i> <i>mendengar keputusan Mahkamah Tinggi Syariah</i> - <i>09/06/2008</i>]	233 - 240
Zanani binti Mohd Noor <i>lwn. Awang bin Merah Dan Satu Yang Lain</i> [Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kelantan - <i>Rayuan Permohonan Pengesahan Hibah - 21/04/2008</i>]	241 - 251
Raihanah binti Mohd Ali <i>lwn. Kamarudin bin Mohd Nor Dan 3 Yang Lain</i> [Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu - <i>Rayuan Permohonan Pengesahan Hibah - 21/04/2008</i>]	253 - 292

SENARAI STATUT

BIL.	STATUT	MUKASURAT
1.	Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955	
	s. 3	262
	s. 5	263
	s. 13(1)	264
	s. 14	265
	s. 19	265
2.	Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah- Wilayah Persekutuan) 1993,	
	s. 52	237
	s. 53	
3.	Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah- Wilayah Persekutuan) 1998	
	s. 120	238
	s. 121(1)(c)	238
4.	Enakmen Tatacara Mal Mahkamah (Negeri Kelantan) 2002	
	s. 63	161
	s. 64	162
	s. 100	164
	s. 66	196
	s. 67	196
5.	Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 1982	
	s. 9(2)(iv)	183,211,243
	s. 2	189, 216
6.	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002 sek.122	184, 211
7.	Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan 2002 s. 72, s.63, s.12	247
8.	Enakmen Mahkamah Syariah (Negeri Terengganu) 2001 s. 4, s.7	225,226
7.	Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Terengganu) 2001 s. 74, s. 73	274,276

SENARAI RUJUKAN KES

BIL.	TAJUK	MUKASURAT
1.	Anchom bte. Lampong v. Public Prosecutor [1940] MLJ 375	175
2.	Alias bin Ismail lwn. Fatimah bt. Awang dan Lain [1990] 7(i) JH 47	272
3.	Che Omar bin Che Soh v. Public Prosecutor [1998] 2 MLJ 306	174
4.	Lina Joy v. Majlis Agama Islam W/Persekutuan & Anor [2004] 2 MLJ 119	175
5.	Meor Atiqulrahman b. Ishak & Ors. v. Fatimah bte. Sihi & Ors. [2000] 2 MLJ 119	175
6.	Mohamed Habibullah bin Mahmood lwn. Faridah binti Dato' Talib [1992] 2 MLJ 293	268
7.	Md. Hakim Lee lwn. Majli Agama Islam W/Persekutuan [1998] MLJ 681	268
8.	Mustafah bin Batcha lwn. A. Habeeba [1991] 7 (ii) JH 255	282
9.	Wong Ah Fook v. State of Johore [1939] MLJ 128	174

PEGUAM SYARIE DALAM INSTITUSI QADA'

oleh :Y.A.A. Dato' Haji Daud bin Muhammad*

(Dato' Aria D'Raja)

Pendahuluan

Sebenarnya seseorang manusia yang lemah dan tidak berdaya untuk mempertahankan haknya memerlukan seorang pembela atau wakil bagi menegakkan keadilan di pihaknya. Seseorang peguam mempunyai kewajiban untuk membantu seseorang yang memerlukan bantuan ini dengan memberikan khidmat guaman kepada anak guamnya untuk memenuhi harapan dan permintaannya. Anak guam biasanya mengharapkan khidmat sepenuhnya daripada peguam agar dia boleh memenangi kes atau jika disabitkan kesalahan, hukuman ke atasnya diketepikan atau diringankan melalui proses rayuan ke Mahkamah yang lebih tinggi. Peguam juga berperanan membantu Hakim untuk menyelesaikan sesuatu kes berlandaskan prinsip keadilan. Maka sewajarnya seseorang peguam itu mempunyai kelayakan yang membolehkannya dilantik menjadi seorang Peguam Syarie untuk mewakili anak guamnya di Mahkamah Syariah. Peguam Syarie ditugaskan membela anak guamnya di Mahkamah Syariah dalam kes yang mana Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa.

Latar Belakang Kewujudan Peguam Dalam Institusi Qada'

Profesion peguam seperti yang wujud pada hari ini tidak dikenali di zaman Nabi Muhammad s.a.w., lebih-lebih lagi semasa zaman Arab Jahiliyyah. Sejarah telah membuktikan bagaimana penghakiman yang terpakai di zaman Arab Jahiliyyah tidak bersistem. Zaman itu berorientasikan pengadilan yang diketuai oleh orang tengah (*kahin*) atau dikenali sebagai *arbitrator*. Yang uniknyanya orang tengah ini akan dilantik oleh dua pihak yang bertelagah dan keputusan yang dibuat oleh orang tengah ini akan diterima dengan hati terbuka. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna bahawa amalan mewakili kes kepada seseorang begitu asing di zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat. Pernah al-Baihaqi meriwayatkan daripada Abdullah bin Jaafar bahawa Saidina Ali mewakili Uqail bin Abi Talib dan apabila dia (Uqail) telah

lanjut umurnya maka Ali mewakilkan pula kepada Abdullah bin Jaafar. Meskipun begitu terdapat beberapa hujah bahawa Ali dianggap sebagai seorang pembela yang terbaik di kalangan para sahabat.

Apabila kita memperkatakan tentang Peguam Syar'ie, bererti kita akan memperkatakan tentang seorang peguam yang membela anak guamnya di Mahkamah Syariah dalam kes-kes yang berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Peguam Syar'ie akan memberikan khidmat guamannya kepada pelanggan untuk memenuhi harapan dan permintaan mereka. Pelanggan atau anak guam biasanya mengharapkan perkhidmatan yang terbaik daripada peguam yang dilantik. Tujuan utama ialah agar peguam tersebut boleh memenangi kes bagi pihak anak guam atau jika sabit kesalahan hukuman yang akan dijatuhkan menjadi ringan. Ada kalanya khidmat Peguam Syar'ie diperlukan dalam kes-kes rayuan. Umumnya, pelanggan atau anak guam mengharapkan khidmat Peguam Syar'ie untuk kepentingannya sama ada dalam kes-kes jenayah ataupun sivil di dalam mana-mana peringkat Mahkamah yang membicarakan kesnya.

Jika dilihat daripada keterangan di atas seolah-olah Peguam Syar'ie berkhidmat untuk membela anak guamnya tanpa mengira sama ada mereka itu benar atau salah. Adakah benar anggapan itu, dan apakah pandangan Islam terhadap profesion guaman? Inilah persoalan yang selalu ditimbulkan dan diperbincangkan oleh umat Islam. Secara langsung persoalan di atas merupakan cabaran terhadap profesion ini. Sebelum kita menjawab persoalan tersebut ada baiknya kita melihat sikap Islam terhadap keadilan dan kezaliman.

Islam Menghendaki Keadilan

Allah mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai rahmat untuk sekalian alam dengan membawa agama Islam yang terdiri daripada akidah, syariah dan akhlak. Syariah atau undang-undang Islam bertujuan untuk menegakkan keadilan mutlak tanpa memilih bangsa, agama, warna kulit dan seterusnya. Islam menuntut agar hak diberikan kepada yang berhak. Seseorang itu dibenarkan mempertahankan haknya daripada dicabul dan merampas hak orang lain bererti zalim. Islam tidak pernah bertolak ansur dalam menegakkan keadilan.

Firman Allah:

a □
لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ
النَّاسُ بِالْقِسْطِ

b Bermaksud:

“Dan sesungguhnya Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka kitab suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan”. (Surah *al-Hadid* 57:25)

c □

Ayat ini dengan jelas menyatakan bahawa rasul-rasul termasuklah Rasulullah s.a.w. diutus bersama kitab suci dan ajaran-ajaran serta keterangan daripada Allah, untuk menegakkan keadilan yang dituntut oleh Allah. Rasulullah s.a.w. diperintahkan supaya sentiasa berlaku adil dan tiada tolak ansur dalam menegakkan keadilan.

Dalam ayat yang lain Allah telah berfirman:

e □
وَقُلْ ءَامَنْتُ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنْ كِتَابٍ وَأُمِرْتُ لِأَعْدِلَ بَيْنَكُمْ

f Bermaksud:

“Katakanlah (wahai Muhammad): ‘Aku beriman kepada segala kitab yang diturunkan oleh Allah dan aku diperintahkan supaya berlaku adil antara kamu’”. (Surah *al-Syura* 42:15)

g Walaupun perintah di atas ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. semua manusia tidak dikecualikan daripada mematuhi perintah tersebut termasuklah hakim, pendakwa, peguam dan seterusnya. Keadilan yang wajib ditegakkan meliputi semua aspek dan bidang, tidak kira sama ada dari segi undang-undang, pembahagian kekayaan, tindak-tanduk maupun dari segi mendengar perbicaraan, memutuskan kes-kes, mengemukakan fakta, keterangan dan pengolahan dan pembentangan kes-kes semasa perbicaraan. Islam menuntut semua umatnya supaya sentiasa berlaku adil dalam semua tindakan yang dilakukan.

Firman Allah:

وَأَوْفُوا الْكَيْلَ وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ لَا تُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا
وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدِلُوا

Bermaksud:

“Dan sempurnakanlah segala sukatan dan timbangan dengan adil. Kami tidak memberatkan seseorang dengan kewajiban melainkan sekadar kesanggupannya dan apabila kamu menyatakan sesuatu maka hendaklah kamu berlaku adil”.(Surah *al-An'am* 6:152)

Melalui ayat tersebut, Allah dengan jelas memerintahkan umat manusia agar berlaku adil dalam semua perkara, dan memberikan hak kepada yang berhak, dan semua hak hendaklah disempurnakan walaupun dalam hal timbang menimbang. Allah menegaskan, apabila kamu menyatakan sesuatu hendaklah kamu berlaku adil. Ini bermakna, dalam mengeluarkan kata-kata, memberikan pendapat atau menyampaikan pandangan, kita hendaklah berlaku adil. Persoalan yang timbul ialah, adakah kita telah menghayati arahan ini. Dalam konteks persoalan yang sedang dibincangkan ini, adakah pelanggan yang mengemukakan kesnya kerana benar-benar ingin menuntut keadilan? Bagi para peguam pula, termasuklah Peguam Syarie yang bertindak membantu dan membela pelanggan mereka adakah kerana benar-benar ingin menuntut keadilan? Bagi para peguam pula, termasuklah Peguam Syarie yang bertindak membantu dan membela pelanggan mereka adakah kerana benar-benar ingin menegakkan keadilan? Adakah cara mereka membela dan kata-kata yang mereka gunakan adil? Cara mereka mengemukakan soalan-soalan ini perlu diselesaikan oleh kita bersama, bukan melalui hujah dan logik tetapi melalui penghayatan terhadap akhlak Islam, berpegang kepada ajarannya, dan melaksanakan tugas dengan amanah dan adil seperti yang dituntut oleh Allah.

Dalam ayat yang lain pula Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدِينٍ إِلَى أَجَلٍ مُّسَيَّءٍ فَأَكْتُبُوهُ
وَلْيَكُتُبْ بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ

Bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang-piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan adil”. (Surah *al-Baqarah* 2:282)

Ayat ini dengan jelas memerintahkan apabila seseorang itu bertugas membuat catatan atau dikehendaki untuk menulis, maka hendaklah melakukannya dengan adil. Ternyata keadilan yang dituntut oleh Islam amat luas dan menyeluruh hinggakan dalam aspek penulisan, catat-mencatat, dan surat-menyurat semuanya hendaklah dilakukan dengan adil. Dalam hubungan ini, peguam mempunyai tanggungjawab yang berat. Mereka hendaklah berlaku adil, cermat dan amanah dalam menjalankan tugas mereka dalam surat-menyurat, catatan dan tulisan mereka. Seperti yang dimaklumi, seseorang peguam banyak menggunakan catatan dan surat-menyurat dalam menjalankan tugas. Surat-menyurat dan catatan mereka boleh mempengaruhi perjalanan sesuatu kes. Adakalanya peguam juga bertindak sebagai wakil. Hak seseorang pelanggan boleh terjejas jika peguam tersebut tidak adil, cermat dan amanah dalam surat-menyurat, catatan dan tulisannya. Demikianlah juga dengan hak pihak yang satu lagi. Hak mereka akan terjejas jika peguam yang mewakili lawannya tidak adil, amanah dan cermat dalam tulisan dan catatannya.

Oleh itu memang tepat ingatan Allah agar manusia berlaku adil dalam membuat catatan dan tulisan kerana peranan tulisan dan catatan amat penting dalam menegakkan keadilan. Tentulah para peguam tidak terlepas daripada peringatan ini. Tambahan pula peranan surat-menyurat, catatan dan tulisan dalam profesion guaman amat penting dan tidak boleh dielakkan.

Dalam ayat yang lain Allah berfirman :

اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُكُمْ اَنْ تُؤَدُّواْ اَلْاَمَانَتِ اِلٰى اَهْلِهَا وَاِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ
النَّاسِ اَنْ تَحْكُمُوْا بِالْعَدْلِ

Bermaksud:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di atas manusia, Allah menyuruh kamu menghukum dengan adilnya”. (Surah *al-Nisaa'* 4:58)

Ayat ini dengan tegas memerintahkan agar umat manusia menjaga, menyimpan dan menyempurnakan amanah dan menyerahkannya kepada yang berhak. Allah juga memerintahkan manusia agar menghukum manusia dengan adil, tanpa mengira perbezaan bangsa, agama, kebudayaan dan warna kulit. Jika dilihat pada tugas peguam kepada pelanggannya di satu pihak dan mahkamah di pihak yang lain, ternyata ayat ini mempunyai hubungan yang rapat dengan mereka. Peguam bertindak untuk menjaga kepentingan pelanggan dan berusaha untuk memenuhi hasrat mereka. Adakalanya, peguam terpaksa menghadiri perbicaraan, membuat kajian kes, mengadakan penyiasatan dan memenangi kes untuk memuaskan hati pelanggan. Dalam masa yang sama peguam hendaklah bersifat amanah dan jujur dalam menjalankan tugasnya sebagai seorang peguam seperti yang dituntut oleh etika guaman dan kerjanya. Pada hakikatnya peguam adalah pegawai mahkamah yang bertugas membantu hakim untuk menegakkan keadilan. Peguam juga, adakalanya bertindak bagi pihak pelanggannya sebagai pemegang amanah yang menguruskan harta, membuat perjanjian dengan pihak yang lain, wakil yang melindungi, menjaga dan merundingkan kepentingan pelanggan.

Berdasarkan tugas dan peranan peguam di mahkamah dan di luar mahkamah dan dalam hubungannya sebagai wakil pelanggan untuk menjaga, mempertahankan dan merundingkan hak dan kepentingan mereka memanglah tepat arahan dan perintah Allah melalui ayat di atas untuk dijadikan asas dalam melaksanakan tugas tersebut, walaupun ayat tersebut bersifat umum.

Allah berfirman:

a يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ
 أَنْفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ ۚ إِن يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ
 b أَوْلَىٰ بِهِمَا ۖ فَلَا تَتَّبِعُوا هَوًىٰ أَنْ تَعْدِلُوا ۚ وَإِنْ تَلَوْتُمْ أَوْ نَعَرَضُوا فَلْيَنْ
 اللَّهُ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

Bermaksud:

c “Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang senantiasa menegakkan keadilan lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah sekalipun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu, kalau orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka) janganlah kamu menghalang daripada saksi (yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbangrasa) kepada keduanya. Oleh itu janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya tidak menyeleweng daripada keadilan. Dan jika kamu memutarbelitkan keterangan ataupun enggan daripada menjadi saksi, maka sesungguhnya Allah senantiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”. (Surah *al-Nisaa'* 4:135)

e Ayat ini menjelaskan bahawa adalah menjadi kewajipan kepada kita semua untuk menegakkan keadilan dan menjadi saksi kerana Allah walaupun ke atas diri kita sendiri, keluarga, ibu bapa atau sesiapa sahaja.

f Dalam hal ini para peguam juga hendaklah mematuhi arahan Allah. Mereka wajib menegakkan keadilan walaupun ianya bertentangan dengan kepentingan diri mereka sendiri atau pelanggan mereka. Para peguam hendaklah sentiasa menegakkan keadilan, berpegang kepada prinsip dan mempertahankan nilai yang murni, serta patuh kepada Allah dan mencari keredaannya. Hawa nafsu, perasaan kasihan, benci atau marah tidak boleh dijadikan motif tindakan. Kepentingan peribadi, kemasyhuran dan perasaan ingin menang dalam sesuatu perbicaraan hendaklah diketepikan. Sebaliknya para peguam hendaklah menjadi saksi kerana Allah s.w.t. dan kemenangan yang sebenar ialah keredaan Allah s.w.t. Kemuncak kejayaan seorang peguam dalam menjalankan tugas dan memainkan peranan sebagai peguam adalah berjaya menegakkan keadilan Ilahi.

Firman Allah :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا
يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا ۚ اَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ
لِلتَّقْوَىٰ

Bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua senantiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa juga) kerana sikap adil itu hampir kepada takwa”. (Surah *al-Ma'idah* 5:8)

Ayat ini memerintahkan manusia agar menegakkan keadilan kerana Allah. Ia merupakan ibadah dan boleh mendekatkan diri manusia kepada Allah. Keadilan hendaklah ditegakkan dengan tegas. Demi untuk menegakkan keadilan Islam, perasaan benci pada lawan atau musuh hendaklah diketepikan. Dalam hal ini peguam juga dituntut untuk menegakkan keadilan. Peranan mereka penting dalam usaha untuk membuktikan keunggulan keadilan Islam, ketinggian dan keluhuran undang-undang Islam.

Peguam yang melaksanakan tugasnya dengan cermat, amanah dan adil bererti melakukan ibadah kepada Allah. Ini merupakan cabaran terhadap mereka. Adakah mereka telah berjaya menahuti cabaran ini? Adakah mereka telah menghayati kerjaya mereka sesuai dengan arahan-arahan Allah. Apakah motif utama mereka dalam melaksanakan tugas dan memainkan peranan mereka sebagai seorang peguam bagi menegakkan keadilan mutlak dan mencari keredaan Allah.

Islam Menentang Kezaliman

Undang-undang Islam bertujuan untuk memberikan keadilan dan mengelakkan kezaliman. Kepentingan individu dan masyarakat hendaklah dipelihara, dijamin dan dipertahankan. Setiap pencabulan dan kezaliman hendaklah dielakkan dan dihapuskan. Dalam hal ini peranan

peguam amat penting bagi memastikan keadilan dan menghapuskan kezaliman. Dengan kepakaran, ilmu, tugas dan peranan mereka, peguam merupakan golongan manusia yang memikul tanggungjawab ini bersama dengan golongan lain seperti hakim, penguatkuasa dan pelaksana undang-undang. Terdapat banyak ayat al-Qur'an yang menjelaskan bahawa kezaliman dalam apa bentuk sekalipun hendaklah dihapuskan dan dielakkan. Antaranya ialah Allah dengan tegas menyatakan bahawa orang-orang yang zalim adalah dibenci dan dimurkainya.

Firman Allah:

وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ

Bermaksud:

"Dan Allah tidak suka kepada orang-orang yang zalim"
(Surah Ali-Imran.3:57)

Dalam ayat yang lain Allah s.w.t. menegaskan bahawa orang yang zalim tidak akan mendapat hidayat daripadanya. Allah berfirman:

وَلَقَدْ أَهْلَكْنَا الْقُرُونََ مِنْ قَبْلِكُمْ لَمَّا ظَلَمُوا وَجَاءَهُمْ رُسُلُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ
وَمَا كَانُوا لِيُؤْمِنُوا كَذَلِكَ نَجْزِي الْقَوْمَ الْمُجْرِمِينَ

Bermaksud:

"Dan sesungguhnya telah Kami binasakan beberapa umat sebelum kamu ketika mereka melakukan kezaliman dan telah datang beberapa orang Rasul kepada mereka dengan membawa keterangan, tetapi mereka tidak mahu beriman, begitulah kami membalas kaum yang berdosa". (Surah Yunus 10:13)

Telah dijelaskan bahawa Allah akan menyiksa orang yang zalim dengan balasan api neraka. Perbuatan zalim tetap akan diketahui Allah dan ianya tidak boleh disembunyikan kerana Allah Maha Melihat dan Mengetahui. Ayat itu juga telah menjelaskan bahawa Allah telah membinasa dan menurunkan azab dan malapetaka di dunia dan akhirat kepada umat terdahulu yang melakukan kezaliman.

Allah berfirman lagi:

وَلَا تَحْسَبَنَّ اللَّهَ غَفِيلاً عَمَّا يَعْمَلُ الظَّالِمُونَ
إِنَّمَا يُؤَخِّرُهُمْ لِيَوْمٍ تَشْخَصُ فِيهِ الْأَبْصَارُ

Bermaksud:

“Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyangka Allah lalai akan apa yang dilakukan oleh orang-orang yang zalim, sesungguhnya ia hanya melambat-lambatkan balasan mereka hingga ke suatu hari yang padanya terbeliak kaku pemandangan mereka (kerana gerun gemetar melihat keadaan yang berlaku)”.(Surah Ibrahim 14:42)

Jelaslah bahawa orang yang zalim akan diazab dengan azab yang amat pedih. Jika ia tidak mendapat balasan yang wajar di dunia, atau ia terlepas daripada hukuman di dunia, tidaklah bermakna yang ia akan terus terlepas bebas. Ia akan tetap mendapat balasan yang setimpal di akhirat nanti. Demikianlah ketegasan Allah.

Dalam beberapa potong ayat yang tersebut di atas jelaslah bahawa Islam amat membenci kezaliman dalam semua bentuk, dan kezaliman itu hendaklah dibenteras dan dihapuskan. Persoalan yang sedang kita hadapi ialah walaupun undang-undang Islam itu adil tetapi jika ianya tidak ditadbirkan dengan adil, maka keadilan tidak akan wujud. Hakim yang adil tidak akan dapat menjatuhkan hukuman dengan adil sekiranya pihak yang bertikai tidak bersifat adil dan undang-undang pula tidak dilakukan secara adil tetapi yang bertikai tidak mendukung keadilan maka hukuman tidak akan dapat diberikan secara adil kerana hakim menghukum berdasarkan fakta dan keterangan yang zahir sahaja. Ini bermakna, seseorang yang menuntut sesuatu yang ia tidak berhak adalah merupakan satu kezaliman. Mengambil hak orang lain, mencabul hak orang, menempatkan sesuatu bukan pada tempatnya atau memberikan hak kepada yang tidak berhak juga merupakan suatu kezaliman. Malahan membantu melakukan kezaliman juga merupakan suatu kezaliman. Justeru itu semua perbuatan yang tersebut di atas hendaklah dicegah dan dihapuskan.

Antara cabaran hebat dan besar dalam tugas guaman ialah sejauh manakah peguam berjaya untuk membanteras kezaliman? Inilah persoalan yang sentiasa menjadi tanda tanya masyarakat umum.

Bersubahat dengan Orang Zalim

Allah memerintahkan agar keadilan mutlak ditegakkan, kezaliman dibanteras dan seterusnya dihapuskan. Islam juga mengharamkan manusia daripada membantu orang-orang zalim melakukan perbuatan zalim.

Firman Allah:

وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ

□

Bermaksud:

"Dan ingatlah, orang-orang yang zalim itu tidak ada siapapun yang dapat menolongnya". (Surah al-Baqarah 2:270)

Orang yang zalim tidak wajar dibantu agar terus melakukan kezaliman dan kita juga mestilah mengelakkan diri daripada bersubahat dengan orang yang zalim. Dalam hubungan ini Allah telah menceritakan bahawa Nabi Harun a.s. telah berdoa agar ianya tidak bersama-sama dengan orang yang zalim.

Firman Allah:

□

فَلَا تُشْمِتْ بِيَ الْأَعْدَاءَ وَلَا تَجْعَلْنِي مَعَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ

Bermaksud:

"Oleh itu janganlah engkau menjadikan musuh gembira melihat (tempelaku) kepadaku, dan janganlah engkau jadikan aku termasuk dalam golongan orang-orang yang zalim" (Surah al-A'raf 7:150)

Demikianlah dengan tegas dijelaskan bahawa bersubahat dengan orang-orang yang zalim adalah ditegah. Menyokong, bersubahat dan cenderung kepada orang zalim adalah satu kezaliman dan akan dibalas dengan azab siksa. a

Firman Allah :

وَلَا تَرْكُنُوا إِلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا فَتَمَسَّكُمُ النَّارُ وَمَا لَكُم مِّنْ دُونِ اللَّهِ مِنِّ أَوْلِيَاءَ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ ﴿١١٣﴾ b

Bermaksud:

“Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang melakukan kezaliman, maka (kalau kamu berlaku demikian) api neraka akan membakar kamu, sedang kamu tidak ada sebarang penolongpun, yang lain dari Allah, kemudian (dengan sebab kecenderungan kamu itu) kamu tidak akan mendapat pertolongan”. (Surah *Hud* 11:113) c

Allah dengan tegas menyatakan bahawa sesiapa yang menyokong atau cenderung kepada orang zalim akan disiksa. Dalam ayat yang lain Allah menegaskan bahawa tidak wajar bagi sesiapapun bersubahat dengan orang-orang yang zalim. d

Firman Allah:

فَلَا تَقْعُدُوا مَعَ الظَّالِمِينَ e

Bermaksud:

“Maka janganlah engkau duduk lagi bersama-sama kaum yang zalim itu, sesudah engkau teringat (akan larangan itu)”. (Surah *al-An'am* 6:68) f

Dalam ayat yang lain Allah dengan tegas melarang kita daripada membela orang yang zalim. Larangan ini dapat dilihat dalam firman Allah: g

إِنَّا أُنزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا أَرَاكَ اللَّهُ وَلَا تَكُن لِّلْخَآئِنِينَ خَصِيمًا ﴿٥٥﴾ h

Bermaksud:

“Sesungguhnya kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab (al-Qur'an) dengan membawa kebenaran, supaya engkau menghukumkan antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyunya) dan janganlah engkau menjadi pembela bagi orang-orang yang melakukan khianat”. (Surah *al-Nisa* '4:105)

Ayat ini dengan jelas menyatakan bahawa manusia hendaklah menghukum berdasarkan undang-undang Allah, kerana hanya undang-undang Allah yang dapat menjamin keadilan. Pada masa yang sama manusia ditegah daripada membela orang-orang yang zalim.

Berdasarkan ayat-ayat yang telah diperturunkan di atas ternyata Islam bukan sahaja menentang kezaliman malahan juga menentang perbuatan dan tindakan yang bertujuan membantu orang zalim yang ingin meneruskan kezaliman. Menolong mereka bererti melakukan kezaliman. Bersimpati, bersekongkol dan bersepakat dengan orang zalim adalah haram, apatah lagi untuk membela dan mempertahankan mereka. Sikap Islam terhadap golongan yang membela dan mempertahankan kezaliman ini adalah jelas, iaitu perbuatan sedemikian adalah berdosa dan merupakan suatu kezaliman juga.

Persoalan yang timbul dalam perbincangan ini ialah pertama, adakah tindakan seseorang peguam membela pelanggannya dalam sesuatu perbicaraan bererti peguam tersebut telah membela kezaliman dan bersekongkol dengan orang-orang yang zalim, sedangkan orang yang dibela itu belum lagi disabitkan kesalahannya oleh mahkamah. Menurut undang-undang seseorang itu tidak bersalah melainkan setelah dibuktikan yang ianya bersalah.

Persoalan yang kedua ialah, jika seseorang itu telah disabitkan kesalahan, tetapi atas permintaan anak guamnya, peguam boleh mengemukakan rayuan ke mahkamah yang lebih tinggi agar hukuman yang dijatuhkan diringkaskan, diulangkaji semula atau diketepikan. Adakah bantuan yang diberikan oleh peguam tadi bererti bersekongkol, bersubahat atau menyokong perbuatan zalim?

Seperti yang dimaklumi, peguam dalam kedua-dua keadaan yang tersebut di atas bertindak untuk membantu mahkamah agar setiap peringkat perbicaraan berjalan dengan baik, lancar dan agar semua fakta, prosedur dan undang-undang yang berkaitan dengan kes tersebut dapat dikemukakan dan seterusnya diperbahaskan dengan cara profesional. Melalui cara ini, hakim dapat dibantu untuk menghukum dengan adil, tepat dan matang.

a

b

Persoalan lain ialah adakah semua peguam mempunyai niat dan tujuan murni semasa mereka menerima tanggungjawab untuk membantu dan membela pelanggannya? Sama ada mereka membantu menegakkan keadilan atau bersubahat, membela dan bersama dengan orang-orang yang zalim semuanya bergantung kepada niat. Bagaimana pula dengan cara peguam bertindak dan berhujah. Adakah ini boleh dianggap sebagai gambaran kepada niat mereka?

c

Pada hakikatnya, persoalan-persoalan di atas merupakan sebahagian daripada cabaran yang dihadapi oleh peguam syar'ie.

d

Amalan Sahabat

Jika diperhatikan dengan teliti ternyata membela orang-orang yang dituduh dan orang-orang yang telah dijatuhi hukuman agar hukuman yang dijatuhkan itu dikaji semula atas sebab-sebab tertentu telah pun diamalkan oleh para sahabat. Sebagai contoh:

e

1. Pada tahun kebuluran telah berlaku zina iaitu seorang perempuan yang telah pun berkahwin mengadu yang ia mengandung akibat melakukan zina dan meminta agar Khalifah Umar mengenakan hukuman rejam. Sebelum hukuman dijatuhkan, Saidina Ali telah meneliti kes tersebut dan sebab-sebab yang mendorong perempuan tersebut melakukan zina. Setelah siasatan dilakukan, didapati perempuan tersebut telah diperkosa dan zina tersebut bukanlah berlaku dengan kerelaannya tetapi kerana untuk menyelamatkan dirinya daripada kebuluran. Kejadian ini berlaku ketika perempuan itu sedang berada dalam keadaan terlalu dahaga. Dia terjumpa seorang lelaki yang memiliki susu dan dia meminta sedikit susu daripada lelaki tersebut.

f

g

h

Akan tetapi permintaan perempuan tersebut ditolak sebanyak tiga kali. Akhirnya lelaki tersebut bersetuju memberikan susu kepada perempuan itu dengan syarat perempuan itu menyerahkan dirinya. Lelaki itu kemudian telah memperkosa perempuan tersebut. Setelah mendengar keterangan tersebut maka Saidina Ali pun membaca ayat berikut:

فَمَنْ أَضْطَرُّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ

Bermaksud:

"Allahu Akbar! Barang siapa dalam keadaan terpaksa sedang ianya tidak menginginkan dan tidak pula melampaui batas maka tidak ada dosa baginya".(Surah *al-Baqarah* 2:173)

Menurut al-Baihaqi dalam sunannya bahawa diriwayatkan wanita itu telah datang kepada Saidina Umar membuat ikrar melakukan zina, tetapi bukan dengan kerelaannya kerana semasa peristiwa itu perempuan tersebut berasa amat haus dan keletihan kerana mengembala. Berdasarkan pandangan Saidina Ali, Khalifah Umar akhirnya membebaskan perempuan tersebut atas alasan darurat.¹

Dalam kes ini, Saidina Ali telah bertindak melakukan pembelaan ke atas diri perempuan tersebut. Walaupun perempuan tersebut telah melakukan ikrar di hadapan hakim iaitu Khalifah Umar, tetapi Saidina Ali yang bertindak sebagai pembela perempuan tersebut berasakan ikrar tersebut tidak wajar diterima sebelum ia dipastikan tiada tohmah dan syubhah. Saidina Ali telah berjaya membuktikan bahawa walaupun perempuan tersebut membuat ikrar melakukan zina tetapi keadaan yang menyebabkan zina tersebut dilakukan adalah perlu dipertimbangkan. Dalam kes ini, zina dilakukan kerana terpaksa iaitu demi untuk menyelamatkan diri daripada mati kehausan.

Fakta ini telah berjaya diketengahkan, dianalisis dan diberikan ulasan hukumnya menurut syariat Islam oleh Saidina Ali. Alasan undang-undang berdasarkan konsep darurat telah berjaya menyakinkan hakim ketika itu, Khalifah Umar. Akhirnya perempuan tersebut telah berikrar di mahkamah. Perlu diingat, kes ini menunjukkan bahawa sesuatu ikrar itu boleh diterima setelah dipastikan bahawa ianya dilakukan secara rela hati, tiada syubhah dan tohmah. Orang yang membuat ikrar mengetahui kesan ikrarnya serta perlu juga diteliti suasana, latar belakang dan fakta kes yang diikrarkan itu.

2. Pada suatu hari, seorang perempuan telah datang mengadu kepada Khalifah Umar mengenai suaminya. Pada masa itu Ka'ab berada di sisi Khalifah Umar. Perempuan tersebut berkata, "Wahai Amir al-Mukminin aku tidak pernah melihat lelaki yang lebih baik daripada suamiku. Dia berjaga sepanjang malam (kerana beribadat), berpuasa sepanjang siang walaupun tatkala cuaca terlalu panas, dia tidak akan berbuka." Mendengar demikian, Khalifah Umar memohon keampunan kepada Allah bagi perempuan itu kerana dianggapnya perempuan itu bernasib baik mendapat suami yang baik seperti itu. Mendengar kata-kata Khalifah Umar perempuan tersebut tadi malu lalu berundur. Melihat demikian, Ka'ab yang berada di sisi Khalifah Umar pun berkata, "Sesungguhnya perempuan tersebut telah membuat pengaduan mengenai suaminya kepada tuan!" Khalifah Umar bertanya, "Benarkah demikian?" Ka'ab menjawab, "Benar." Lalu Khalifah Umar memanggil semula perempuan tersebut. Khalifah Umar berkata, "Tidak ada apa-apa yang perlu dimalukan, katakanlah dengan sebenarnya, sesungguhnya dia (Ka'ab) mengatakan kamu bertuah untuk membuat pengaduan mengenai suamimu kerana ianya tidak tidur bersamamu." Perempuan itu berkata, "Benar, sesungguhnya aku adalah seorang perempuan muda, aku juga mempunyai keinginan seperti perempuan-perempuan lain." Mendengar demikian, Khalifah Umar memanggil suami perempuan muda itu. Setelah suaminya hadir, Khalifah Umar memerintahkan Ka'ab supaya menghakimkan kes tersebut kerana beliau berjaya memahami kes tersebut dengan sebenarnya. Ka'ab telah menolak pelantikan tersebut dan berkata, "Sesungguhnya

a Amir al-Mukminin berhak untuk menghakimkan mereka!”
Khalifah Umar berkata, “Aku telah memutuskan yang engkau
menghakimkan mereka.” Dengan itu Ka’ab pun memutuskan
kes mereka dan berkata, “Aku berpendapat seolah-olah lelaki ini
b mempunyai empat orang isteri dan puan isterinya yang keempat.
Oleh yang demikian, tiga hari siang dan malam bolehlah ia
beribadat, dan satu hari adalah giliran puan.” Khalifah Umar
mendengar keputusan tersebut dan berkata, “Sesungguhnya
pendapatmu dari mula hingga akhir amat menarik, dengan itu
pergilah kau ke Basrah untuk menjadi kadi di sana.” ²

c Riwayat ini menunjukkan bahawa Ka’ab bin Sur al-Azdi telah
membantu seorang perempuan dalam kesnya yang didengar
oleh Khalifah Umar. Dalam pembelaannya, Ka’ab bin Sur telah
memberikan penerangan lanjut tentang kes yang dikemukakan
d oleh perempuan tersebut dan maksud aduan perempuan tersebut
yang kurang difahami oleh hakim yang membicarakan iaitu
apabila dia menyatakan bahawa suaminya sentiasa berjaga malam
kerana beribadat dan sentiasa berpuasa di waktu siang. Maksud
pengaduan seperti ini bukanlah untuk menceritakan tentang
kesolehan dan kebaikan suaminya seperti yang difahami oleh
e hakim, tetapi mengadukan hal suami yang tidak tidur bersama
dan melayan nalurinya sebagai isteri yang muda kerana suaminya
sibuk beribadat di waktu malam dan berpuasa di waktu siang.

f Dengan kepakaran menguasai fakta kes, memahami bahasa kiasan
dan masalah yang dikemukakan, Ka’ab telah berjaya membantu
Mahkamah mengendalikan kes tersebut dengan jayanya. Oleh
kerana orang yang membela perempuan tadi (Ka’ab) adalah juga
pakar undang-undang maka Khalifah Umar melantik Ka’ab untuk
memutuskan kes tersebut.

g 3. Saidina Abdullah bin Abbas berpendapat bahawa jangka
masa susuan dan mengandung ialah 30 bulan. Jika jangka masa
minimum mengandung 6 bulan bererti jangka masa susuan ialah
24 bulan. Jika jangka masa mengandung ialah 9 bulan bererti
h jangka masa susuan ialah 21 bulan. Ibn Abbas juga berpendapat
bahawa jangka masa minimum mengandung ialah 6 bulan.

Pada suatu hari seorang perempuan yang telah berkahwin dan melahirkan anak iaitu selepas 6 bulan berkahwin, telah dihadapkan kepada Khalifah Uthman, dan Khalifah Uthman telah menjatuhkan hukuman rejam ke atas perempuan tersebut. Apabila khalifah hendak memulakan hukuman rejam tersebut, Ibn Abbas pun datang dan berkata kepada Khalifah Uthman, “Jika perempuan tersebut mendakwa tuan berdasarkan kitab Allah nescaya ianya menang!”

Allah telah berfirman:

□

وَحَمْلُهُ وَفِصْلُهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا

Bermaksud:

“Kandungan dan susuan (bagi kanak-kanak) ialah tiga puluh bulan”

(Surah *al-Ahqaf* 46:15)

Dan dalam ayat yang lain pula Allah berfirman:

ص

□

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَدَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ

Bermaksud:

“Ibu-ibu yang menyusukan anaknya yang ingin menyusukannya dengan sempurna ialah selama dua tahun (dua puluh empat bulan)”.

(Surah *al-Baqarah* 2:233)

Oleh yang demikian, jangka masa (minimum) mengandung ialah enam bulan dan jangka masa susuan ialah dua puluh empat bulan. Mendengar keterangan tersebut Khalifah Uthman pun melepaskan perempuan tersebut.

Berdasarkan keterangan di atas jelaslah bahawa Ibn Abas berjaya membantu perempuan tersebut sehingga ia terlepas daripada hukuman rejam yang telah dijatuhkan ke atasnya oleh Khalifah Uthman kerana kegagalannya

a untuk membuktikan bahawa perempuan itu mengandung
hasil daripada persetubuhan yang halal dengan suaminya
dan perempuan itu melahirkan anak dalam jangka masa yang
singkat daripada lazimnya iaitu hanya selepas enam bulan daripada
tarikh perkahwinannya. Oleh kerana Ibn Abbas adalah seorang
ahli dan pakar dari segi hukum syarak menyebabkan beliau dapat
berhujah dan mengeluarkan hukum dengan “beramal” berdasarkan
kedua-dua ayat daripada surah *al-Ahqaf* dengan *al-Baqarah*.

b
c Daripada huraian ini jelaslah bahawa peguam boleh merayu ke
atas mana-mana keputusan mahkamah jika ada pihak yang tidak
berpuas hati bagi pihak anak guamnya selagi dibenarkan oleh
hukum syarak.

d Dalam hal ini lebih baik merujuk kepada yang mengetahui dan
pakar dalam hukum syarak supaya tugas ini dapat dilaksanakan
dengan lebih berkesan.

e
f
g 4. Khalifah Umar telah pergi menemui seorang perempuan
yang menaruh perasaan terhadap seorang pemuda. Keghairahan
perempuan ini terhadap pemuda tersebut terlalu memuncak, tetapi
pemuda tersebut telah menolak keinginan perempuan tersebut.
Ini menimbulkan kemarahan dan sakit hati, lalu perempuan
tersebut membuat tipu helah dengan memecahkan telur. Kuning
telur dibuang dan cecair putihnya dicurahkan ke atas kainnya
dan bakinya dilumurkan pada kedua pahanya. Setelah selesai
perempuan tersebut bergegas mendapatkan Khalifah Umar sambil
memekik dan berkata, “Pemuda ini cuba mencabul kehormatan,
menjatuhkan maruah dan memalukan saya di hadapan keluarga
saya. Inilah kesan daripada perbuatannya itu!” Khalifah Umar
pun bertanya kepada wanita-wanita yang berada di tempat itu dan
mereka berkata, “Sesungguhnya pada kain dan badan perempuan
itu terdapat kesan air mani!”

h Khalifah Umar hampir-hampir menjatuhkan hukuman siksa ke
atas pemuda tersebut tetapi nasib pemuda tersebut baik kerana
ia telah memekik meminta tolong sambil berkata, “Wahai Amir
al-Mukminin, pastikanlah kebenaran kes saya ini. Demi Allah
aku tidak melakukan sesuatu yang buruk dan juga langsung

tidak berniat untuk melakukannya, sebenarnya dialah yang cuba memperdayakan aku, nasib baik aku berjaya menjaga diriku daripada melakukan perkara buruk itu.”

a

Khalifah Umar pun berkata, “Wahai Abu al-Hassan (Saidina Ali) apakah pendapat tuan dalam kes mereka berdua ini?” Saidina Ali memerhatikan kesan cecair yang terdapat pada kain perempuan itu. Selepas memerhatikannya, Saidina Ali meminta agar diberikan air yang sedang mendidih lalu dicurahkan ke atas kain yang terkena cecair putih yang sudah beku itu, mencium dan merasanya. Beliau mendapati rasanya seperti rasa putih telur, menyebabkan beliau pasti bahawa cecair putih itu bukan air mani tetapi putih telur. Saidina Ali pun mengherdik perempuan tersebut menyebabkan perempuan itu akhirnya mengaku.³

b

c

Daripada kes yang tersebut di atas, jelaslah bahawa Saidina Ali telah membuat pembelaan ke atas pemuda yang difitnah itu. Berdasarkan kepakaran dari segi undang-undang, pengalaman dan yang lebih penting ialah pendapat Saidina Ali sebagai pakar dalam bidang ilmu tertentu yang tidak banyak diketahui orang iaitu, cara membeza dan menentukan sama ada cecair pada kain dan paha perempuan tersebut adalah air mani atau putih telur. Ternyata melalui pendapatnya sebagai pakar, beliau berjaya membuktikan yang cecair tersebut adalah telur dan bukan air mani. Pendapat ini telah berjaya membantu hakim untuk tidak melakukan hukuman siksa ke atas pemuda tersebut dan dengan itu keadilan dapat ditegakkan dan dipastikan.

d

e

f

Peranan seperti ini juga merupakan peranan yang dimainkan oleh peguam dan juga pakar dalam sesuatu bidang dalam kes-kes tertentu.

5. Diriwayatkan bahawa Khalifah Umar telah bertanya kepada seorang lelaki, “Bagaimana keadaan awak?” Lelaki itu menjawab, “Saya daripada kalangan mereka yang suka kepada fitnah, benci kepada kebenaran dan membuat kesaksian atas perkara yang tidak saya lihat!” Mendengar demikian Khalifah Umar memerintahkan agar lelaki tersebut dipenjarakan. Saidina Ali telah meminta

g

h

agar lelaki tersebut dikeluarkan dari penjara. Saidina Ali berkata kepada Khalifah Umar, "Lelaki ini berkata benar!" Khalifah Umar bertanya, "Bagaimana anda boleh membenarkan kata-katanya?" Saidina Ali menjawab, "Dia kasih kepada harta-hartanya" Saidina Ali menjawab, "Dia kasih kepada harta dan anak."

Allah telah berfirman:

إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ

Bernaksud:

"Sesungguhnya harta benda dan anak-anak kamu hanyalah menjadi ujian, dan di sisi Allah jualah pahala yang besar"

(Surah *al-Taghabun* 64:15)

Mendengar demikian Khalifah Umar telah memerintahkan agar lelaki itu dibebaskan sambil berkata, "Allah Maha Mengetahui dengan apa yang diperutuskan." ⁴

Daripada kes di atas ternyata bahawa Saidina Ali telah membuat pembelaan bagi orang yang telah dihukum bersalah dan hendak dipenjarakan. Oleh kerana ilmunya yang mendalam, kepakarannya yang terserlah dan pengalamannya yang luas di bidang syariah menyebabkan Saidina Ali dapat membuktikan yang lelaki tadi tidak bersalah. Malahan kenyataan yang diberikannya di hadapan Khalifah Umar adalah tepat dan benar. Saidina Ali telah berjaya membantu hakim dalam menegakkan keadilan sehingga hakim bersedia mengkaji semula keputusannya, dan seterusnya membatalkan keputusan tersebut dengan bantuan Saidina Ali.

6. Telah datang kepada Khalifah Umar seorang lelaki hitam bersama perempuan hitam. Lelaki tersebut berkata, "Wahai Amir al-Mukminin, sesungguhnya saya telah menanam pokok yang hitam, dia pula adalah seorang perempuan hitam seperti yang tuan lihat, tetapi kami telah mendapat anak yang merah!" Perempuan tersebut berkata, "Demi Allah, wahai Amir al-Mukminin, saya tidak pernah mengkhianatinya, sesungguhnya, anak ini anaknya!" Khalifah Umar yang sedang berada dalam keadaan serba salah tidak tahu apa yang hendak dikatakannya. Lalu Khalifah Umar

bertanya kepada Saidina Ali yang berada di majlis tersebut. Saidina Ali kemudian bertanya kepada lelaki hitam tadi, "Jika saya bertanya kepada anda, adakah anda akan menjawabnya dengan benar?" Lelaki itu berkata, "Demi Allah, sudah semestinya!" Saidina Ali berkata, "Adakah anda telah melakukan persetubuhan semasa isteri anda di dalam haid?" Lelaki itu menjawab, "Benar!" Saidina Ali berkata, "Allahu Akbar, sesungguhnya benih lelaki jika dicampur dengan darah akan dijadikan Allah anak yang lahir darinya berwarna merah!", yang demikian, janganlah kamu nafikan kesahtarafan anak ini. Sesungguhnya anda telah melakukan jenayah ke atas diri anda sendiri." ⁵

Kes di atas menunjukkan bahawa adakalanya para hakim perlu bertanya dan dibantu oleh pakar dalam bidang tertentu. Sebagai contoh, Saidina Ali telah membantu Khalifah Umar menyelesaikan persoalan yang rumit mengenai kanak-kanak berwarna merah sedang kedua ibu bapanya adalah hitam. Dengan kepakaran yang ada pada Saidina Ali, beliau berjaya membantu hakim untuk menjatuhkan hukuman yang tepat. Ini bermakna peguam juga mempunyai peranan penting dalam membantu hakim menjatuhkan hubungan yang tepat.

7. Diriwayatkan bahawa seorang lelaki telah dibawa ke hadapan Khalifah Ali oleh sekumpulan orang menjumpainya dalam sebuah bangunan. Di tangan lelaki tersebut terdapat sebilah pisau yang berlumuran darah dan disisinya terdapat satu mayat yang terbujur berlumuran darah dan di sisinya terdapat satu mayat yang terbujur berlumuran darah. Khalifah Ali pun bertanya kepada lelaki (pertama) tersebut mengenai pembunuhan itu. Lelaki itu berkata, "Saya yang membunuhnya." Berdasarkan ikrar tersebut Khalifah Ali telah menjatuhkan hukuman agar lelaki tersebut dibunuh.

Apabila lelaki tersebut hendak dibawa keluar untuk dijalankan hukuman yang telah dijatuhkan datang seorang lelaki lain (kedua) dengan tergesa-gesa berkata, "Wahai kaum, janganlah tergesa-gesa, kembalikanlah lelaki tersebut kembali kepada Khalifah Ali." Lelaki (kedua) ini pun berkata, "Saya yang membunuhnya."

Khalifah Ali bertanya kepada lelaki (pertama) itu, "Apakah yang

a menyebabkan anda mengaku membunuhnya, sedangkan anda tidak membunuhnya?" Lelaki pertama itu menjawab, "Saya tidak
b berkemampuan untuk menyatakan yang saya bukan pembunuhnya kerana orang ramai telah berada di sekeliling mayat lelaki yang
c terbujur berlumuran dengan darah sedangkan saya berdiri di sisinya dan di tangan saya pisau berlumuran darah dan saya berada di tempat itu. Jika saya menafikan yang saya tidak membunuhnya
d tentu mereka tidak akan percaya dan saya akan dikenakan qasamah, yang demikian saya mengaku melakukannya. Dan saya serahkan kepada Allah untuk membuat perkiraan terhadap nasib saya." Khalifah Ali berkata, "Alangkah buruknya perbuatanmu itu! Apakah kes yang sebenarnya?" Lelaki itu berkata, "Saya seorang
e penyembelih lembu, saya keluar ke tempat menyembelih lembu dalam keadaan hari masih gelap, saya pun menyembelih lembu dan melapahnya, sedang saya melapahnya saya terasa hendak
f membuang air kecil, maka saya pun beredar dari tempat itu untuk membuang air kecil. Apabila saya kembali ke tempat sembelihan saya mendapati seorang lelaki terbunuh dengan berlumuran darah dan keadaannya amat menggerunkan. Melihat yang demikian, saya terkejut berdiri memerhatikannya dan di tangan saya terdapat
sebilah pisau. Saya tidak perasan sehinggalah sahabat-sahabat tuan (orang ramai) mengelilingi dan menangkap saya." Orang ramai berkata, "Inilah orang yang membunuh, tidak ada orang lain yang membunuhnya melainkan dia." Lelaki pertama itu berkata, "Saya yakin tuan akan menerima kenyataan mereka dan menolak keterangan saya, maka saya pun mengambil keputusan untuk mengaku melakukannya walaupun saya tidak melakukan jenayah tersebut." Khalifah Ali pun bertanya kepada lelaki kedua yang membuat ikrar membunuh tentang kes yang sebenar.

g Lelaki kedua berkata, "Iblis telah menguasai saya, saya pun membunuh lelaki tersebut kerana tamak pada hartanya. Saya mendengar orang ramai datang lalu saya lari dari tempat itu. Saya telah bersembunyi sambil memerhatikan lelaki ini dalam keadaan seperti yang diceritakannya, sehinggalah orang ramai datang menangkap dan membawanya ke hadapan tuan. Apabila
h tuan menghukumnya dengan hukuman bunuh, maka saya pun menyedari yang saya akan menumpahkan darah sekali lagi, lalu saya pun berikrar mengakui kebenaran."

Khalifah Ali berkata kepada al-Hassan, “Apakah hukuman dalam perkara ini?” Al-Hassan berkata. “Wahai Amir al-Mukminin, jika ia telah membunuh satu jiwa, tetapi ia telah menghidupkan jiwa yang lain.

a

Allah telah berfirman dalam ayat al-Qur'an:

وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا

b

Bermaksud:

“Dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seseorang manusia, maka seolah-olah dia menjaga keselamatan hidup manusia semuanya”.(Surah al-Ma'idah 5:32)

Mendengar demikian Khalifah Ali telah membebaskan mereka berdua dan diat orang yang terbunuh itu dikeluarkan dari Bait al-Mal.

c

Menurut Ibn Qayyim, jika hukuman ini berdasarkan sulh dan keredaan pihak-pihak yang terlibat, maka tidaklah timbul masalah.⁶

d

Berdasarkan riwayat ini jelaslah bahawa, Khalifah Ali telah mendengar semula kes yang telah diputuskan dan dijatuhkan hukuman kerana didapati ada keterangan-keterangan baru yang telah tidak didengar dalam perbicaraan pertama. Khalifah Ali juga telah dibantu oleh al-Hassan yang bertindak membuat pembelaan terhadap yang tertuduh kedua. Pembelaan al-Hassan ini telah dapat membantu Khalifah Ali dalam membuat keputusan dan hukuman yang tepat.

e

f

Berdasarkan riwayat ini jelaslah bahawa, Khalifah Ali telah mendengar semula kes yang telah diputuskan dan dijatuhkan hukuman kerana didapati ada keterangan-keterangan baru yang telah tidak didengar dalam perbicaraan pertama. Khalifah Ali juga telah dibantu oleh al-Hassan yang bertindak membuat pembelaan terhadap yang tertuduh kedua. Pembelaan al-Hassan ini telah dapat membantu Khalifah Ali dalam membuat keputusan dan hukuman yang tepat.

g

h

Peranan Peguam Dalam Institusi Qada'

- a* Empat contoh kes di atas ialah contoh kes yang telah diputuskan oleh hakim setelah mendengar hujah-hujah pihak-pihak yang terlibat yang dibantu oleh pembela mereka. Pada hakikatnya, mereka ini bukan sahaja membantu pihak tertentu, malahan lebih penting daripada itu, iaitu membantu hakim agar berjaya menjatuhkan hukuman dengan adil, tepat dan berkesan. Di kesempatan yang amat berharga ini saya ingin menarik perhatian tuan/ puan terhadap beberapa perkara yang menjadi asas yang sangat penting di dalam perbicaraan kes mal di Mahkamah Syariah terutamanya yang berhubung dengan tuntutan (dakwaan) Plaintiff (al-Muddaa'i) dan pembelaan (jawapan) Defendan (mudda'a 'alaih).

c Sebelum perbicaraan, pihak Plaintiff perlu mengemukakan Pernyataan Tuntutan mengikut sek. 63 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002 yang menyatakan:

d Pernyataan Tuntutan

63. (1) Tiap- tiap pernyataan tuntutan hendaklah ditandatangani oleh Plaintiff atau Peguam Syar'ienya dan hendaklah mengandungi-

- e* (a) suatu pernyataan yang ringkas lagi padat, dalam perenggan-perenggan yang bernombor, tentang fakta- fakta yang dijadikan sandaran oleh Plaintiff dan menunjukkan kausa tindakannya, termasuk butir- butir mengenai apa- apa sifat khas yang atasnya Plaintiff mendakwa, jika ada;
- f* (b) butir- butir tuntutan yang mencukupi;
- (c) suatu pernyataan tentang relief yang dituntut; dan
- (d) butir- butir mengenai apa- apa permohonan lain.

g Bagaimanakah bentuk Pernyataan Tuntutan mengikut Hukum Syarak?

h Cuba kita lihat contoh yang diterangkan oleh al- Sayyid Ahmad Bin Umar Al- yatiri Al-Aalawi Al-Hussaini Al-Ttaarimi seorang Ulama' terkenal dan Mufti Negeri Hadramaut di dalam kitab fiqhnya yang bertajuk *al-Yakut al-Nafis Fi Mazhab Ibni Idris*. Beliau memberi contoh:

الدعوى

أن يقول زيد: أدعى أنى استحق في ذمة عمرو هذا⁸ مائة دينار ذهباً خالصاً
مسكوكاً ثمن مبيع حالاً في ذمته يلزمه تسليمه ذلك إلى وأنا مطالب له بذلك وهو ممتنع
فمره أيها الحاكم بتسليمه إلى...

Bermaksud:

Zaid berkata: Saya kemukakan dakwaan bahawa saya ada hak ke atas diri Amru ini sebanyak satu ratus wang dinar emas tulen dalam bentuk matawang sebagai harga barang jualan yang perlu di bayar segera yang masih tertanggung ke atas dirinya yang mana dia perlu membayarnya kepada saya dan saya memohon dia membayarnya kepada saya tetapi dia enggan membayarnya, maka saya memohon supaya Tuan Hakim mengeluarkan perintah supaya dia membayarnya kepada saya.

Manakala bagi pihak Defendan hendaklah menyampaikan pembelaan mengikut sek. 64 Enakmen Tatacara Mal (Negeri Kelantan) 2002 yang menyatakan:

Defendan hendaklah menyampaikan pembelaan

64. (1) Defendan yang mempertikankan tanggungannya bagi keseluruhan atau sebahagian mana- mana tuntutan dalam tindakan itu boleh-

(a) pada bila- bilâ masa sebelum hari kehadiran, menyampaikan kepada Plaintiff suatu pembelaan; atau

(b) hadir pada hari kehadiran dan mempertikaikan tuntutan Plaintiff.

Sungguhpun demikian, sek. 16 di dalam Enakmen yang sama, Mahkamah boleh menggunakan budi bicaranya membenarkan apa- apa tuntutan atau pembelaan di buat secara lisan. Ini adalah selari dengan Hukum Syarak sebagaimana di jelaskan oleh Dr. Abdul Karim Zaidan di dalam kitabnya yang bertajuk *Nizam al- Qada' Fi al- Syariah al- Islamiyyah* nombor 188 di bawah tajuk :

كيفية رفع الدعاوى والترتيب في رؤيتها

a ترفع الدعاوى شفاها إلى القاضي بأن يحضر أصحابها فيدخلهم الحاجب القاضي.
الأسبق فالأسبق في الحضور فإذا دخل سأل عن دعواه ونظر فيها.

Bermaksud:

b Di kemukakan dakwaan (tuntutan) secara lisan kepada hakim dengan kehadiran pihak dengan di bawa masuk oleh Pendaftar Mahkamah ke hadapan hakim mengikut giliran masing-masing. Seterusnya apabila dibawa ke hadapan hakim, maka hakim akan bertanya tentang dakwaannya dan seterusnya mendengarnya.

c إذا حضر المدعى عليه إلى مجلس القضاء من تلقاء نفسه إجابة لطلب المدعى وكان
حضوره في موعد رؤية الدعوى نظر القاضي في الدعوى لحضور الطرفين ولم يحتاج إلى
d دعوته من قبله لأنه حضر مع المدعى وحصل المقصود.

Bermaksud:

e “Apabila Defendan hadir ke Mahkamah dengan sendirinya bagi menjawab dakwaan Plaintiff di atas permohonan Plaintiff pada hari perbicaraan, Qadhi boleh terus mendengarnya kerana kedua-dua pihak hadir dan tak perlu untuk menyampaikan saman kerana Defendan hadir bersama Plaintiff dan telah tercapai tujuannya”...

f Dan jika Defendan tidak hadir pada hari perbicaraan dan tidak bersetuju di atas permintaan Plaintiff supaya hadir bersamanya, di hadapan Qadhi dan Plaintiff telah memohon kepada Qadhi supaya mengeluarkan saman bagi kehadiran defendan maka Qadhi akan menerima permohonan Plaintiff itu.

g Berbalik kepada perbicaraan, di dalam Mahkamah Syariah mengikut sek. 100 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002, hendaklah dibuktikan dengan memeriksa pihak-pihak
h atau saksi-saksi itu secara lisan di dalam mahkamah terbuka.

Keterangan hendaklah diambil secara lisan

100. tertakluk kepada Enakmen ini dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2002, apa- apa fakta yang dikehendaki dibuktikan pada perbicaraan apa- apa prosiding melalui keterangan pihak- pihak atau saksi- saksi hendaklah dibuktikan dengan memeriksa pihak- pihak atau saksi- saksi itu secara lisan di dalam Mahkamah terbuka.

Dr. Abdul Karim Zaidan menjelaskan di dalam bukunya di bawah tajuk:

بدء المرافعة بسؤال القاضي المدعي عن دعواه

ثم يسأل القاضي المدعي عن دعواه ويأمر كاتبه بكتابتها في رقعة بنفس الفاظ

المدعي بلا زيادة ولا نقصان. وهذا إذا لم يكن الكاتب قد كتب دعوى المدعي قبل

دخوله مجلس القضاء . . .

Bermaksud:

"Hakim akan mengarahkan supaya Plaintiff mengemukakan dakwaan secara lisan dan mengarahkan penulisnya untuk mencatatkan di dalam buku catatan bicara segala tuntutan Plaintiff tanpa menambah atau mengurangkan apa- apa sebagaimana yang dituntut oleh Plaintiff. Ini kerana jika penulis itu belum mencatat dakwaan Plaintiff sebelum dia masuk ke mahkamah di mana jika dia telah mencatatnya sebelum itu, tidak perlulah di ulang catatan tersebut. Begitu juga jika Plaintiff telah mengemukakan dakwaan (tuntutan) secara bertulis dan menyerahkan kepada penulis (Pendaftar Mahkamah) maka tidak perlu di ulang mencatatnya semula semasa perbicaraan di Mahkamah."

Satu perhatian, perlu di jelaskan di sini supaya kita dapat menyelaraskan dari segi Hukum Syarak di antara tuntutan bertulis dan secara lisan dalam masa perbicaraan di Mahkamah. Adalah menjadi tanggungjawab Peguam Syarie semasa perbicaraan supaya dapat mengemukakan soalan- soalan yang boleh di jawab oleh anak guamnya selari dengan apa- apa yang tercatat di dalam tuntutan bertulis dan jika ini dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur udah tentu membolehkan urusan catatan perbicaraan di Mahkamah Syariah menjadi lebih senang dan kes- kes dapat diselesaikan dengan lebih cepat dan tidak memakan masa yang lama dan seterusnya jika ada mana- mana pihak yang ingin

a mengemukakan rayuan selepas itu, akan mempercepatkan proses penyediaan buku nota bicara dan lain- lain perkara bersabit dengan kes rayuan.

b Inilah juga peranan yang kita kenali hari ini sebagai peranan peguam dalam perbicaraan. Mungkin ada orang yang beranggapan bahawa membela orang rasuah, orang salah dan orang yang dituduh melakukan kezaliman adalah zalim, kerana membela, menyokong, bersekongkol dan bersubahat dengan orang yang zalim bererti zalim. Hal ini telah pun dijelaskan dan ditegaskan dalam al-Qur'an seperti dalam ayat-ayat yang disebutkan di atas tadi. Antaranya ialah surah *al-Baqarah* ayat 270, surah *al-A'raf* ayat 150, surah *Hud* ayat 113, surah *al-An'am* ayat 68 dan surah *al-Nisaa'* ayat 105.

d Untuk mengolah dan menganalisis dengan lebih lanjut mengenai persoalan di atas dan hubungannya dengan peranan peguam syarie maka perlulah kita melihatnya dari pelbagai sudut. Antaranya ialah orang yang mengatakan bahawa membela, bersekongkol dan bersubahat dengan orang yang dituduh atau membela orang yang telah disabitkan kesalahan agar kesnya dikaji, didengar semula atau hukumannya diringkaskan oleh mahkamah yang lebih tinggi adalah satu kezaliman, merupakan pandangan orang yang tahu tentang undang-undang Islam, tetapi mungkin tidak terdedah atau terlatih bagaimana untuk mentadbirkan undang-undang Islam. Jika dia terlatih dari segi mentadbir undang-undang Islam tentu dia akan berkata bahawa seseorang itu tidak bersalah melainkan setelah dibuktikan yang ianya bersalah.

f Tugas peguam adalah untuk membantu mahkamah agar dapat menghukum dengan adil, tepat dan berkesan kerana peguam merupakan pegawai mahkamah. Peguam banyak membantu mahkamah daripada pelbagai segi. Antaranya ialah dari segi undang-undang, prosedur, fakta dan suasana serta latar belakang kes dan orang yang bertikai yang berkaitan dengan kes tersebut agar dapat diperhatikan dan diambil kira oleh mahkamah sebelum menjatuhkan hukuman. Dalam kes rayuan, peranan yang sama juga dilakukan oleh peguam. Dengan cara ini, sesuatu hukuman yang telah dijatuhkan, dapat diperbetul dan diperbaiki oleh mahkamah yang lebih tinggi sekiranya terdapat kesalahan atau kelemahan pada sesuatu kes yang telah diputuskan di mahkamah bawahan.

Begitulah pada dasarnya, peranan dan tugas peguam dan hubungannya dengan anak guamnya di satu pihak dan mahkamah di pihak yang lain. Peranan inilah yang pernah dimainkan oleh Saidina Ali dalam kes perempuan yang berikrar di hadapan Khalifah Umar bahawa dia telah melakukan zina. Akhirnya perempuan ini telah dibebaskan dan ikrarnya di mahkamah diketepikan. Dalam kes kedua pula, Ka'ab telah berjaya membantu Khalifah Umar memahami pengaduan yang dibuat oleh seorang perempuan mengenai suaminya yang gagal memberikan layanan yang wajib terhadapnya. Ibn Abbas pula dalam kes ketiga telah membela perempuan yang telah pun disabitkan kesalahan melakukan zina dan hendak direjam oleh Khalifah Uthman. Dengan pembelaan tersebut, Khalifah Uthman telah membetulkan hukuman yang telah dijatuhkan dengan membebaskan perempuan tersebut. Adakah perbuatan para ulama sahabat ini boleh dianggap zalim? Adakah tindakan mereka ini bermakna menyokong, bersekongkol dan bersubahat dengan orang-orang zalim, atau apabila mereka reda pada kezaliman, bermakna mereka juga menjadi zalim? Tentunya tidak, dan inilah perbezaan antara pendekatan mereka yang mengetahui atau terlatih mengenai pentadbiran undang-undang Islam denan mereka yang tidak mengetahui atau tidak terlatih dengan pentadbiran undang-undang Islam.

Cabaran Seterusnya

Seperti yang telah dijelaskan, peguam syarie memainkan perana penting dalam membantu mahkamah menegakkan keadilan. Peguam syarie adalah pegawai mahkamah yang membantu hakim mengendalikan kes yang dibicarakan di mahkamah. Sama ada perbuatan mereka membela orang yang tertuduh atau membela dan membantu orang yang tidak disabitkan kesalahan oleh Mahkamah Rendah dalam rayuan kepada mahkamah yang lebih tinggi. Berdosa atau tidak, zalim atau tidak, banyak bergantung pada niat sebenar mereka dan bukan pada tugas dan peranan mereka sebagai seorang peguam.

Cabaran yang paling hebat yang harus dihadapi oleh peguam syarie boleh dilihat dari beberapa sudut:

- (a) Akhlak – Peguam syarie hendaklah berakhlak mulia seperti yang dituntut oleh Islam.

- a (b) Niat – Peguam Syarie hendaklah melaksanakan tugas dan peranannya dengan ikhlas, jujur dan dengan niat untuk melakukan ibadah kerana ianya adalah tugas yang melia yang pernah dilakukan oleh para sahabat.
- b (c) Pengetahuan Syariah – Peguam Syarie hendaklah mempunyai pengetahuan syariah yang mendalam. Tanpa pengetahuan yang mendalam tentulah mereka tidak akan berkemampuan untuk membantu hakim dalam menegakkan keadilan, terutama yang berhubung dengan undang-undang syariah yang diamalkan di Mahkamah Syariah.
- c (d) Undang-Undang Prosedur – Peguam Syarie hendaklah mengetahui undang-undang prosedur yang diamalkan di Mahkamah Syariah, kerana tanpa mengetahui undang-undang ini akan gagal sebagai seorang peguam. Undang-undang Prosedur terbahagi kepada dua jenis iaitu sivil dan jenayah.
- d (e) Undang-Undang Keterangan kanun Jenayah – Peguam Syar'ie hendaklah mengetahui undang-undang Keterangan Islam dan Kanun Jenayah Syariah yang diterima pakai di Mahkamah Syariah.
- e (f) Undang-undang yang berkaitan – Peguam syarie hendaklah mengetahui undang-undang yang berkaitan dengan tugas mereka seperti Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak.
- f

Penyelesaian

g Untuk mengatasi kesemua cabaran di atas, Peguam Syar'ie hendaklah mempertingkatkan kemampuan mereka dan mendalami ilmu pengetahuan yang berhubung kait dengan tugas mereka. Akhlak sebagai seorang Islam hendaklah dihayati dan etika sebagai seorang Peguam Syar'ie hendaklah dijaga.

h

NOTA HUJUNG

a

1. Ibn Qayyim al-Jauziyyah. *Al-Turuq al-Hukmiyyah*. Kaherah: Matba'ah al-Madani, hlm. 79.
2. Dr Ahmad Abdul Muniem al-Bahari, 1965. *Tarikh al-Qada fi al-Islam*. Mesir Matba'ah Lajnah al-Bayan al-Arabi, hlm. 110.

b

3. Abi Bakr, Muhammad bin Abdullah dan Ibn Arabi, 1967. *Ahkam al-Qur'an*. Jil. 4 Mesir: Matba'ah Isa al-Babi al-Halabi, hlm. 1685.

4. Ibn Qayyim al-Jauziyyah. *Al-Turuq al-Hukmiyyah*. Kaherah: Matba'ah al-Madani, hlm. 70.

5. Ibn Qayyim al-Jauziyyah. *Al-Turuq al-Hukmiyyah*. Kaherah: Matba'ah al-Madani, hlm. 68.

6. *Ibid.*, hlm. 69.

7. *Ibid.*, hlm. 83-84

c

8. ⁸ قال في الأسنوى لا بد أن يقول المدعى وهو هذا انه كان حاضرا ولا يكفي فيه ادعى فلان ابن فلان كذا من غير ربط بالحاضر

Yang bermaksud: berkata dalam Asnawi :Plaintif hendaklah berkata dia ini (tunjuk) jika Defendan hadir dan tidak memadai dengan Plaintiff berkata saya mendakwa si anu bin si anu tanpa menyebut yang hadir itu.

d

* Penulis adalah Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan dan rencana ini telah dibentangkan di dalam Konvensyen Peguam Syarie Seluruh Malaysia anjuran JKSM pada 14 Mei, 2008 bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC)

e

f

g

h

Kedudukan Syariah dalam Perlembagaan Persekutuan*
*oleh : Abdul Aziz Bari***

Abstrak

Kedudukan Syariah di dalam Perlembagaan Persekutuan khususnya dalam Perlembagaan Malaysia amnya masih dianggap melukut di tepi gantang atau samar. Bagaimanapun jika tanggapan itu diteliti dengan lebih lanjut kedudukan Syariah sebenarnya tidaklah seburuk itu. Yang pasti perlembagaan tidak menafikan secara jelas kedudukan Syariah. Dokumen awal perlembagaan juga tidak berbuat demikian. Dalam pada itu keseluruhan kerangka perlembagaan dan sistem perundangan kita sebenarnya mengizinkan tafsiran dan pendekatan yang boleh dikatakan mesra-Islam; asalkan prosedur yang telah ditetapkan dipatuhi.

I. PENDAHULUAN

Kertas ringkas ini cuba menghujah bahawa Islam umumnya dan Syariah khususnya mempunyai tempat yang tertentu di dalam sistem dan kerangka perlembagaan kita. Ini tentunya memeranjatkan kerana tanggapan umum beranggapan sebaliknya. Apa pun keadaannya kita harus sedar bahawa perlembagaan ini beroperasi di tengah-tengah umat Islam yang bilangannya kian meningkat. Selain itu negara ini juga pernah melaksanakan Islam sebelum ia dipinggirkan oleh British. Faktor-faktor ini menyebabkan Islam sentiasa berlegar di sekitar perlembagaan. Dan sebab itulah pengaruh Islam tidak dapat dielakkan dan ini turut memberi kesan kepada tafsiran perlembagaan.

Walaupun Syariah mempunyai pengertian yang khusus dan tersendiri kertas ini melihatnya dalam konteks yang luas; yang merangkum peraturan-peraturan yang berasaskan ajaran Islam. Penulis berpendapat bahawa undang-undang yang bukan bersumberkan kepada Al-Qur'an dan Sunnah tetapi tidak bertentangan dengan ketetapan dan maksud umum Syariah harus diterima sebagai Islamik, walaupun tidak sebagai undang-undang Syariah dalam pengertian khususnya ¹.

Di dalam kertas ini ungkapan perlembagaan turut merangkum perlembagaan-perlembagaan negeri: tidak hanya Perlembagaan Persekutuan sahaja. Di dalam negara persekutuan seperti Malaysia perlembagaan-perlembagaan negeri penting kerana Perlembagaan Persekutuan hanya bersifat utama dan muktamad dalam hal-hal yang terletak di dalam bidang kuasa persekutuan sahaja.

II. KEDUDUKAN ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN ²

Kedudukan Islam sering dilihat dalam konteks Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan, khususnya Perkara 3(1) ³. Ini kurang tepat kerana kedudukan Islam – sebagaimana yang akan dibincangkan di bawah - perlu juga dilihat dalam konteks peruntukan-peruntukan yang lain. Pendapat yang lebih kuat mensifatkan Perkara 3 sebagai peruntukan yang memberi ciri atau sifat kepada perlembagaan dan persekutuan. Melihat kepada ungkapan yang digunakan Perkara 3 seolah-olah membekalkan akidah, ideologi atau sifat bagi perlembagaan dan negara ini. Walaupun ini kadangkala disifatkan sebagai label atau kulit ⁴ sahaja ia tetap bermakna dan signifikan. Inilah peruntukan yang memberi landasan atau hujah untuk amalan-amalan rasmi seperti pembacaan doa di dalam sidang parlimen dan seumpamanya.

Perbahasan mengenai kedudukan Islam di dalam perlembagaan tidak dapat mengelak dari menyentuh isu-isu kontroversial seperti negara Islam, negara sekular dan seumpamanya perlu juga disentuh ⁵. Bagaimanapun perlembagaan tidak mempunyai apa-apa peruntukan untuk menyokong atau menolak konsep-konsep tersebut. Apa pun tentunya lebih realistik sekiranya perbahasan mengenai kontroversi-kontroversi itu dilakukan dengan merujuk kepada kerangka perlembagaan keseluruhannya dan tidak tertumpu kepada Perkara 3 sahaja.

a kedudukan Malaysia sebagai negara demokrasi. Walaupun Perlembagaan
b Malaysia umumnya hendak melaksanakan demokrasi ⁶ tetapi ada
peruntukan-peruntukan yang boleh mengancam atau menggantung
demokrasi seperti Perkara 149 ⁷ mengenai subversif, keganasan dan lain-
lain. atau Perkara 150 mengenai darurat ⁸. Ini menunjukkan bahawa
perlembagaan kita sebenarnya tidak mempunyai sifat atau ciri tertentu
yang tetap dan tidak berubah. Dengan itu kita boleh mengatakan bahawa
perlembagaan kita memberi ruang kepada pelbagai konsep dan gagasan
yang dapat disesuaikan dengan kerangka dan batasan yang ada.

c Sebab itu kita perlu juga mengambil maklum dasar-dasar tertentu
yang dibentuk dan dilaksanakan oleh kerajaan setakat ini, baik di peringkat
pusat dan negeri, yang dicipta dan dilaksanakan untuk membangun dan
mempertahankan Islam. Ini termasuklah penerapan nilai-nilai Islam
d ⁹ membangun bersama Islam ¹⁰ dan Islam hadhari ¹¹. Dari segi hujah
dasar-dasar ini mengisyaratkan kepada kita bahawa ada inisiatif dan
perubahan tertentu yang boleh dilakukan tanpa meminda perlembagaan
yang ada sekarang. Dasar-dasar itu juga membolehkan kita menghujah
bahawa perlembagaan turut menyediakan kerangka untuk pelaksanaan
aspek-aspek tertentu Islam ¹². Sama ada ini mencukupi atau sebaliknya
e adalah soal yang lain.

f Dari segi struktur perlembagaan persoalan Islam di dalam
perlembagaan perlu dilihat dalam konteks Malaysia sebagai negara
persekutuan. Dengan itu kita harus mengambilkira prinsip-prinsip asas
konsep federalisme bagi menangani masalah-masalah yang timbul apabila
berlaku konflik di antara pihak berkuasa pusat dan negeri. Pembahagian
kuasa antara pihak berkuasa persekutuan dan negeri inilah yang turut
menjadi punca kepada terbatasnya pelaksanaan undang-undang Syariah
dalam bentuk hudud dan qisas.

g Perbahasan mengenai kedudukan Islam tidak harus mencemaskan
orang bukan Islam. Mereka tidak harus berasa bimbang apabila umat
Islam mengimbuai sejarah masa lalu kerana hak-hak yang mereka nikmati
sekarang – kewarganegaraan, hak sivil dan politik dan sebagainya – juga
bersumberkan sejarah; khususnya tolak ansur ketika negara mencapai
h kemerdekaan. Sesungguhnya semua pihak di negara ini perlu memahami
dan mengambilkira sejarah dalam menuntut apa yang mereka dakwa

sebagai hak atau kebebasan. Antara contoh-contoh yang boleh disebut di sini ialah Perkara 3(4)¹³ dan Perkara 8(5)¹⁴. Sementara peruntukan-peruntukan yang mempunyai kesan menggantung peruntukan-peruntukan perlembagaan tertentu yang lain ialah Perkara 149 dan Perkara 150.

III. PERUNTUKAN-PERUNTUKAN YANG RELEVAN ¹⁵

Perlembagaan Persekutuan tidak dilengkapi dengan pengenalan umum, objektif yang hendak dicapai atau dasar-dasar asas sebagaimana perlembagaan perlembagaan negara-negara tertentu. Yang ada hanyalah beberapa peruntukan yang menyentuh atau berkaitan dengan Islam. Dengan demikian peruntukan-peruntukan itu perlu dianalisis, terutama dari segi ruang lingkup dan latarbelakangnya. Di dalam pentafsiran perlembagaan peruntukan-peruntukan perlu diberi makna yang harfiah kecuali jika pendekatan sedemikian menimbulkan kesan atau implikasi yang tidak munasabah. Penulis berpendapat bahawa tiap-tiap peruntukan perlembagaan berdiri sendiri dan tidak dibataskan oleh peruntukan-peruntukan lain, kecuali sekiranya hal itu dinyatakan secara jelas oleh peruntukan berkenaan.

Peruntukan perlembagaan yang sering dihujahkan sebagai menghalang pelaksanaan Syariah di Malaysia ialah Perkara 4(1) ¹⁶ yang mengisytiharkan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang utama negara. Pendapat ini tidaklah semestinya benar kerana perlembagaan sendiri turut membenarkan pelaksanaan prinsip-prinsip Syariah yang tertentu sebagaimana yang kelihatan, antara lain, dalam Jadual Kesembilan. Dengan kata lain prinsip-prinsip Syariah turut mengisi peruntukan perlembagaan. Ini juga dapat dihujahkan dalam soal kelayakan Yang di Pertuan Agong sebagai ketua negara yang diregulisasikan oleh perlembagaan-perlembagaan negeri. Sementara itu Perlembagaan Negeri Johor menyebut ungkapan ahl al-hal wa al-'aqd. Ini menarik kerana ia penting di dalam konsep pemerintahan Islam. Ini juga secara tidak langsung membawa masuk prinsip-prinsip Syariah yang terkandung di dalam karya-karya klasik para ilmuwan Islam silam yang dimaktubkan oleh perlembagaan-perlembagaan negeri. Peruntukan-peruntukan ini harus diteliti. Kita tidak harus melihat Perkara 3(4), 4(1) atau 160(2) ¹⁷ semata-mata tanpa melihat kesan dan signifikan peruntukan-peruntukan yang disebutkan di atas tadi. Walaupun ada pihak yang mencadangkan supaya Perkara 4(1) dipinda dengan memasukkan Al-Qur'an dan Sunnah ¹⁸ satu perbahasan yang mendalam perlu dilakukan

untuk memastikan kesannya di samping mengambilkira pengalaman negara-negara muslim yang lain yang sudah berbuat demikian.

a Selain itu kandungan dan kesan Perkara 11(1) dan (4)¹⁹ serta 12(2) ²⁰ yang mengangkat kedudukan Islam melebihi agama-agama lain selalu disebut bagi menunjukkan kedudukan istimewa Islam. Sebab itu undang-undang murtad yang bersumberkan undang-undang Syariah b boleh diluluskan oleh parlimen atau dewan-dewan undangan negeri. Kedudukan Islam yang tidak boleh disentuh oleh parlimen atau kuasa darurat. Ini tentunya turut melindungi prinsip-prinsip Syariah.

c Selain itu sudah sekian banyak undang-undang – walaupun diakui masih belum mencukupi – yang dibuat oleh parlimen dan dewan-dewan undangan negeri yang mengkanunkan prinsip-prinsip Syariah. Prinsip-prinsip yang melatari peruntukan-peruntukan di dalam pelbagai undang-undang keluarga Islam serta perbankan dan kewangan Islam d adalah prinsip-prinsip Syariah. Ini dengan sendirinya menandakan bahawa Syariah mempunyai kedudukan yang tertentu di dalam sistem perlembagaan dan perundangan kita. Selain itu di masa akan datang, kita tidak harus menjangka pengaruh dan kedudukan yang lebih kukuh sekiranya kita dapat menyakinkan kemampuan Syariah menjadi sumber untuk reformasi perlembagaan dan undang-undang negara.

IV. KES-KES MAHKAMAH YANG PENTING

f Di dalam sistem undang-undang common law seperti Malaysia dan negara-negara Komanwel – bahkan di Amerika Syarikat juga – kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah mempunyai peranan penting di dalam menjelaskan ruang lingkup perlembagaan dan undang-undang yang lain. Ini menyebabkan perlunya kita membuat rujukan kepada kes-kes mahkamah. Dalam soal kedudukan Islam kes-kes yang diputuskan g setakat ini tidak banyak menjernihkan keadaan. Antara sebab mengapa ini berlaku ialah tidak adanya kes yang membuat analisis terhadap kes-kes yang terdahulu di dalam isu berkenaan. Kes-kes yang ada ini juga tidak membuat analisis menyeluruh terhadap peruntukan dan kerangka perlembagaan serta dokumen-dokumen penting termasuk Laporan Suruhanjaya Reid. Setengah daripada kes-kes ini diputuskan di atas h pertimbangan semasa – yang mengambilkira sensitiviti politik – dan tidak seratus peratus di atas dasar perlembagaan dan undang-undang²¹.

Kes yang sering disebut di dalam perbincangan mengenai Islam di dalam Perlembagaan Malaysia ialah kes *Che Omar bin Che Soh*²². Kes ini memutuskan bahawa kedudukan undang-undang Islam terbatas kepada hal-hal peribadi seperti nikah kahwin, cerai dan penjagaan anak. Mahkamah juga mengatakan bahawa perlembagaan mengekalkan kedudukan undang-undang sekular. Keputusan ini dibuat terhadap tindakan mencabar keesahan undang-undang dadah yang didakwa tidak mengikut ajaran Islam dan dengan itu bertentangan dengan perlembagaan. Mahkamah menolak hujah ini kerana mahkamah memutuskan bahawa Syariah bukan undang-undang utama persekutuan.

Kes ini sebenarnya menyamai kes-kes yang diputuskan oleh hakim-hakim Inggeris sebelum merdeka; contohnya *Wong Ah Fook*²³ dan *Anchom bte Lampong*²⁴. Kedua-dua kes ini menolak hujah bahawa undang-undang Islam sebagai undang-undang negara. Mungkin perlu ditekankan bahawa hanya kerana undang-undang Islam bukan undang-undang utama ia tidak bermakna bahawa undang-undang Syariah tidak mempunyai tempat atau merempat. Undang-undang Inggeris pun sebenarnya, jika kita faham maksud peruntukan yang berkaitan di bawah Akta Undang-undang Sivil 1956, tidak mempunyai tempat yang terlalu signifikan di Malaysia²⁵.

Di dalam *Che Omar bin Che Soh*, Syariah cuba diujahkan sebagai undang-undang utama untuk mengisytiharkan undang-undang yang diluluskan oleh parlimen sebagai tidak sah. Mungkin boleh dikatakan bahawa Che Omar bin Che Soh sebenarnya tidaklah menolak kedudukan Islam umumnya dan Syariah khususnya. Kes tersebut cuma mengatakan bahawa kedudukan undang-undang Islam terbatas. Tetapi penghakiman mahkamah yang memutuskan bahawa perlembagaan mengekalkan dikotomi antara undang-undang sekular dan Islam boleh dipersoalkan. Ini kerana mahkamah tidak menunjukkan dengan jelas bagaimana Perkara 160(2) berbuat demikian. Hanya kerana undang-undang Islam atau Syariah tidak disebut sebagai sumber undang-undang²⁶ itu tidak bermakna bahawa Syariah tidak mempunyai tempat. Seperti yang disebutkan di atas tadi Islam masih boleh diserapkan ke dalam sistem perlembagaan dan perundangan kita melalui proses pembuatan undang-undang biasa di parlimen. Selain itu ada beberapa ungkapan di bawah Perkara 160(2) itu yang mungkin boleh membawa masuk prinsip-prinsip Syariah; seperti “undang-undang bertulis”, “undang-undang

a negeri", "undang-undang persekutuan" dan "undang-undang yang sedia ada". Isu ini adalah antara persoalan-persoalan menarik yang perlu dibahasakan secara mendalam.

b Sementara itu ada keputusan-keputusan mahkamah yang menghukumkan bahawa Islam mengatasi agama-agama lain. Ini mewakili aliran yang lebih mutakhir di dalam jurisprudens mengenai kedudukan Islam di dalam perlembagaan. Inilah yang agak menonjol di dalam kes-kes seperti *Meor Atiqulrahman*²⁷ dan *Lina Joy*²⁸. Kes-kes ini bagaimanapun lebih bertumpu kepada hak kebebasan beragama dan bukan kedudukan Islam dalam perlembagaan. Penulis berpendapat bahawa kelebihan yang diberikan kepada Islam memang ada di bawah peruntukan mengenai kebebasan asasi – yakni Perkara 11(4) – dan tidak bergantung kepada Perkara 3(1).

d Islam dan Syariah juga boleh memainkan peranan secara tidak langsung di dalam kes-kes tertentu yang melibatkan hak asasi seperti kebebasan beragama. Ini berlaku dalam kes *Fatimah binti Sihi*²⁹ apabila Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa hak tersebut perlu dirujuk kepada agama yang berkenaan. Meskipun keputusan kes ini tidak memihak kepada Islam prinsip yang digariskan itu amat penting, terutama dalam kes-kes yang akan datang atas persoalan berkenaan. Bagaimanapun e ini banyak bergantung kepada kefahaman hakim-hakim mahkamah sivil terhadap Islam amnya dan Syariah khususnya. Apa pun penulis berpendapat bahawa untuk membuat keputusan yang adil dan selaras dengan perlembagaan para hakim mahkamah sivil perlu mengetahui prinsip-prinsip Islam dan Syariah. Dan ini tidak terbatas kepada hakim-hakim yang beragama Islam sahaja: para hakim bukan Islam juga perlu memahami Islam. Perlu dicatatkan bahawa di dalam sumpah jawatan mereka para hakim diminta mempertahankan perlembagaan³⁰ dan di atas tadi kita telah menunjukkan bahawa prinsip Islam dan Syariah turut dikandung oleh perlembagaan kita.

g V. PENUTUP

h Agak jelas bahawa Syariah mempunyai kedudukan tertentu yang signifikan. Malah boleh diujah bahawa kedudukan itu agak kukuh. Apa pun kedudukan itu tidak boleh dipadam oleh proses demokrasi biasa kerana ia melibatkan kedudukan dan kuasa Raja-Raja³¹ serta Majlis Raja-Raja³². Kuasa darurat juga tidak boleh menggugat kedudukan Islam.

Apa yang dipaparkan di atas memerlukan perancangan yang teliti dan untuk itu ada beberapa persiapan dan pendekatan yang perlu dimulakan. Ini melibatkan banyak pihak dan sektor. Para hakim di mahkamah sivil – termasuk yang bukan Islam – perlu mempelajari Islam dan undang-undang Syariah. Selain itu tenaga yang perlu untuk memacu perubahan dimaksudkan juga perlu dilatih dari sekarang ³³.

Di kalangan masyarakat terbanyak Islam perlu diperkenalkan. Ini perlu dipimpin oleh kerajaan dan pihak-pihak lain termasuk NGO dan seumpamanya. Dalam rangka ini sudah tentulah umat Islam perlu menjadi contoh yang baik yang menjadi rujukan dan model hidup buat segala kebaikan dan kehebatan yang dikaitkan dengan Islam.

**Kertas yang dibentangkan dalam Wacana Ilmiah anjuran Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara Malaysia di Hotel Legend, Kuala Lumpur pada 5 Disember 2005.*

***Profesor Dr ABDUL AZIZ BARI ialah pensyarah di Kuliah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau juga adalah Penyelaras Kursus Undang-undang Perlembagaan dan Editor, IIUM Law Journal.*

NOTA HUJUNG

1 Untuk perbincangan lanjut tentang segala konsep ini lihat Ahmad Hasan, *The Early Development of Islamic Jurisprudence*, Islamabad: Islamic Research Institute, 1982, hh. 1-11, Mohammad Hashim Kamali, *Principles of Islamic Jurisprudence*, Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd., 1998, hh. 1-13 dan Seyyed Hossein Nasr, *Ideals and Realities of Islam*, London: Acquarian, 1994, hh. 93-120.

2 Untuk gambaran yang lebih terperinci lihat Abdul Aziz Bari, *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*, Petaling Jaya: Intel Multimedia & Publication, 2005.

3 Peruntukan ini berbunyi “Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan”.

4 L.A. Sheridan, *The Federation of Malaya Constitution: Text, Annotation and Commentary*, Singapura: University of Malaya Press, 1961, hal. 4

5 Untuk perbincangan lanjut lihat, umpamanya, Abdul Aziz Bari, *Perlembagaan Malaysia: Asas dan Masalah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001, hh.249-255

6 Selain pilihan raya (Perlembagaan Persekutuan, Perkara 113-120), sifat demokrasi kita turut ditekankan dengan hak sama rata (ibid, Perkara 8) dan kebebasan bersuara (ibid, Perkara 10) kewajipan bertindak mengikut nasihat ke atas ketua negara dan negeri (ibid, Perkara 40) dan perlunya kerajaan bertanggungjawab kepada parlimen (ibid, Perkara 43(3)).

7 Peruntukan ini – yang menangani soal subversive, keganasan dan seumpamanya - memberi justifikasi untuk pembuatan undang-undang yang menafikan hak-hak asasi. Lihat Abdul Aziz Bari, *Malaysian Constitution: A Critical Introduction*, Kuala Lumpur: The Other Press, 2003, hh.187-197

8 Peruntukan ini memberi kuasa kepada kerajaan persekutuan untuk mengisytiharkan darurat dan menggantung sebahagian besar peruntukan perlembagaan: lihat Abdul Aziz Bari, ibid, hh.183-187

9 Dasar ini dibuat pada awal 1980an dan di bawahnya dilaksanakan beberapa projek seperti perbankan Islam, universiti Islam dan seumpamanya.

10 Ini diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan di bawah Parti PAS sebaik sahaja mereka menguasai negeri tersebut dalam Pilihan Raya Kebangsaan 1990.

11 Slogan ini diperkenalkan oleh Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi sekitar awal 2004, beberapa bulan selepas beliau menjadi ketua kerajaan persekutuan.

12 Lihat Abdul Aziz Bari, “*Enforcement of Shariah in Malaysia: Divine Provisions in Constitutional Democracy*” dlm Hussin Mutalib (ed), *Islam and Democracy: The Southeast Asian Experience*, Singapore: CCIS & KAF, 2004, hh.33-52.

13 Peruntukan ini berbunyi “*Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini mengurangkan mana-mana peruntukan lain dalam Perlembagaan ini*”.

14 Peruntukan ini menyatakan beberapa pengecualian terhadap hak sama rata; termasuk undang-undang diri, kedudukan orang asli dll.

15 Lihat Abdul Aziz Bari & Farid Sufian Shuaib, *Constitution of Malaysia: Text and Commentary*, Kuala Lumpur: Pearson-Prentice Hall, 2004

16 Peruntukan ini berbunyi “*Perlembagaan ini ialah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan ini adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu*”.

17 Peruntukan ini memberi beberapa definisi untuk ungkapan-ungkapan tertentu di dalam Perlembagaan Persekutuan.

- 18 Lihat Ahmad Ibrahim, *Perundangan Islam: Dasar, Matlamat dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Islamic Research Institute, 1981, hh.37-38. Lihat juga, Zainon Ahmad, "Laws must conform with Syariah: Don", New Straits Times, 30 September 1987, hal.1 a
- 19 Perkara 11(1) menjamin kebebasan beragama; yakni hak untuk menganut, mengamal dan mengembangkan agama itu manakala Perkara 11(4) pula membenarkan sekatan ke atas penyebaran agama-agama selain Islam ke atas orang Islam. b
- 20 Peruntukan ini, antara lain, menyediakan landasan bagi pihak berkuasa membelanjakan wang awam untuk tujuan agama Islam.
- 21 Lihat komen A.Harding ke atas kes Susie Teoh [1990] 2 MLJ 306: *Law, Government and the Constitution in Malaysia*, Kuala Lumpur: MLJ Sdn. Bhd., 1996, hh.202-205 c
- 22 Che Omar bin Che Soh v Public Prosecutor [1988] 2 MLJ 55. Lihat komen kes ini dalam L.A. Sheridan, "Religion of the Federation" [1988] 2 MLJ viii
- 23 Wong Ah Fook v State of Johore [1939] MLJ 128
- 24 Anchom bte Lampong v Public Prosecutor [1940] MLJ 22 d
- 25 Lihat pemerhatian Reay JC dalam kes Leonard v Nachiappa Chetty (1923) 4 FMSLR 265, 267-268
- 26 Lihat Ahmad Ibrahim, "The Position of Islam in the Constitution of Malaysia" dlm Sufian, Lee & Trindade (eds), *The Constitution of Malaysia: Its Development 1957-1977*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978, hh.41-68, 65. e
- 27 Meor Atiqulrahman bin Ishak v & Ors v Fatimah bte Sihi & Ors [2000] 5 MLJ 375. Lihat ulasannya dalam Abdul Aziz Bari, "Islam in the Federal Constitution: A Commentary on the decision in Meor Atiqulrahman" [2000] 2 MLJ cxxxix
- 28 Lina Joy v Majlis Agama Islam Wilayah & Anor [2004] 2 MLJ 119. Lihat ulasannya dalam Abdul Aziz Bari, "The Relationship between the Position of Islam in the Constitution and the Scope of Religious Freedom: A Case Note on Lina Joy v Majlis Agama Islam & Anor" (2004) 12 IUMLJ 145 f
- 29 Fatimah binti Sihi v Meor Atiqulrahman [2005] 2 MLJ 25 g
- 30 Lihat Perlembagaan Persekutuan, Jadual Keenam.
- 31 Lihat Abdul Aziz Bari, *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*, supra, hh.51-76. Lihat juga Abdul Aziz Bari, *The Development and Role of Constitutional Monarchy in Malaysia*, Tesis PhD yang tidak diterbitkan, Universiti Birmingham, England, 1996. h
- 32 Lihat Abdul Aziz Bari, *Majlis Raja-Raja: Kedudukan dan Peranan dalam Perlembagaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.

33 Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa, Seksyen Syariah di Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara dan Komuniti Syariah adalah antara langkah-langkah yang relevan dengan hasrat ini. Selain itu Persatuan Peguam Syarie Malaysia juga kelihatan telah memainkan peranan yang aktif selama ini.

a

b

c

d

e

f

g

h

Hamidah bt Abdullah

lwn.

Mohd Johanis bin Busu

[Mahkamah Rayuan Syariah Kota Bharu, Kelantan, (Dato' Haji Daud bin Muhammad (Dato' Aria D'Raja), KHS (Pengerusi), Dato' Dr. Mahmood Zuhdi bin Abdul Majid, HMRyS, Tuan Haji Rawi bin Mat Yaman, HMRyS) 13 Rabiulakhir 1429H bersamaan 21 April 2008]

[Kes Rayuan Mal Bil: 03000-099-0001-2008]

Undang-undang Pentadbiran Mahkamah Syariah – Bidang kuasa Mahkamah mendengar dan memutuskan pembahagian kes harta sepencarian atau harta dom – sek. 9 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 1982.

Undang-undang Keluarga Islam – Tuntutan harta sepencarian – Tafsiran harta sepencarian – sek.2, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002 - mahkamah yang membenarkan lafaz talak mempunyai kuasa membuat perintah mengenai pembahagian harta sepencarian – sek.122, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002.

Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah – Beban pembuktian – ke atas orang yang menegaskan atau mengatakan sebarang fakta – sek. 72, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002 – Keterangan dokumen – sek.63 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002

Fakta kes

Perayu dan Responden telah berkahwin mengikut Hukum Syarak pada 6 Mei 1968 di Jajahan Pasir Mas, Kelantan. Pada 28 Januari 1993, Perayu dan Responden telah bercerai talaq satu kali pertama di Mahkamah Qadhi Jajahan Kota Bharu, Kelantan. Selama tempoh perkahwinan lebih kurang 25 tahun, mereka dikurniakan 7 orang cahayamata. Pada asalnya, di dalam kes ini Responden memohon di Mahkamah Tinggi Syariah untuk mensabitkan harta tanah Lot 722 GM 857, Mukim Bayang Jajahan Kota Bharu, Kelantan dan sebuah rumah dua tingkat di atas tanah tersebut sebagai harta dom yang dibina daripada pinjaman kerajaan, tetapi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah memutuskan bahawa harta tersebut

adalah harta sepencarian di antara Perayu dan Responden. Semasa dalam tempoh perkahwinan Responden adalah bekerja sebagai guru berijazah manakala Perayu sebagai suri rumah dengan memberi perkhidmatan kepada suami dan menjaga anak-anak.

Di dalam kes ini, Perayu membuat rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah berkaitan dengan tuntutan harta sepencarian pada 9 Ogos 2005. Hakim Bicara memutuskan bahawa aset rumah yang bernilai sebanyak RM78,879.46 dapat sebanyak 2/3 kepada Plaintif dan 1/3 dapat kepada Defendan. Perayu di dalam kes ini merayu terhadap kadar pembahagian harta rumah di mana Perayu mendapat 1/3 daripada jumlah sebanyak RM78,879.46.

Diputuskan

Mahkamah rayuan memutuskan dengan sebulat suara menerima rayuan dengan sedikit pindaan di atas keputusan Hakim Bicara iaitu menghukum supaya Responden bersumpah menafikan yang dia memberi rumah yang dituntut kepada Perayu dan anak-anaknya sebagaimana dakwaan Perayu semasa perbicaraan, manakala bersumpah demikian sabitlah harta yang dituntut kepada Responden sebanyak 2/3 dan kepada Perayu sebanyak 1/3 sebagai harta sepencarian atas persetujuan pihak Responden mengikut nilai semasa dan kos ditanggung oleh pihak masing-masing.

Peguam Syarie

Perayu : Tuan Haji Mohd Zaki Bin Zainal Abidin dari Tetuan
Haji Mohd Zaki Haji Zainal Abidin

Responden : Puan Rosniza Bt Mohamed dari Tetuan Mustafa &
Rosliza

Kitab-kitab yang dirujuk

- 1) Al-Sayyed Abdul Rahman Bin Muhammad Bin Husin Bin Umar, *Bughyah al-Mustarshidin*, Dar al-Fikr, hlm. 159
- 2) Al-Sayyid Al-Bakri Ibn Muhammad Syataa Al-Dumyati, *Hashiah I'aanah al-Talibiin*, Dar al-Fikr, Juz. 4, hlm. 251-252
- 3) Al-Imam Abi 'Abdullah Ibn Idris, *al-Um*, Juz. 8, Dar al-Fikr, Beirut, 1983, hlm. 427
- 4) Al-Imam Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah, *Turuq Hukmiyyah fi al-Siaasah al-Syariyyah*, al-Madani, Mesir, 1961, hlm. 25

5) Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, Dar al-Kitab A'rabi, Jld. 2, 1973, Beirut Lubnan. hlm. 74

a

Surah-surah al-Quran yang dirujuk

1. Surah *al-Baqarah* ayat 282
2. Surah *al-Baqarah* ayat 228

b

Undang-undang yang dirujuk

1. *Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 1982; sek.92.*
2. *Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002; sek.2 dan sek.122.*
3. *Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002; sek.66 dan sek.67.*
4. *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002; sek.63 dan sek.72.*

c

d

Penghakiman Mahkamah Rayuan Syariah

Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa mendengar dan membuat pembahagian Harta Sepencarian dan Harta Dom di dalam kes ini sebagaimana yang termaktub di dalam Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 1982.

e

Sek. 9(2) (iv) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 1982:

f

- (1)
- (2) Dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan segala tindakan dan pembicaraan dalam mana pihak-pihak berkenaan semuanya beragama Islam dan yang berkenaan dengan:
 - (i) ...
 - (ii) ...
 - (iii)...
 - (iv) Pembahagian atau tuntutan kepada harta sepencarian atau dom;
 - (v) ...
 - (vi)...
 - (vii) ...
 - (viii) ...

g

h

Perayu menuntut harta sepencarian daripada Responden mengikut sek. 122 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002. Sek. 122 yang memperuntukkan:

- (1) Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu.

- (2) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang –

- (a) Takat sumbangan-sumbangan yang dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta atau kerja bagi memperolehi aset-aset itu;

- (b) Apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;

- (c) Keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada,

dan, tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak.

- (3) Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat perintah perceraian, memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal satu

a pihak kepada perkahwinan itu dibahagi antara mereka atau supaya aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

b (4) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (3), Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada –

c (a) Takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperoleh aset itu, kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga;

d (b) Keperluan-keperluan anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada,

e Dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah boleh membahagikan aset-aset itu atau hasil jualan itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah, tetapi, walaubagaimanapun, pihak yang telah memperoleh aset-aset itu dengan usahanya menerima satu kadar yang lebih besar.

f (5) Bagi maksud seksyen ini, rujukan-rujukan mengenai aset yang diperoleh dalam masa perkahwinan termasuklah aset-aset yang sudah dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama mereka.

Perayu di dalam kes ini telah menepati syarat-syarat pendakwaan mengikut Hukum Syarak sebagaimana yang dinyatakan di dalam kitab *I'aaanah al-Talibin* oleh Abu Bakar, Juz. 4 hlm. 251-252:

- i) Dakwaan seseorang yang mendakwa (plaintif) itu hendaklah terang dan menghuraikannya satu persatu;
- ii) yang kena dakwa (defendan) terikat dengan dakwaan;
- iii) hendaklah ditentukan orang yang kena dakwa (defendan);
- iv) tidak bercanggah dengan dakwaan lain;
- v) tiap-tiap orang yang mendakwa dan kena dakwa adalah mukallaf (*aqil baligh*);
- vi) tiap-tiap seorang daripada kedua-dua iaitu yang mendakwa dan kena dakwa terikat dengan hukuman.

Perayu semasa perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah, Hakim telah memutuskan bahawa harta tanah Lot 722 GM 857, Mukim Bayang, Jajahan Kota Bharu, Kelantan dengan sebuah rumah dua tingkat di atas tanah tersebut telah memutuskan bahawa harta tersebut adalah harta sepencarian di antara Perayu dan Responden. Pada asalnya, Plaintif atau pun Responden di dalam kes ini memohon Hakim Mahkamah Tinggi Syariah untuk memutuskan bahawa harta tersebut adalah harta Dom pihak Responden.

Walaupun Hakim telah memutuskan harta tersebut adalah harta sepencarian, namun Perayu di dalam kes ini tidak berpuashati terhadap kadar pembahagian harta tersebut di mana Perayu mendapat 1/3 manakala Responden mendapat 2/3 daripada jumlah aset harta tersebut sebanyak RM78,879.46. Perayu merasakan kadar yang diputuskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah adalah tidak berpatutan jika dilihat kepada sumbangan yang telah dilakukan oleh Perayu dalam usaha untuk mendapatkan harta tersebut. Ini kerana walaupun Perayu adalah seorang suri rumah, namun Perayu banyak menyumbang kepada pendapatan keluarga semasa Responden menyambung pelajaran ke peringkat ijazah di Universiti.

Tarjih Al-Bayyinah

Semasa perbicaraan di Mahkamah Tinggi Perayu tidak dapat membuktikan sama ada daripada keterangan saksi atau apa-apa dokumen bahawa telah berlaku pemberian hidup Responden kepada Perayu dan anak-anaknya. Walaupun Perayu mendakwa bahawa Responden telah berikrar yang menyatakan bahawa harta tersebut diberi kepada engkau dan anak-anak, tetapi perayu gagal untuk membawa dua orang saksi untuk menyokong dakwaannya. Di dalam kes hibah memerlukan dua orang saksi lelaki atau dua orang perempuan dan seorang lelaki untuk menyokong dakwaan Perayu atau Responden mengaku di atas dakwaan Plaintiff, tetapi semasa perbicaraan Responden tidak bersetuju bersabit dengan hibah itu.

Kesaksian sebagaimana firman Allah S.W.T di dalam surah *al-Baqarah* ayat 282:

وَأَسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ
وَأَمْرَأَتَانِ مِمَّنْ تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكِّرَ
إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَىٰ

Bermaksud:

.....dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki di antara kamu, kemudian jika tidak ada dua orang saksi lelaki maka bolehlah seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi supaya jika yang seorang lupa (dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu) maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi....

Selain itu juga Perayu sebagai orang yang mendakwa hendaklah mengemukakan bukti sebagaimana Hadith Nabi Muhammad S.A.W yang diriwayatkan oleh Baihaqi.

Sabda Nabi Muhammad S.A.W:

البينة على المدعى واليمين على من أنكر

Bermaksud:

Bayyinah adalah ke atas Plaintiff, dan sumpah ke atas Defendan

a

Sek. 72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002 menyatakan:

“Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes *mal* terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (*al-mudda'ii*) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (*al-mudd'a'alaih*)”

b

Di dalam kes ini juga, keterangan saksi-saksi yang dikemukakan oleh Perayu adalah tidak terang dan jelas. Walaubagaimanapun, bukti-bukti bertulis seperti penyata bank boleh diterima oleh mahkamah. Di dalam kes ini Responden telah mengemukakan bukti bertulis iaitu penyata pembayaran sebagai membuktikan yang hanya Responden sahaja yang membayar ansuran pinjaman perumahan tersebut.

c

d

Sek. 63 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002 menyatakan:

“Bilamana dikemukakan di hadapan mana-mana Mahkamah mana-mana dokumen yang berupa sebagai suatu rekod atau memorandum mengenai keterangan atau mengenai mana-mana bahagian keterangan yang telah diberikan oleh saksi dalam sesuatu prosiding kehakiman atau di hadapan mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mengambil keterangan itu, atau yang berupa sebagai suatu iqrar oleh mana-mana banduan atau tertuduh, yang telah diambil mengikut undang-undang dan yang berupa sebagai yang ditandatangani oleh mana-mana Hakim, Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Seksyen, atau Majistret atau oleh mana-mana pegawai sedemikian yang disebut terdahulu, maka Mahkamah hendaklah menganggap bahawa –

e

f

g

- (a) dokumen itu ada tulen;
- (b) apa-apa pernyataan yang berupa sebagai dibuat oleh orang yang menandatangani tentang hal keadaan yang dalamnya ia diambil, adalah benar; dan
- (c) keterangan, pernyataan atau *iqrar* itu telah diambil dengan sewajarnya.”

h

Isu di dalam kes ini adalah:

- a i) Berapa bahagian daripada harta sepencarian harta tanah di Lot 722 GM 857, Mukim Bayang, Jajahan Kota Bharu, Kelantan dan sebuah rumah dua tingkat di atas tanah tersebut dapat kepada Perayu dan Responden.

b Fakta-fakta yang perlu dipertimbangkan untuk menentukan kadar bahagian daripada harta sepencarian adalah berdasarkan alasan-alasan seperti telah dinyatakan. Harta tersebut adalah diputuskan sebagai harta sepencarian dan tidak ada bantahan daripada kedua-dua belah pihak Perayu dan Responden. Takrif harta sepencarian adalah bermaksud harta yang diperolehi bersama oleh kedua-dua suami isteri semasa dalam tempoh perkahwinan.

c Mengikut sek. 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002:

d "harta sepencarian" ertinya harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak.

e Konsep harta sepencarian adalah harta-harta tersebut diperolehi dalam tempoh perkahwinan dan melalui usaha bersama kedua-dua suami isteri. Walaupun tidak ada perkataan harta sepencarian dalam Hukum Syarak secara nyata, namun ia adalah adat Melayu yang telah diterima pakai dan mendatangkan kebaikan kepada kaum wanita.

f Di dalam Islam, apabila 'adat' atau 'uruf' diakui kebaikannya dan telah diberi pengiktirafan undang-undang, kedudukannya adalah menjadi suatu peraturan atau perundangan yang mesti diikuti dan dikuatkuasakan.

g Di dalam kaedah fiqh atau Qawaid al-Fiqhiyyah menyatakan:

المعروف عرفا كالمشروط شرطا

h Bermaksud:

Adat itu diperakui dan diberi pengiktirafan undang-undang.

خدمة المرأة زوجها

Bermaksud:

sesuatu yang diterima mengikut adat samalah kedudukannya seperti sesuatu yang dibuat mengikut syarak.

Di dalam kitab *al-Qawaid al-Fiqhiyyah*, ditulis oleh Abdul Karim Zaidan yang bermaksud Uruf mengikut Jumah Al-Fuqaha' telah ditakrifkan sebagai "sesuatu yang telah menjadi kebiasaan oleh manusia untuk mematuhi dalam urusan kehidupan harian sehingga sehati dengan mereka dan menjadi satu perkara yang lumrah sama ada uruf itu qauli atau amali, am atau khas, sahih atau fasid.

Walaupun kesemua harta-harta tersebut hasil daripada pinjaman Responden dengan kerajaan dan dinamakan dengan namanya tetapi tidak menjadi halangan untuk Perayu menuntut harta tersebut sebagai harta sepencarian. Kerana semasa itu mereka berdua sebagai suami isteri di mana Perayu telah memberi sumbangan secara tidak langsung dengan membantu suami dalam urusan rumahtangga dan menjaga anak-anak sehingga Responden dapat menjalankan pekerjaan sebagai guru dengan tenang dan selesa, yang mana perkongsian kerja seumpama itu boleh dianggap sama-sama menyumbangkan tenaga sehingga dapat memperolehi dan membeli tanah dan sebuah rumah serta rumah tersebut diubahsuai pula oleh Perayu.

Mengikut pendapat Sayyid Sabiq dalam kitab *Fiqh al-Sunnah*, Jld. 2, hlm. 174, Dar al-Fikr, Beirut, Lubnan, tahun 1981 di bawah tajuk:

Sayyid Sabiq mengulas berdasarkan surah *al-Baqarah* ayat 228 mengenai perkara ini. Allah berfirman:

وَبُعُولَتُهُنَّ أَحَقُّ بِرَدِّهِنَّ فِي ذَلِكَ إِنْ أَرَادُوا إِصْلَاحًا وَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَ
بِالْعُرُوفِ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ

Bermaksud:

Isteri-isteri juga mempunyai hak-hak yang sama dengan kewajiban yang terbeban ke atas mereka mengikut cara yang baik, dan bagi kaum lelaki sedarjah lebih tinggi di atas kaum perempuan....

a Isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajiban yang ditanggung oleh mereka terhadap suami dengan cara yang sepatutnya yakni sebagaimana seorang isteri menanggung tanggungjawab terhadap suami yang wajib dilaksanakan dengan cara yang baik. Dalam pada itu suami itu mempunyai satu darjat kelebihan atas isterinya kerana suami yang berkuasa mengawalinya dan memberi nafkah dan ayat tersebut memberi hak kepada perempuan sama dengan lelaki.

b Sayyid Sabiq seterusnya menjelaskan bahawa dasar yang sesuai dengan fitrah dan tabiat semulajadi manusia itu sendiri maka yang lelaki lebih menumpukan kepada pekerjaan dan perusahaan di luar rumah, manakala perempuan menjalankan pekerjaan di dalam rumah seperti mengurus rumahtangga, mendidik anak-anak, menyediakan segala kemudahan bagi menjadikan suasana dalam rumah tenang dan tenteram.

d Maka sebab itu ditugaskan kepada kaum lelaki yang sesuai baginya, begitu juga ditugaskan kepada perempuan dan dengan itu barulah rumahtangga berjalan dengan baik di dalam dan di luar rumah tanpa menjejaskan mana-mana pihak.

e Selanjutnya Sayyid Sabiq membawa contoh di mana Rasulullah S.A.W telah memutuskan ke atas Fatimah bertugas atau menjalankan pekerjaan di rumah, manakala Ali berusaha dan bekerja di luar rumah.

f Pekerjaan yang dilakukan oleh suami isteri diakui oleh Rasulullah S.A.W sebagai tanggungjawab masing-masing itu ada hubungan dengan apa yang diperolehi atau hasil yang didapati daripada pekerjaan itu. Oleh kerana suami isteri mempunyai tugas masing-masing maka sudah patut dan wajar harta yang diperolehi dari sama-sama bekerja itu dijadikan harta bersama (sepencarian) di antara suami isteri selagi tidak ada apa-apa bukti atau pengakuan bahawa harta-harta yang diperolehi itu adalah hak masing-masing samada daripada pemberian orang lain atau pusaka dan sebagainya.

h Berhubung dengan hak milik yang dinamakan dengan nama Responden sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Imam Ibn al-Qayyim Al-Jauziyyah, di dalam kitab *Turuq Hukmiyyah Fi al-Siaasah al-Syariyyah*, al-Madani, Mesir, 1961 hlm. 25 iaitu:

ومن ذلك : أن جمهور الفقهاء يقولون في تداعى الزوجين والصانعين ، ومتاع البيت والدكان . أن القول قول من يدل الحال على صدقه . والصحيح في هذه المسألة : أنه لا عبرة باليد الحسية ، بل وجودها كعدمها . ولو اعتبرناها لأعتبرنا يد الخاطف لعمامة وعلى رأسه عمامة ، وآخر خلفه حاسر الرأس .

Bermaksud:

Sebilangan besar ahli perundangan Islam (Fuqaha') sepakat mengatakan dalam kes dua orang suami isteri yang berselisih berhubung dengan perkakas rumah dan dua orang tukang rumah berselisih berhubung dengan sebuah kedai, bahawa percakapan yang boleh diterima ialah yang menunjukkan keadaan yang boleh diterima kebenarannya dan yang tepat dalam kes ini; Tidak boleh dianggap benar semata-mata memegang dengan tangan malah adanya seperti tiada. Dan kalau keadaan demikian boleh diterima nescaya dapat diterima kebenaran seorang perampas serban orang lain yang mana serban yang dirampas itu berada ditangannya, dan diatas kepalanya sudah ada serban manakala orang lain yang mengejar di belakangnya tidak memakai serban.

Dalam hubungan ini bolehlah diqiyyaskan perkakas rumah dengan harta-harta lain seperti rumah, tanah dan sebagainya yang diperolehi semasa kedua-duanya masih bersuami isteri selagi tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa harta-harta itu sudah dibahagi atau ada hak masing-masing secara berasingan.

Mengenai kadar bahagian yang patut diperolehi oleh Perayu dan Responden, asas pertimbangannya adalah melihat kepada sumbangan masing-masing ketika mendapatkan harta tersebut.

Sek. 122(2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002 menyatakan:

(2) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang –

(a) Takat sumbangan-sumbangan yang dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta atau kerja bagi memperoleh aset-aset itu;

(b) Apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang dilakukan bagi manfaat bersama mereka;

(c) Keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada.

Perayu di dalam usaha untuk mendapatkan harta-harta tersebut telah memberi sumbangan secara tak langsung kepada Responden. Perayu sebagai suri rumah menguruskan rumahtangga seperti mendidik anak dan menguruskan makan minum Responden dan anak-anak untuk mendapatkan aset tersebut. Khidmat dan kerja seorang isteri di dalam menguruskan hal-hal rumahtangga patut diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Perayu pada masa perkahwinan adalah seorang suri rumah. Walaupun begitu, semasa Responden melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah di Universiti telah melakukan pelbagai kerja sampingan untuk membantu meringankan beban Responden. Pada masa itu, Responden hanya mendapat separuh gaji iaitu sebanyak RM400.00.

Responden telah membuat pinjaman daripada Bahagian Pinjaman Perumahan untuk membeli harta tersebut. Bayaran balik pinjaman perumahan tersebut dibayar oleh Responden sendiri tanpa bantuan daripada Perayu. Walaupun begitu, Perayu semasa permulaan untuk membeli harta tersebut telah mendahulukan wangnya sebanyak lebih kurang RM5000.00. Sepanjang tempoh pembiayaan balik pinjaman perumahan tersebut, Responden tidak memberi nafkah kepada Perayu. Untuk mendapatkan nafkah, Perayu telah berusaha sendiri dengan melakukan berbagai-bagai kerja sambilan.

Jika dilihat dari segi sumbangan yang dibuat oleh Perayu dalam usaha untuk mendapatkan harta tersebut, Perayu telah membuat sumbangan yang cukup besar. Ini kerana Perayu sanggup untuk tidak menerima nafkah daripada Responden, malahan telah membuat berbagai-bagai kerja sambilan untuk menampung kehidupan mereka. Dengan cara bekerja sampingan telah banyak membantu Responden dalam usaha untuk mendapatkan harta tersebut. Ini bermakna oleh sebab Perayu membantu responden maka Responden dapat membuat bayaran balik pinjaman perumahan tersebut.

Selama tempoh tinggal di rumah tersebut, Perayu telah membuat banyak pengubahsuaian terhadap rumah tersebut agar rumah tersebut menjadi tempat yang selesa untuk didiami bersama-sama dengan tujuh orang anak.

Imam Syafie di dalam kitab *al-Um*, Juz. 8, Dar al-Fikr, Beirut, 1983, hlm. 427 menyatakan:

(قال الشافعي) وإذا اختلف الزوجان في متاع البيت يسكنانه قبل أن يتفرقا أو بعدما تفرقا كان البيت لهما أو لأحدهما أو يمتوتان أو أحدهما فيختلف في ذلك ورثتهما فمن أقام بينة على شيء فهو له وإن لم يقم بينة فالقياس الذي لا يعذر أحد عندى بالغفلة عنه على الإجماع أن هذا المتاع بأيديهما جميعا فهو بينهما نصفين ...

Bermaksud:

“Apabila berlaku perselisihan antara suami dan isteri berhubung dengan perkakas rumah, yang keduanya menetap di rumah itu, sama ada kedua-duanya sudah bercerai atau tidak bercerai, dan rumah itu dimiliki oleh kedua-duanya atau salah seorang daripada kedua-duanya, atau kedua-duanya meninggal dunia atau meninggal salah seorang daripada keduanya. Lalu berselisih ahli waris daripada kedua-duanya, maka siapa yang dapat membuktikannya maka dia akan memperolehnya dan jika tidak adanya bukti maka disepakati secara ijma’ boleh diqiyas bahawa perkakas itu berada di tangan kedua-duanya dan dibahagi dua....”

Di dalam kitab *Bughyah al-Mustarshidin*, karangan al-Sayyed Abdul Rahman Bin Muhammad Bin Husin Bin Umar, Dar al-Fikr, hlm. 159 menyatakan:

a اختلط مال الزوجين و لم يعلم لأيهما أكثر ولا قرينة تميز أحدهما. وخصلت بينهما فرقة
أو موت لم يصح لأحدهما ولا وارثه تصرف في شيء قبل التمييز أو الصلح إلا مع
صاحبه إذ لا مرجح كما قالوا فيما لو اختلط حمامهما وحينئذ فإن أمكن معرفتها و
b إلا وقف الأمر حتى يصطاح الزوجان أو ورثتهما بلفظ صلح أو تواهب بتساو أو
تفاوت إن كانوا كاملين ويجب أن لا ينقص عن النصف في المحجور نعم إن جرت
العادة المطردة بأن أحدهما يكسب أكثر من الآخر كان الصلح والتواهب على نحو ذلك
c فإن لم ينتقوا على شيء من المال فالقول قوله بيمينه أنه ملكه فإن كان بيدهما فلكل
تحليف الآخر ثم يقسم نصفين .

d Bermaksud:

e “Telah bercampur harta suami dan isteri dan tidak diketahui
harta sesiapa yang lebih banyak dan tidak ada tanda-tanda yang
dapat membezakan harta salah seorangnya, kemudian berlaku
f perceraian di antara keduanya atau meninggal dunia, maka
tidak sah salah seorang dari mereka (suami isteri atau warisnya)
memerintah (mengguna) sesuatu daripada harta itu sebelum dapat
dibezakan atau sebelum dibuat perdamaian (*al-sulh*) kecuali
bersama-sama dengan pemiliknya sebab tidak ada murajjih
g (tanda yang membezakan di antara tanda-tanda berkenaan)
seperti mereka berkata, jika bercampur burung merpati keduanya
dan ketika itu tidak dapat diketahui keduanya atau tidak dapat
dibezakan, hendaklah ditangguh sehingga suami atau isteri atau
waris berdamai (*al-sulh*) atau menyerah (*hibah*) dengan sama
banyak atau lebih kurang jika mereka berkelayakan (kompeten)
dan tidak boleh berkurang daripada setengah bagi yang mahjur
h iaitu orang yang tidak berkelayakan (tidak kompeten). Tetapi jika
berlaku kebiasaan yang mana salah seorang daripada keduanya
mendapat pendapatan yang lebih banyak dari yang seorang lagi,
maka perdamaian atau penyerahan adalah berdasarkan kepada
keadaan demikian. Jika mereka tidak bersetuju maka pihak yang
memiliki atau memegang harta akan diterima cakupnya dengan
sumpahannya. Tetapi jika harta itu dimiliki oleh kedua-duanya,
maka kedua-dua pihak bersumpah dan harta dibahagi dua”.

Di dalam kes ini Perayu berhak mendapat 1/3 daripada nilai semasa harta sepencarian tersebut berdasarkan sumbangan Perayu dalam usaha untuk mendapatkan harta tersebut.

a

Di dalam kes ini juga, Peguam Syarie Perayu sepatutnya membuat tuntutan balas terhadap Responden berkaitan dengan harta sepencarian ataupun mengenai pemberian hidup sebagaimana dakwaan Perayu. Ini bertepatan dengan sek. 66 dan 67 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002.

b

Sek. 66 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002 menyatakan:

c

- (1) Tiap-tiap tuntutan balas hendaklah mengandungi perkara dan butir-butir yang sama seperti pernyataan tuntutan dan hendaklah ditandatangani oleh Defendan atau Peguam Syarienya.
- (2) Tuntutan balas tidak boleh dibuat terhadap mana-mana orang yang pada ketika itu bukan pihak dalam tindakan itu, tetapi jika suatu tindakan balas dibuat, suatu perintah penyatuan boleh dibuat oleh Mahkamah.

d

e

Sek. 67 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002 menyatakan:

- (1) Jika mana-mana Defendan membuat tuntutan balas, Plaintiff hendaklah, jika dia berhasrat untuk membuat pembelaan terhadap tuntutan balas itu, memfailkan dan menyebabkan disampaikan kepada defendan suatu pembelaan kepada tuntutan balas itu dalam apa-apa tempoh masa yang diarahkan oleh Mahkamah.
- (2) Jika Plaintiff tidak mematuhi subseksyen (1) seksyen 16 hendaklah terpakai seolah-olah plaintiff ialah seorang defendan.

f

g

h

a Peguam Syarie Responden semasa berhujah di Mahkamah ini bersetuju di atas keputusan Hakim Bicara bahawa harta yang dituntut sebagai harta sepencarian dan tidak ada apa-apa halangan serta menerima keputusan pembahagian atas kadar 1/3 dapat kepada Perayu dan 2/3 dapat kepada Responden.

b Perayu di dalam kes ini memberi kenyataan kepada Mahkamah bahawa harta tersebut telah diberikan kepada Perayu dan anak-anak oleh Responden sebagai pemberian hidup (*hibah*). Walaubagaimanapun, Mahkamah tidak berpuashati terhadap dakwaannya kerana Perayu tidak dapat mengemukakan *bayyinah* untuk membuktikan dakwaan Perayu dan Responden menafikannya. Oleh itu, Mahkamah mengarahkan agar c Responden bersumpah menafikan bahawa rumah tersebut adalah sebagai pemberian hidup kepada Perayu dan anak-anak.

d **Keputusan**

Mahkamah rayuan yang bersidang pada hari ini (Isnin) 21 April 2008 setelah mendengar hujah-hujah daripada Peguam Syarie bagi pihak e Perayu dan Responden serta meneliti segala rekod rayuan dan dokumen-dokumen berkaitan, dengan sebulat suara menerima rayuan dengan sedikit pindaan di atas keputusan Hakim Bicara iaitu menghukum supaya Responden bersumpah menafikan yang dia memberi rumah yang dituntut kepada Perayu dan anak-anaknya sebagaimana dakwaan Perayu semasa perbicaraan, manakala bersumpah demikian sabitlah harta yang dituntut f kepada Responden sebanyak 2/3 dan kepada Perayu sebanyak 1/3 sebagai harta sepencarian atas persetujuan pihak Responden mengikut nilai semasa dan kos ditanggung oleh pihak masing-masing.

g

h

Muhamad Rizal bin Abdullah

lwn

Norlia binti Mahmood

a

b

[Mahkamah Rayuan Syariah, Shah Alam, Selangor, (Datuk Haji Ibrahim bin Lembut HMRYs, (Pengerusi), Datuk Haji Abu Bakar bin Ahmad, HMRYs dan Dato' Haji Muhamad Asri bin Haji Abdullah HMRYs) 13 Jamadilawwal 1429H bersamaan 20 Mei 2008]

c

[Kes Rayuan Mal : 10000-017-0003-2005]

d

Undang-undang Keluarga Islam – Tuntutan Harta Sepencarian – Mahkamah yang berbidang kuasa mendengar kes Tuntutan Harta Sepencarian – sek.122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor)2003 dan sek.58 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 1984

Fakta Kes

e

Perayu dan Responden telah berkahwin pada 19 Mac 1978 di Masjid Negara, Kuala Lumpur dan telah didaftarkan bilangan 78/224 Wilayah Persekutuan. Perkongsian hidup kedua-dua pihak telah berakhir dengan lafaz talaq satu kali pertama oleh suami (Perayu) ke atas isteri (Responden) tanpa pengetahuan Responden di Mahkamah Kadi Daerah

f

Timur Laut Pulau Pinang pada 16 Februari 1993.

g

Kemudian Responden telah memfailkan satu kes untuk mendapatkan harta sepencarian di Mahkamah Tinggi Syariah, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan dan telah memperolehi penghakiman melalui Perintah bertarikh 13 November 2001 yang mana Hakim Bicara telah memutuskan dan memerintahkan seperti berikut :

h

1. Rumah yang beralamat di No. 10 Jalan SS 14/7E, Subang Jaya, 47500 Petaling Jaya diserahkan dua pertiga bahagian kepada pihak menuntut (Responden).

2. Rumah yang beralamat di Nombor 75 Jalan Medang Serai, Bukit Bandaraya, 59100 Kuala Lumpur diserahkan separuh bahagian kepada pihak menuntut;
3. Sebuah kereta jenis Nissan Sunny dengan nombor pendaftaran BDV 2124 diserahkan separuh (1/2) bahagian kepada pihak menuntut;
4. Sebuah motorvan jenis Spectron dengan nombor pendaftaran BCM 1125 diserahkan separuh $\frac{1}{2}$ bahagian kepada pihak menuntut;

Mahkamah juga telah meluluskan tuntutan balas Pihak Kena Tuntut (Perayu) seperti berikut:

1. Rumah yang beralamat di No.38, Jalan Pernas 1/27, Bandar Baru, Pernas Jaya diserahkan separuh $\frac{1}{2}$ bahagian kepada pihak kena tuntutan. Pihak menuntut diperintahkan membayar separuh daripada hasil jualan rumah tersebut kepada pihak kena tuntutan.
2. Pihak menuntut diperintah membayar bahagian deposit Amanah Saham Nasional Pihak Kena Tuntut berjumlah RM 3,000.00
3. Pihak menuntut diperintah menyerahkan semula perabot kepunyaan Pihak Kena Tuntut atau dibayar dengan nilai kepada Pihak Kena Tuntut.
4. Pihak Menuntut juga diperintahkan memulangkan seutas rantai emas Pihak Kena Tuntut.
5. Kos guaman ditanggung masing-masing.

Perayu dalam kes ini tidak berpuashati dengan keputusan Y.A Hakim Bicara dan merayu kepada Mahkamah Rayuan Syariah Selangor terhadap keseluruhan keputusan tersebut.

Diputuskan

a

Mahkamah memutuskan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor tidak berbidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan tuntutan Harta Sepencarian di dalam kes Mal No: 173/95 dan keputusan serta perintah mengenai Harta Sepencarian oleh Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam Selangor pada 13 November 2001 adalah tidak sah dan dibatalkan dan pihak-pihak hendaklah memfailkan kes di Mahkamah yang berkompeten.

b

Peguam Syarie

c

Perayu : Puan Kamar Ainiah binti Kamaruzzaman dari Tetuan
Kamar Ainiah & Co

Responden : Tuan Yusof bin Musa dari Biro Bantuan Guaman Malaysia

d

Kitab-kitab yang dirujuk

Dr.Abdul Karim Zaidan, *Nizam al-Qada' fi al-Syariah al-Islamiyyah*.

Undang-undang yang dirujuk

e

1. *Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003; sek.122*
2. *Enakmen Undang-undang Keluarga Islam)Negeri Selangor) 1984; sek. 58*

f

Kes-kes yang dirujuk

Noh bin Atan *lwn* Shakila bintiMohamed [1998] 12(i) JH 27.

Penghakiman Mahkamah Rayuan Syariah

g

Perayu dalam kes ini tidak berpuashati dengan keputusan Y.A Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan merayu kepada Mahkamah Rayuan Syariah Selangor terhadap keseluruhan keputusan tersebut.

h

Latar belakang kes ini, Perayu dan Responden telah berkahwin pada 19 Mac 1978 di Masjid Negara, Kuala Lumpur dan telah didaftarkan bilangan 78/224 Wilayah Persekutuan. Perkongsian hidup kedua-dua pihak telah berakhir dengan lafaz talaq satu kali pertama oleh suami

(Perayu) ke atas isteri (Responden) tanpa pengetahuan Responden di Mahkamah Khadi Daerah Timur Laut Pulau Pinang pada 16 Februari 1993 berdasarkan nombor kes bilangan Mal : 48 /93 dan telah didaftarkan berdasarkan surat cerai bilangan 21/93.

a

Kemudian Responden telah memfailkan satu kes Mal Bilangan 173/95 untuk mendapatkan harta sepencarian di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor Darul Ehsan dan telah memperolehi penghakiman melalui Perintah bertarikh 13 November 2001 yang mana Y.A Tuan Haji Mohamed Ishak bin Haji Mohamed Yaacob telah memutuskan dan memerintahkan seperti berikut :

b

1. Rumah yang beralamat di No. 10 Jalan SS 14/7E, Subang Jaya, 47500 Petaling Jaya diserahkan dua pertiga bahagian kepada pihak menuntut (Responden).
2. Rumah yang beralamat di No.75 Jalan Medang Serai, Bukit Bandaraya, 59100 Kuala Lumpur diserahkan separuh bahagian kepada pihak menuntut;
3. Sebuah kereta jenis Nissan Sunny dengan nombor pendaftaran BDV 2124 diserahkan separuh (1/2) bahagian kepada pihak menuntut;
4. Sebuah motorvan jenis Spectron dengan nombor pendaftaran BCM 1125 diserahkan separuh $\frac{1}{2}$ bahagian kepada pihak menuntut;

c

d

e

Mahkamah juga telah meluluskan tuntutan balas Pihak Kena Tuntut (Perayu) seperti berikut:

f

1. Rumah yang beralamat di No. 38, Jalan Pernas 1/27, Bandar Baru, Pernas Jaya diserahkan separuh $\frac{1}{2}$ bahagian kepada pihak kena tuntutan. Pihak menuntut diperintahkan membayar separuh daripada hasil jualan rumah tersebut kepada pihak kena tuntutan.
2. Pihak menuntut diperintah membayar bahagian deposit Amanah Saham Nasional Pihak Kena Tuntut berjumlah RM 3,000.00

g

h

a Pihak menuntut diperintah menyerahkan semula perabot
kepunyaan Pihak Kena Tuntut atau dibayar dengan nilai
kepada Pihak Kena Tuntut.

3. Pihak Menuntut juga diperintahkan memulangkan seutas
rantai emas Pihak Kena Tuntut.

b 4. Kos guaman ditanggung masing-masing.

c Perayu telah merayu kepada sebahagian keputusan Y.A Hakim
Mahkamah Tinggi Syariah, Shah Alam Selangor pada 13 November
2001 berdasarkan alasan-alasan berikut:-

d Y.A Hakim telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta
apabila memutuskan bahawa harta di No 10, Jalan SS 14/7E, Subang
Jaya, 47500 Petaling Jaya yang didaftarkan atas nama Perayu diserahkan
dua pertiga (2/3) bahagian kepada Responden sedangkan harta tersebut
diperolehi oleh Perayu seorang.

e Keputusan Y.A Tuan Hakim yang memutuskan Perayu hanya
mendapat satu pertiga (1/3) bahagian ke atas harta miliknya di No.
10, Jalan SS 14/7E, Subang Jaya, 47500 Petaling Jaya sesungguhnya
bertentangan peruntukan undang-undang dan Hukum Syarak di mana
pembahagian harta sepencarian hendaklah dibuat atas asas sumbangan
pihak masing-masing. Di bawah sek. 58(3) dan (4) Undang-undang
Keluarga Islam (Negeri Selangor) 1984 (sek. 122(3) dan (4) Enakmen
f Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003), pihak yang
telah memperolehi harta dengan usaha tunggal haruslah menerima
bahagian yang lebih besar.

g Dalam membuat keputusannya ke atas rumah di Subang Jaya
tersebut, Y.A gagal mengambil kira fakta-fakta berikut :

a) Bahawa rumah tersebut telah dibeli oleh Perayu melalui
pinjaman dari Malaysian Bank Finance (MBF)

- b) Bahawa Perayu telah menjual rumah kepunyaannya di No. Jalan SS 17/3B yang juga dibeli dengan pinjaman untuk menampung pembelian harta di No.10, Jalan SS 14 /7E, Subang Jaya, 47500 Petaling Jaya.
- c) Segala kos ubah suai rumah berjumlah RM6,000.00- RM 10,000.00 ditanggung sepenuhnya oleh Perayu.

Y.A Tuan Hakim seterusnya gagal menimbangkan bahawa sumbangan Responden terhadap pembelian harta tersebut sebanyak RM 21,000.00 telahpun dibayar balik kepada Responden oleh Perayu pada tahun 1990 iaitu sebelum mereka bercerai lagi dan perkara ini diakui sendiri oleh Responden.

Y.A Tuan Hakim telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa rumah di No.75 Jalan Medang Serai, Bukit Bandaraya, 59100 Kuala Lumpur yang didaftarkan di bawah nama Perayu diserahkan separuh (1/2) bahagian kepada Responden.

Keputusan Y.A Tuan Hakim yang membahagi harta di No.75, Jalan Medang Serai, Bukit Bandaraya, 59100 Kuala Lumpur separuh (1/2) bahagian kepada Perayu adalah suatu keputusan yang bertentangan dengan kehendak undang-undang dan hukum syarak. Di bawah sek. 58 (3) dan (4) Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 1984 (sek. 122 (3) dan (4) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003), pihak yang telah memperolehi harta dengan usaha tunggal haruslah menerima bahagian yang lebih besar.

Y.A Tuan Hakim gagal mengambil kira bahawa harta tersebut dibeli oleh Perayu melalui pinjaman daripada Arab Malaysian Finance. Perayu yang telah menjelaskan keseluruhan pinjaman tersebut.

Y.A Tuan Hakim tidak menimbang bahawa Responden tiada apa-apa sumbangan langsung dalam pemerolehan rumah tersebut hal mana fakta ini diakui sendiri oleh Responden dalam keterangannya di Mahkamah.

a Y.A Hakim telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa Responden berhak mendapat separuh (1/2) bahagian ke atas kereta Nissan Sunny BBV 2124 dan kereta Van Spectron BCM 125 sedangkan Mahkamah menerima bahawa Responden tidak mempunyai sumbangan secara langsung dalam pemerolehan harta-harta tersebut.

b Y.A Tuan Hakim dalam membuat keputusan bahawa kereta-kereta tersebut dibahagi sama rata adalah bertentangan dengan kehendak undang-undang dan Hukum Syarak. Di bawah sek. 58 (3) dan (4) Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 1984 (sek. 122 (3) dan (4) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor)
c 2003), pihak-pihak yang telah memperolehi harta dengan usaha tunggal haruslah menerima bahagian yang lebih besar.

Y.A Tuan Hakim gagal mengambilkira fakta-fakta berikut :

d a) kedua-dua kereta Nissan Sunny dan kereta Van Spectron dibeli oleh Perayu. Kedua-dua kenderaan tersebut telahpun habis dibayar oleh Perayu sendiri tanpa sebarang bantuan daripada Responden. Segala kos membaiki kerosakan juga ditanggung sepenuhnya oleh Perayu.

e b) Responden tidak mempunyai apa-apa sumbangan dalam pemerolehan kenderaan-kenderaan tersebut dan fakta ini diakui sendiri oleh Responden dalam keterangannya di Mahkamah.

f Berdasarkan 11 alasan rayuan yang difailkan di Mahkamah ini dan setelah Sidang Rayuan membaca, meneliti, mendengar hujah pihak-pihak dan menyemak Rekod Rayuan, dan meneliti Alasan Penghakiman Yang Arif Hakim bicara, kami mendapati isu bidangkuasa adalah
g satu perkara yang perlu diambil perhatian di Mahkamah ini sebelum mempertimbangkan isu-isu lain yang dikemukakan oleh Perayu. Ini kerana ianya merupakan persoalan utama yang perlu ditentukan terlebih dahulu sama ada Mahkamah Tinggi Syariah Selangor berbidangkuasa
h ataupun tidak dalam mendengar dan memutuskan tuntutan Responden.

Sukacita Sidang Rayuan ingin mengulas isu bidangkuasa dalam kes ini, setelah disemak kronologi kes dan rekod rayuan yang telah difailkan dalam rayuan ini, isu bidangkuasa telah tidak ditimbulkan dan di ambil perhatian oleh pihak-pihak di peringkat perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor dan begitu juga dalam peringkat rayuan ini. Sidang Rayuan mendapati berdasarkan fakta kes. Pihak Perayu dan Responden telah berkahwin di Masjid Negara, Kuala Lumpur. Kedua-dua pihak telah bercerai dengan lafaz talaq satu kali pertama oleh suami (Perayu) ke atas isteri (Responden) tanpa pengetahuan Responden di Mahkamah Kadi Daerah Timur Laut Pulau Pinang pada 16 Februari 1993 berdasarkan nombor kes bilangan Mal : 48 /93 yang telah didaftarkan berdasarkan surat cerai bilangan 21/93. Kemudian pihak Responden telah memfailkan kes harta sepencarian di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam Selangor melalui kes mal bilangan 173/95.

Untuk memastikan sama ada Mahkamah Tinggi Syariah berbidangkuasa mendengar kes Perayu ataupun tidak, sukacita kami merujuk peruntukan sek. 122 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (sek. 58 (1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 1984) yang memperuntukkan sebagaimana berikut :-

- (1) Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka di bahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

Dengan ini mahkamah yang berbidangkuasa untuk mendengar tuntutan Harta Sepencarian adalah Mahkamah yang membenarkan lafaz talak atau apabila membuat perintah perceraian. Perceraian ini berlaku di Mahkamah Rendah Syariah Timur Laut Pulau Pinang, sepatutnya tuntutan ini di buat di Mahkamah Syariah Pulau Pinang. Oleh yang demikian, Sidang Rayuan berpendapat Mahkamah Syariah Pulau Pinang adalah mahkamah yang berbidangkuasa untuk mendengar tuntutan ini.

Oleh itu, kami mendapati Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor tidak berbidangkuasa mendengar kes tuntutan harta sepencarian ini kerana bidangkuasa telah ditentukan oleh undang-undang sebagaimana diperuntukkan dalam sek. 122 (1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (sek. 58 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 1984). Oleh kerana itu, kami berpendapat Y.A. Hakim bicara telah terlepas pandang daripada meneliti peruntukan sek. 58 (1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 1984 maka Y.A. Hakim bicara telah tersalah arah dalam mendengar dan membuat keputusan terhadap tuntutan di dalam kes ini dan ini juga telah melampaui bidangkuasa (ultra virus) yang diberikan.

Sidang Rayuan juga merujuk kepada kes *Noh Bin Atan lwn Shakila Binti Mohamed* [1998] 12(i) JH 27 di dalam kes ini Perayu telah memfailkan tuntutannya berhubung harta sepencarian sebuah rumah di alamat No 15, Jalan Kail, 19/33 Shah Alam di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan. Terdahulu daripada itu Perayu telah memfailkan permohonan pengesahan lafaz cerainya di Mahkamah Rendah Syariah Gombak, Selangor di samping membuat tuntutan lain untuk harta sepencarian berkenaan rumah tersebut di atas. Walaubagaimanapun Mahkamah Rendah Syariah Gombak ketika itu hanya memutuskan pengesahan lafaz cerai pihak-pihak sahaja manakala tuntutan bersampingan yang lain tidak didengar atas masalah bidangkuasa. Justeru itu, Perayu telah memfailkan tuntutan harta sepencariannya di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan namun permohonan tersebut telah ditolak oleh Mahkamah berkenaan kerana pihak-pihak ketika bercerai telah tinggal di dalam Daerah Negeri Selangor berdasarkan surat perakuan cerai. Di dalam peringkat Mahkamah Rayuan, Yang Amat Arif Allahyarham Prof Ahmad Ibrahim telah memutuskan menolak rayuan Perayu dan antara alasan-alasan utama dalam penghakimannya bahawa Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar tuntutan perayu kerana pihak-pihak telah bercerai di Selangor dan perceraian (taklik) mereka telah disahkan oleh Mahkamah Rendah Syariah Gombak Selangor dan didaftarkan di Shah Alam, Selangor.

Berkenaan bidangkuasa seorang Hakim ini telah diperjelaskan oleh Dr Abd Karim Zaidan dalam kitabnya *Nizam al-Qada Fi al-Syariah al-Islamiyyah* berkenaan pembahagian ataupun had bidangkuasa seorang Hakim yang dilantik oleh seorang pemerintah.

أما إذا عين الخليفة قاضيا بقيود معينة من حيث المكان أو الزمان أو نوع الخصومات أو نوع الخصوم فتقليد القضاء لهذا القاضي في هذه الحالة هو تقليد خاص، والتقييد الذي صار به تقليد القاضي تقليدا خاصا هو الذي يعرف عند الفقهاء ب (تخصيص القضاء)

Bermaksud;

Apabila khalifah melantik seorang Hakim dengan beberapa batasan tertentu dari segi tempat atau masa atau jenis-jenis kes pertikaian atau jenis-jenis orang yang bertikai maka perlantikan kehakiman bagi Hakim ini adalah dalam bentuk yang dinamakan perlantikan khas/khusus. Pembatasan kuasa Hakim yang dilantik dalam bentuk itulah yang dikenali dikalangan fuqaha dengan istilah “(تخصيص القضاء)”

Oleh itu, seseorang Hakim yang membicarakan dan membuat sesuatu keputusan terhadap sesuatu kes di luar bidangkuasanya maka keputusannya itu adalah dengan sendirinya terbatal.

Keputusan

Berdasarkan kepada alasan-alasan seperti yang tersebut di atas maka kami memutuskan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor tidak berbidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan tuntutan Harta Sepencarian di dalam kes Mal nombor 173/95 dan keputusan serta perintah mengenai Harta Sepencarian oleh Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam Selangor pada 13 November 2001 adalah tidak sah dan dibatalkan dan pihak-pihak hendaklah memfailkan kes di Mahkamah yang berkompeten.

Semah binti Daud
lwn.
Hassan bin Awang

[Mahkamah Rayuan Syariah Kota Bharu, Kelantan, (Dato' Haji Daud bin Muhammad (Dato' Aria D'Raja),KHS (Pengerusi), Dato' Haji Ariffin bin Zakaria, HMRyS, Tuan Haji Rawi bin Mat Yaman, HMRyS) 22 Jamadilakhir 1429H bersamaan 26 Jun 2008]

[Kes Rayuan Mal Bil: 03000-017-0004-2008]

Undang-undang Pentadbiran – Bidang kuasa Mahkamah mendengar rayuan kes Harta Sepencarian – sek. 9 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 1982 – Tafsiran Harta – sek. 2 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 1982

Undang-undang Keluarga Islam – Tuntutan Harta Sepencarian - Rayuan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah – sek. 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002 - Tafsiran Harta Sepencarian – sek. 2 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002

Undang-undang Keterangan – Beban pembuktian kes – sek.72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002

Fakta kes

Perayu dan Responden telah berkahwin pada tahun 1972 / 1973 mengikut Hukum Syarak dan bercerai pada 29 April 1993 di Mahkamah Qadhi Kota Bharu dengan satu talaq kali ketiga. Selama 20 tahun tempoh perkahwinan, pasangan ini dikurniakan 6 orang cahaya mata. Semasa dalam tempoh perkahwinan Perayu adalah seorang surirumah, manakala responden adalah bekerja sebagai guru. Sepanjang hidup bersama, Perayu dan Responden telah dapat membeli sebuah rumah yang beralamat di No. Lot 289, No. Hakmilik 16638, Seksyen 23, Kota Bharu, Kelantan yang bernilai sebanyak RM206,000.00.

Di dalam kes ini, Perayu membuat rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah berkaitan dengan tuntutan Harta Sepencarian pada 15 Julai 2007 yang memutuskan Perayu mendapat 1/3 bahagian dan Responden mendapat 2/3 daripada jumlah gaji yang dipotong iaitu sebanyak RM22,981.97 yang dibuat dalam tempoh perkahwinan Perayu dan Responden.

a

b

Diputuskan

Mahkamah Rayuan memutuskan dengan sebulat suara membenarkan rayuan pihak Perayu dan memerintahkan sepertimana berikut:

c

- i. Perintah Mahkamah Tinggi pada 15 Julai 2007, dengan ini dibatalkan dan diganti dengan keputusan berikut:

d

Mahkamah ini memerintahkan Responden Hassan Bin Awang membayar kepada Semah Binti Daud sebanyak RM37,869.00 iaitu 1/3 daripada nilai bersih rumah yang berjumlah RM113,607.74 sebagai Harta Sepencarian; dan

e

- ii. Kos rayuan ditanggung oleh Responden.

Peguaam Syarie

Perayu : Tuan Hj. Mohd Zaki Hj. Zainal Abidin dari Tetuan Haji Mohd Zaki & Co.

Responden : Tidak diwakili

f

Surah-surah al-Quran yang dirujuk

Surah *al-Baqarah* ayat 228 dan 282

g

Kitab yang dirujuk

Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, Beirut, 1973, Dar al-Fikr, Jld. 2.

h

Undang-undang yang dirujuk

- a 1. *Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 1982, sek.2 dan sek.9.*
2. *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002,sek.72*
- b 3. *Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002. sek. 2 dan sek.122.*

Penghakiman Mahkmamah Rayuan Syariah

c Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidangkuasa untuk mendengar, membicara dan memutuskan tuntutan Harta Sepencarian dalam kes ini sebagaimana yang diperuntukkan dalam sek. 9 (2) (iv) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan)1982 iaitu:

- d (1)
- (2) Dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan segala tindakan dan pembicaraan dalam mana pihak-pihak berkenaan semuanya beragama Islam dan yang berkenaan dengan:
- e (i) ...
- (ii) ...
- (iii) ...
- f (iv) Pembahagian atau tuntutan kepada Harta Sepencarian atau dom;

g Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002 dengan jelas memberi kuasa kepada Mahkamah ini membuat perintah pembahagian kepada Harta Sepencarian ini sebagaimana yang diperuntukkan di dalam sek. 122 (1) Enakmen tersebut yang menyebut bahawa:-

h

- (1) Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talak atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihaknya ini dalam perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset yang diperolehi oleh pihaknya ini dalam mana perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan ini dibahagi antara pihaknya itu. a
- (2) Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen (1) Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang:- b
 - (a) Takat sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta atau kerja bagi memperolehi aset-aset itu; c
 - (b) Berapa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manafaat bersama mereka; d
 - (c) Keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu jelas ada. e

Dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan ini Mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak. f

- (3) Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz (talak atau apabila membuat perintah perceraian memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu dibahagi antara mereka atau supaya aset-aset ini dijual dan hasil jualan ini dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihaknya itu; g
h

(4) Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (3), Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada –

(a) Takat sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset itu kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga;

(b) Keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan ini jelas ada dan tertakluk kepada pertimbangan ini Mahkamah boleh membahagikan aset-aset ini atau hasil jualan ini mengikut apa-apa kadar yang difikirkan munasabah tetapi walau bagaimanapun pihaknya yang telah memperolehi aset-aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar;

(5) Bagi maksud seksyen ini rujuk Mahkamah mengenai aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan termasuklah aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian harta dalam perkahwinan ini oleh pihak yang satu lagi ini atau dengan usaha bersama mereka.

Tarjih al-Bayyinah

Di dalam kes ini Perayu mengatakan bahawa Responden telah berjanji akan menyerahkan rumah tersebut kepada Perayu. Walaubagaimanapun, dakwaan ini telah dinafikan oleh Responden. Responden mengatakan bahawa beliau tidak pernah membuat janji untuk menyerahkan rumah tersebut kepada Perayu.

Perayu sebagai pihak yang mendakwa perlu mengemukakan dua orang saksi. Kesaksian sebagaimana firman Allah S.W.T di dalam surah *al-Baqarah* ayat 282:

وَأَسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ ۖ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ
وَأَمْرَأَتَانِ مِمَّنْ تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا
فَتُذَكِّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَىٰ

Bermaksud:

.....dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki di antara kamu, kemudian jika tidak ada dua orang saksi lelaki maka bolehlah seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi supaya jika yang seorang lupa (dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu) maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi....

Selain itu juga Perayu sebagai orang yang mendakwa hendaklah mengemukakan bukti sebagaimana Hadith Nabi Muhammad S.A.W yang diriwayatkan oleh Baihaqi.

Sabda Nabi Muhammad S.A.W:

البينة على المدعى واليمين على من أنكر

Bermaksud:

“bayyinah adalah ke atas Plaintiff, dan sumpah ke atas Defendan”

Sek. 72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002 menyatakan:

“Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes *mal* terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (*al-mudda'ii*) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (*al-mudd'a'alah*)”.

a Begitu juga Responden/Defendan mendakwa semasa memberi jawapan dalam perbicaraan bahawa Perayu/Plaintif sebelum bercerai ada berjanji tidak mahu menuntut rumah tersebut. Dakwaan ini tidak ada bukti baik surat perjanjian atau dicatat dalam surat cerai (cabutan sijil cerai) No. 04559/1/95 yang dikemukakan semasa perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah atau daripada keterangan saksi-saksi dan semasa Perayu/Plaintif memberi keterangan, Peguam Syarie Responden/ b Defendan tidak mengemukakan apa-apa soalan kepada Perayu/Plaintif berhubung dengan perjanjian tersebut. Oleh itu dakwaan Responden/ Defendan dan Perayu/Plaintif berhubung dengan perjanjian-perjanjian tersebut tidak boleh diterima kerana tidak ada sokongan serta dicangguh oleh pihak penentang.

c Responden/Defendan membangkitkan di dalam jawapan semasa perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah bahawa Perayu/Plaintif membuat tuntutan ini setelah 13 tahun bercerai. Berhubung dengan tempoh masa untuk membuat sesuatu tuntutan itu *al- 'Alamah al-Sayyid* d *'Alwi al-Saqqaf* ada menyatakan di dalam kitab *ترشيح المستفيدين بتوشيح فتح المعين*

Beliau menyatakan di bawah bab:

شروط الدعوى

e ((فهذه ست شرائط وذكرت في الكواكب الدرية سابعاً وهو أن تكون قبل مضي خمس عشرة سنة في غير المواريث كما ذكره الزيايدي تبعاً لغيره قال لنهى الإمام عن ذلك فإن ولى الأمر إذا شرط على القاضى عدم الحكم فى أمر مخصوص اتبع))

f Bermaksud:

“Ini enam syarat dakwaan (yang disebut sebelum itu) dan disebut dalam kitab al-Kawakib al-Durriyyah syarat yang ke tujuh iaitu sebelum tamat tempoh 15 tahun selain dari harta pusaka sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Ziyadi, sama sepertimana yang dijelaskan oleh orang daripadanya.

g Berkata al-Ziyadi, disebabkan ketua kerajaan (imam) melarang demikian itu. Sesungguhnya apabila pemerintah mensyaratkan kepada Hakim tidak memutuskan hukuman dalam perkara tertentu hendaklah diikuti”.
h

Walaubagaimanapun, di dalam Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002 tidak ada peruntukan berhubung dengan larangan sesuatu tuntutan tidak boleh diterima jika tuntutan itu dibuat selepas daripada 15 tahun daripada tarikh ia mula berhak membuat tuntutan dan dengan demikian apa-apa yang dibangkit oleh Responden/Defendan tidak ada asas dari segi undang-undang dan Hukum Syarak.

Isu-isu di dalam kes ini adalah:

- i. Adakah Perayu berhak mendapat Harta Sepencarian ke atas harta yang dituntut iaitu sebuah rumah berkembar dua tingkat di atas Lot No. 289 hak milik G 16638 Sek. 23, Bandar Jajahan Kota Bharu, Kelantan yang bernilai RM206,000.00.
- ii. Berapa kadar dan bahagian yang sepatutnya diterima oleh Perayu.

Sebelum Mahkamah menghuraikan isu-isu ini, perlulah dihuraikan definisi dan maksud Harta Sepencarian itu sendiri dari segi undang-undang hukum adat atau syarak.

Mengikut tafsiran dalam sek. 2(1) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 1982 menjelaskan –

“Dalam Enakmen ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang berlainan:

Harta : ertinya semua harta alih atau tak alih termasuk wang-wang kepentingan, aset dan hak-hak kepunyaan yang lain”

Manakala mengikut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002 sek. 2 (1) menerangkan tafsiran (Harta Sepencarian) ertinya:-

“Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinannya berkuatkuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak.”

a Walaupun tidak ada perkataan Harta Sepencarian secara jelas dalam Hukum Syarak namun ianya merupakan adat Melayu yang telah lama diterima pakai dan ianya mendatangkan kebaikan kepada kaum wanita di negeri ini. Ini kerana di dalam kaedah Fiqh apabila sesuatu adat atau uruf itu telah diakui kebaikannya dan telah diberi pengiktirafan kehakiman atau undang-undang kedudukannya pada waktu ini tidak b lagi sebagai adat akan tetapi ianya berdasarkan kepada kemaslahatan (masalah) yang mesti diikuti dan dipatuhi, ertinya adat itu diakui dan diberi pengiktirafan undang-undang justeru itu Mahkamah berpendapat Harta Sepencarian ini adalah sebahagian daripada hukum dan undang-undang Islam.

c Hasil daripada kerjasama dan hubungan suami isteri menjalankan tugas dan tanggungjawab dalam menguruskan rumahtangga dalam bentuk usaha tenaga fizikal dan mental hingga memperoleh harta atau aset-aset yang merupakan harta wang ringgit telah dipanggil sebagai d Harta Sepencarian dan diakui oleh Islam dan diberi pengiktirafan undang-undang dan penghakiman yang berasaskan kepada kaedah *al-Adat Muhakkamah*.

e Di dalam Islam, apabila 'adat' atau 'uruf' diakui kebaikannya dan telah diberi pengiktirafan undang-undang, kedudukannya adalah menjadi suatu peraturan atau perundangan yang mesti diikuti dan dikuatkuasakan.

Di dalam kaedah fiqh atau Qawaid Al-Fiqhiyyah menyatakan:

f العادة محكمة

Bermaksud:

Adat itu diprakai dan diberi pengiktirafan undang-undang.

g المعروف عرفاً كالمشروط شرطاً

Bermaksud:

Sesuatu yang diterima mengikut adat samalah kedudukannya seperti sesuatu yang dibuat mengikut syarak.

Di dalam kitab *Qawaid al-Fiqhiyyah*, yang ditulis oleh Dr. Abdul Karim Zaidan yang bermaksud Uruf mengikut Jumhur al-Fuqaha' telah ditakrifkan sebagai "sesuatu yang telah menjadi kebiasaan oleh manusia untuk mematuhi dalam urusan kehidupan harian sehingga sebatian dengan mereka dan menjadi satu perkara yang lumrah sama ada uruf itu qauli atau amali, am atau khas, sahih atau fasid.

Walaupun harta rumah tersebut hasil daripada pinjaman Responden dengan pihak bank dan dinamakan dengan namanya tetapi tidak menjadi halangan untuk Perayu menuntut harta tersebut sebagai Harta Sepencarian. Kerana semasa itu mereka berdua sebagai suami isteri di mana Perayu telah memberi sumbangan secara tidak langsung dengan membantu suami dalam urusan rumahtangga dan menjaga anak-anak sehingga Responden dapat menjalankan pekerjaan sebagai seorang guru dengan tenang dan selesa, yang mana perkongsian kerja seumpama itu boleh dianggap sama-sama menyumbangkan tenaga sehingga dapat memperolehi rumah tersebut.

Mengikut pendapat Sayyid Sabiq dalam kitab *Fiqh al-Sunnah*, Jld. 2, hlm. 174, Dar al-Fikr, Beirut, Lubnan, 1981 di bawah tajuk:

خدمة المرأة زوجها Sayyid Sabiq mengulas berdasarkan surah *al-Baqarah* ayat 228 mengenai perkara ini. Allah berfirman:

وَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَ بِالْعَرُوفِ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَ دَرَجَةٌ

Bermaksud:

Dan isteri-isteri itu ada hak yang sama seperti kewajibannya secara yang sepatutnya; dan suami mempunyai satu kelebihan atas isterinya.

Isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka terhadap suami dengan cara yang sepatutnya yakni sebagaimana seorang isteri menanggung tanggungjawab terhadap suami yang wajib dilaksanakan dengan cara yang baik. Dalam pada itu suami itu mempunyai satu darjat kelebihan atas isterinya kerana suami yang berkuasa mengawalinya dan memberi nafkah dan ayat tersebut memberi hak kepada perempuan sama dengan lelaki.

a Untuk menentukan sama ada Perayu layak dan berhak mendapat Harta Sepencarian seperti yang dituntutnya atau sebaliknya Mahkamah setelah mendengar hujah-hujah dan meneliti rekod-rekod rayuan serta dokumen-dokumen berkenaan berpuas hati dan dapati Perayu bekerja sebagai suri rumah sepenuh masa dan Responden bekerja sebagai guru di sekolah kebangsaan dan menengah sehingga bersara wajib.

b Dengan jelas di sini Perayu tidak ada memberi sumbangan secara langsung wang atau benda dalam mendapatkan harta yang dituntut di mana Perayu sendiri mengaku tiada memberi sumbangan langsung semasa memberi keterangannya kepada Mahkamah baik dalam bentuk wang atau benda sebaliknya Responden telah memberi sumbangan c secara langsung untuk mendapatkan rumah yang dituntut oleh Perayu dengan Responden membuat pinjaman perumahan dengan kerajaan dan memotong gajinya setiap bulan mulai bulan November 1987 sehingga kini dan sehingga bayaran pinjaman selesai.

d Oleh kerana Perayu tidak memberi sumbangan langsung dalam memperolehi rumah yang dituntut sebagai Harta Sepencarian, jadi untuk menuntut sesuatu harta yang diperolehi oleh suami isteri dalam tempoh perkahwinan mereka berkuatkuasa sebagai Harta Sepencarian atau e sebaliknya adalah berpandukan kepada asas sumbangan pihak-pihak itu dalam memperolehi harta atau aset itu yang boleh diambilkira oleh Hukum Syarak dan undang-undang bukan sahaja sumbangan langsung modal atau wang malah ianya termasuk sumbangan tak langsung seperti tanggungjawab rumah tangga yang dijalankan oleh Perayu di samping f tugas-tugas harian dalam kehidupan berumahtangga mereka sehingga dapat hidup dengan tenteram, aman dan bahagia.

g Di dalam perkara ini asas atau dasar yang ditetapkan oleh Islam dalam mengatur dan menguruskan kehidupan suami isteri adalah sesuatu asas yang sesuai dengan tabiat dan fitrah semulajadi manusia. Orang lelaki lebih mampu bekerja dan berusaha di luar rumah, manakala wanita pula melakukan kerja-kerja di dalam rumah.

h Oleh kerana itu kepada lelaki diberi tugas yang sesuai dengan fitrahnya dan kepada perempuan pula disesuaikan dengan tabiat dan fitrahnya dengan yang demikian rumahtangga dapat tersusun dengan baik sama ada di dalam atau di luar tanpa adanya sebab yang boleh

menjejaskan mana-mana pihak (suami/isteri) dan dengan itu barulah wujud ketenteraman dan kedamaian dalam rumahtangga.

a

Rasulullah s.a.w telah memutuskan hukum antara Sayyidina Ali bin Abi Talib karamallah huwajjah dengan isterinya Fatimah r.a.h.. Rasulullah memutuskan ke atas Fatimah supaya menjalankan tugas urusan rumahtangga, manakala ke atas Sayyidina Ali pula diputuskan supaya menjalankan kerja dalam mencari pendapatan di luar rumah. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Sayyid Sabiq dalam kitab *Fiqh al-Sunnah*, Jld. 2, hlm. 174, Dar al-Fikr, Beirut, Lubnan, 1981.

b

Pekerjaan suami isteri sebagaimana yang telah diakui oleh Rasulullah s.a.w itu adalah menjadi tanggungjawab suami isteri dan tanggungjawab berkenaan ada pula berkaitan dengan apa-apa aset atau wang ringgit yang diperolehi atau hasil yang akan diperolehi nanti. Oleh itu tugas suami isteri telah dinyatakan maka pada prinsipnya harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri itu sepatutnya dikategorikan sebagai harta diperolehi bersama atau Harta Sepencarian, dibahagi mengikut kadar sumbangan masing-masing secara langsung atau tidak langsung.

c

d

Sebenarnya isteri-isteri yang menjadi suri rumah sepenuh masa mempunyai sumbangan secara tak langsung kepada suami dalam mendapatkan harta-harta dengan memberi ketenangan dan keselesaan kepada suami dalam menjalankan tugasnya sehingga berjaya. Maka wajarlah sumbangan isteri itu mendapat bahagiannya.

e

Perayu dalam kes ini sebagai isteri dan suri rumah sepenuh masa telah hidup bersama Responden dan telah menjalankan tugas dan kewajipan sebagai isteri dalam tempoh masa yang lama lebih kurang 20 tahun dan dikurniakan 6 orang anak dan menjaga rumahtangga, memasak dan mencuci pakaian menyediakan makan minum melayan suami semasa pergi dan balik kerja mendidik dan mengasuh anak-anak. Kerja-kerja seperti ini walaupun berbentuk sumbangan tak langsung, hendaklah dianggap sebagai sumbangan Perayu dalam memperolehi harta yang dipertikaikan. Mahkamah dapati sumbangan Perayu secara tak langsung dalam rumahtangganya semasa bersama Responden adalah tidak dinafikan oleh Responden malah diakui oleh Responden sendiri.

f

g

h

a Untuk menentukan nilai rumah yang dituntut oleh Perayu, Mahkamah yang bersidang pada hari ini memutuskan bahawa nilai semasa harga rumah tersebut hendaklah diambilkira dalam pembahagian Harta Sepencarian di antara Perayu dan Responden dan bukan berdasarkan jumlah bayaran (potongan gaji) Defendan/Responden kerana isu utama dalam kes ini ialah sebuah rumah Lot No. 289 hakmilik G 16638 Seksyen 23 Bandar Jajahan Kota Bharu Kelantan yang bernilai RM206,000.00 yang dibuat penilaian oleh Nasir, Sabaruddin & Associates pada 3 Mei 2005 dan Mahkamah ini putuskan 1/3 dapat kepada Perayu daripada nilai bersih rumah yang berjumlah RM113,607.74 sebagai Harta Sepencarian setelah ditolak RM92,429.26 daripada RM206,000.00 iaitu baki yang belum dijelaskan selepas bercerai sebagaimana yang diakui oleh Responden/Defendan semasa memberi jawapannya dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah.

Keputusan

d Mahkamah Rayuan yang bersidang pada hari ini (Khamis) 26 Jun 2008, setelah mendengar hujah-hujah daripada kedua-dua pihak dan meneliti rekod-rekod rayuan dan dokumen-dokumen berkaitan dengan sebulat suara membenarkan rayuan pihak Perayu dan memerintahkan sepertimana berikut:

- e
- i. Perintah Mahkamah Tinggi pada 15 Julai 2007, dengan ini dibatalkan dan diganti dengan keputusan berikut:

f Mahkamah ini memerintahkan Responden Hassan Bin Awang membayar kepada Semah Binti Daud sebanyak RM37,869.00 iaitu 1/3 daripada nilai bersih rumah yang berjumlah RM113,607.74 sebagai Harta Sepencarian; dan

- g
- ii. Kos rayuan ditanggung oleh Responden.

h

**YAM Tengku Ibrahim bin Sultan Ismail Nasiruddin Shah
Iwn.**

Kerajaan Negeri Terengganu

[Mahkamah Rayuan Syariah Kuala Terengganu, Terengganu, (Dato' Muhammad Asri bin Haji Abdullah, HMRyS(Pengerusi), Dato' Haji Daud bin Muhammad (Dato' Aria D'Raja),KHS, Dato' Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman, HMRyS) 27 Jamadilakhir 1429H bersamaan 1 Julai 2008]

[Kes Permohonan Semakan: 11000-003-0002-2007]

Undang-undang Mahkamah Syariah – Bidang kuasa Mahkamah Rayuan Syariah membuat semakan ke atas keputusan kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah yang sama – sek. 4 dan sek.7 Enakmen Mahkamah Syariah (Negeri Terengganu) 2001

Fakta kes

Pemohon di dalam kes ini memohon membuat semakan bagi kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Terengganu pada 16 Julai 2007 yang telah membatalkan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah pada 25 Oktober 2005.

Hakim Mahkamah Tinggi Syariah pada tarikh tersebut telah mensabitkan setengah (1/2) bahagian daripada Cap Zuriat Sungai Mengkuang adalah harta pusaka Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Marhum Sultan Zainal Abidin III (SZA III) dan memerintahkan Kerajaan Negeri Terengganu mengeluarkan surat hakmilik separuh (1/2) bahagian daripada Cap Zuriat Sungai Mengkuang atas nama Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Marhum Sultan Zainal Abidin III.

Diputuskan

a

Mahkamah Rayuan Syariah memutuskan Mahkamah yang bersidang tidak diberi kuasa undang-undang untuk mendengar dan memutuskan permohonan semakan Pemohon bilangan kes 11000-003-0002-2007 dan tidak terdapat apa-apa percanggahan dengan hukum Syara' dalam keputusan tersebut. Oleh itu keputusan kes bilangan 11000-040-0001-2006 yang telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah pada 16 Julai 2007 adalah dikekalkan.

b

Pegumam Syarie

c

Pemohon : *Tetuan Zamani Mohammad & Co*

Responden : *YB Penasihat Undang-undang Negeri Terengganu*

Surah-surah al-Quran yang dirujuk

d

Surah *al-Nisaa'* ayat 7 dan 11.

Kitab-kitab yang dirujuk

e

1. Al-Sheikh al-Khatib al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, Qaherah, Dar al-Hadis, Jld.6, hlm.321.
2. Al-Allamah Abu Bakr Othman bin Muhammad Shatta al-Dumyati al-Bakri, *I'aanah al-Talibin*, Dar al-Fikr, hlm.359 dan 360.
3. Dr.Abdul Karim Zaidan, *Nizam al-Qada' fi al-Shariah al-Islamiyyah*, hlm.228.

f

Undang-undang yang dirujuk

Enakmen Mahkamah Syariah (Negeri Terengganu) 2001; sek. 4 dan sek.7.

g

Kes-kes yang dirujuk

Ahmad bin Muda Iwn Hawa binti Embong: 11000-003-0005-2005 (Negeri Terengganu)

h

Penghakiman Mahkamah Rayuan Syariah

Berdasarkan Notis Permohonan Pemohon, Afidavit Pemohon dan hujah pihak Pemohon, kami berpuashati dan berpendapat bahawa Mahkamah yang bersidang pada hari ini tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan permohonan yang dikemukakan oleh pemohon berdasarkan alasan-alasan berikut :-

1. Kuasa Penubuhan Mahkamah Syariah di bawah sek. 4 Enakmen Mahkamah Syariah (Negeri Terengganu) 2001 yang memperuntukkan sebagaimana berikut :-

Sek. 4. Penubuhan Mahkamah Syariah.

(1) Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis, boleh melalui pemberitahuan dalam Warta menubuhkan Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah bagi Negeri Terengganu di tempat-tempat yang difikirkannya patut.

(2) Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis, boleh melalui pemberitahuan dalam Warta menubuhkan suatu Mahkamah Tinggi Syariah bagi Negeri Terengganu .

(3) Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis, boleh melalui pemberitahuan dalam Warta menubuhkan suatu Mahkamah Rayuan Syariah bagi Negeri Terengganu.

(4) Duli Yang Maha Mulia Sultan, selepas berunding dengan Ketua Hakim Syarie, boleh menetapkan secara bertulis suatu kod etika yang mesti dipatuhi oleh semua Hakim Syarie dan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah.

Seksyen tersebut jelas memperuntukkan bahawa hanya terdapat tiga hirarki Mahkamah Syariah dan Mahkamah yang tertinggi adalah Mahkamah Rayuan Syariah. Oleh itu keputusan yang muktamad adalah diperingkat Mahkamah Rayuan Syariah. Sehubungan itu, sukacita kami merujuk kepada kes yang telah diputuskan di Mahkamah Rayuan Syariah Terengganu iaitu kes *Ahmad Bin Muda lwn Hawa Binti Embong* nombor kes bilangan 11000-003-0005-2005 (permohonan semakan) yang boleh dijadikan rujukan dan panduan.

2. Pentauliahn Kuasa oleh Pemerintah/ Sultan.

Kami berpendapat bahawa pentauliahn pemerintah hanya setakat apa yang termaktub dalam undang-undang sahaja. Oleh itu apabila tidak termaktub dalam undang-undang, ini bermakna pentauliahn yang diberikan adalah terbatas dan Hakim tidak boleh membuat keputusan di luar batasan pentauliahn “ultra virus”.

Sehubungan itu, sukacita kami merujuk kepada peruntukan pelantikan hakim Rayuan di dalam sek. 7 Enakmen Mahkamah Syariah (Negeri Terengganu) 2001.

Pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah.

(1) Duli Yang Maha Mulia Sultan, selepas berunding dengan Menteri Besar dan Ketua Hakim Syarie, boleh melantik tujuh orang Islam untuk membentuk suatu panel tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah.

(2) Seseorang yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dan boleh dilantik semula.

(3) Tiap-tiap pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam Warta.

a Peruntukan di atas juga menjelaskan bahawa kuasa Hakim Rayuan adalah terbatas setakat peringkat yang telah dibataskan ataupun dihadkan oleh undang-undang dan penubuhan Mahkamah itu sendiri sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam sek. 4 Penubuhan Mahkamah Syariah (Enakmen Mahkamah Syariah Terengganu 2001)

- b
- c 3. Berkenaan dengan isu yang melibatkan Hukum Syarak. Kami berpendapat bahawa seseorang Hakim boleh menyemak sesuatu keputusan sekiranya terdapat apa -apa pertentangan yang menyalahi hukum syarak. Walaubagaimanapun kami mendapati setelah meneliti dalam kes ini tidak terdapat apa-apa pertentangan dengan hukum syarak sama ada dengan nas al-Quran atau Hadis atau Ijma atau qias.

d Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh al-Syeikh al-Khatib al-Sharbini di dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*, Jld. 6, hlm. 321, Dar al-Hadis al-Qaherah :

e وإذا حكم باجتهاده ثم بان خلاف نص الكتاب أو السنة أو الإجماع أو قياس جلي نقضه هو وغيره

f Bermaksud:

g Dan apabila seseorang Hakim telah membuat sesuatu keputusan dengan ijtihadnya dan kemudian nyata hukumannya bersalahan dengan nas al-Quran atau al-Sunnah, ijma atau qias yang nyata maka hendaklah ia membatalkan hukumannya sendiri atau membatalkannya oleh orang lain."

h

Dan kitab *I'aaanah al Talibin* karangan al Masyhur Sayyed Bakri, Dar al-Fikr hlm. 359 dan 360 yang menyebut :-

a

ونقضه القاضي وجوباً حكماً لنفسه أو غيره إن كان ذلك الحكم بخلاف نص كتاب
أو سنة أو نص مقلده أو قياس جلي وهو قطع فيه بإلحاق الفرع للأصل أو إجماع

b

Bermaksud :

Hakim wajib membatalkan keputusannya yang dibuatnya sendiri ataupun keputusan Hakim lain jika didapati hukuman tersebut bertentangan dengan al Quran atau al Sunnah ataupun Qias ataupun Ijma.

c

Begitu juga dalam kitab *Nizam al-Qada fi al-Shariah al-Islamiyyah* karangan Dr Abdul Karim Zaidan, hlm. 228 yang menyebut :-

d

فإذا حكم القاضي بحكم يخالف نص القرآن أو السنة الصحيحة أو الإجماع
فإن هذا الحكم يستحق النقض

e

Bermaksud;

Apabila seorang Hakim memutuskan hukuman yang menyalahi nas al Quran atau al-Sunnah yang sahih atau Ijma' maka hukuman ini hendaklah dibatalkan.

f

Menyentuh mengenai harta yang menjadi subjek pertikaian oleh Pemohon iaitu mengenai sebahagian harta pusaka Tengku Hafsa telah pun diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah bahawa harta tersebut telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 1923 melalui dokumen penyerahan yang sah dan sejak daripada itu kerajaan Negeri Terengganu telah memiliki harta tersebut selama lebih 83 tahun dan tidak ada sesiapa pun daripada waris-warisan yang terdahulu menuntut harta tersebut dan mempertikaikannya.

g

h

Kami juga ingin menyatakan berkenaan dakwaan Pemohon bahawa separuh daripada harta tersebut telah tidak diserahkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu tidak dapat dibuktikan sebagaimana yang telah dijelaskan dalam keputusan Mahkamah Rayuan pada 16 Julai 2007

4. Berhubung ayat 7 dan 11 surah *al-Nisaa* yang menyebut

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ
نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ مِمَّا قَلَّ مِنْهُ أَوْ
كَثُرَ ۚ نَصِيبًا مَّفْرُوضًا ﴿٧﴾

Bermaksud,

‘Orang-orang lelaki ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak dari harta Yang ditinggalkan itu; Iaitu bahagian Yang telah Diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah).’

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ ۚ فَإِن كُنَّ
نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ ۚ وَإِن كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا
النِّصْفُ ۚ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا الشُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِن كَانَ
لَهُ وَلَدٌ ۚ فَإِن لَّمْ يَكُن لَّهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبَوَاهُ فَلِأُمِّهِ الثُّلُثُ ۚ فَإِن كَانَ
لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ الشُّدُسُ ۚ مِن بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دِينٍ
ءَابَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفَعًا فَرِيضَةٌ مِّن
اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١١﴾

Bermaksud,

‘Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, Iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta Yang ditinggalkan oleh si mati. dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam dari harta Yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang Yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat Yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu-bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya Yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti Yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.’

Kedua-dua ayat yang dikemukakan oleh Pemohon adalah sangat jelas menerangkan bahawa seseorang waris boleh menuntut harta simati jika simati tersebut ada meninggalkan harta sebagaimana kalimah “مِمَّا تَرَكَ” daripada ayat tersebut bermaksud dari harta yang ditinggalkan oleh Si Mati kepada waris-waris si Mati. Walaubagaimanapun kami menyatakan bahawa dalam kes ini tidak ada harta yang telah ditinggalkan oleh si mati untuk dibahagikan kerana kesemuanya telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan Kami menegaskan lagi disini bahawa penghakiman Hakim Rayuan pada 16 Julai 2007 sangat jelas telah menjawab semua persoalan yang telah dibangkitkan oleh pihak Pemohon.

Keputusan

Setelah membaca, mendengar dan meneliti permohonan semakan pemohon dan hujah kedua-dua pihak ke atas keputusan kes Mahkamah Rayuan Syariah Terengganu bertarikh 16 Julai 2007 maka kami berpuashati dan bersetuju sebulat suara memutuskan :-

Mahkamah yang bersidang pada hari ini tidak diberi kuasa undang-undang untuk mendengar dan memutuskan permohonan semakan Pemohon bilangan kes 11000-003-0002-2007 dan tidak terdapat apa-apa percanggahan dengan hukum Syara' dalam keputusan tersebut. Oleh itu keputusan kes bilangan 11000-040-0001-2006 yang telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah pada 16 Julai 2007 adalah dikekalkan.

Yunus bin Mohamed
lwn
Rolbijah binti Ahmad

[Mahkamah Rayuan Syariah, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, (Datuk Haji Ibrahim bin Lembut HMRYs (Pengerusi), Datuk Haji Abu Bakar bin Ahmad HMRYs dan Dato' Haji Muhamad Asri bin Haji Abdullah HMRYs) 5 Jamadilakhir 1429H bersamaan 9 Jun 2008]

[Kes Rayuan Mal : 14100-017-0053-2004]

Undang-undang Pentadbiran Islam – Bidang kuasa Mahkamah Rayuan Syariah mendengar rayuan keputusan kes yang diputuskan Mahkamah Tinggi Syariah – sek. 52 dan sek.53 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

Undang-undang Tatacara Mal – Kewajipan kehadiran pihak-pihak pada pendengaran kes rayuan – sek. 120 dan sek.121 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998

Fakta Kes.

Perayu Yunus Bin Mohamed (Nombor Kad Pengenalan : 490121-07-5047) adalah bekas suami kepada Responden Rolbijah Binti Ahmad (Nombor Kad Pengenalan : 460510-02-5118) . Perayu dan Responden telah bernikah mengikut hukum syarak pada 7 Mei 1972. Hasil dari perkahwinan Responden dan Perayu dikurniakan dua orang cahayamata iaitu Sharina Binti Yunus lahir pada 28 Oktober 1973 dan Yusni Binti Yunus lahir pada 14 Oktober 1974. Pada 28 April 2003 pihak Perayu telah menceraikan Responden di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pada 27 April 2004 Responden/Plaintif telah memfailkan tuntutan harta sepencarian bernombor 14100-017-0053 Tahun 2004 di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur ke atas harta berikut :-

1. Sebuah rumah teres satu tingkat yang beralamat di 34, Jalan Abang Haji Openg, Taman Tun Dr Ismail 60000 Kuala Lumpur. a

Perayu kemudiannya telah membuat tuntutan balas ke atas harta-harta berikut :-

1. Lot 2235, Kampung Jalil, Batu 16, Jalan Changlun, 06000 Jitra, Kedah Darul Aman ; dan b
2. Lot 48, Sungai Baru Alor Setar, Kedah.

Pada 2 Mac 2007, Y.A Hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah membuat keputusan sebagaimana berikut :- c

- i. Bahawa rumah yang beralamat di No.34, Jalan Abang Haji Openg, Taman Tun Dr Ismail, 60000 Kuala Lumpur di bawah hak milik sementara No HSD : 6148A, No Lot 30340 Mukim Kuala Lumpur di isytiharkan sebagai harta sepencarian. d
- ii. Bahawa Plaintiff berhak mendapat $\frac{1}{2}$ bahagian daripada nilai rumah tersebut dikira berdasarkan nilai semasa pada 2 Mac 2007. e
- iii. Bahawa Mahkamah memerintahkan bayaran sebanyak RM 20,000.00 ditolak dan dipulangkan kepada Defendan menggantikan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Defendan bagi mengubahsuai rumah tersebut. f
- iv. Manakala sejumlah wang bernilai RM5,000.00 pula ditolak dan dipulangkan kepada Plaintiff sebagai bayaran perbelanjaan mengubahsuai rumah tersebut. g
- v. Sebelum mengagihkan bahagian Plaintiff dan Defendan hasil jualan rumah teres di perenggan 1 perintah ini, pihak-pihak hendaklah terlebih dahulu menolak sejumlah wang sebanyak RM25,000.00 seperti yang diperuntukkan di perenggan 4 dan 5 di atas serta segala bayaran untuk kos penilaian. h

a vi. Mahkamah memerintahkan Pendaftar/ Pentadbir Tanah Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk memindahkan hartanah tersebut kepada pihak lain sebagaimana yang diperuntukkan di dalam sek. 417 Kanun Tanah Negara sekiranya pihak-pihak, Plaintiff atau

b Defendan tidak berminat untuk menjual atau membeli rumah tersebut.

vii. Kos ditanggung oleh masing-masing.

c viii. Sebarang rayuan hendaklah dikemukakan dalam masa 14 hari dari tarikh perintah ini.

d Perayu dalam kes ini membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur terhadap keseluruhan keputusan Yang Arif Hakim Bicara Mahkamah Tinggi Syariah.

Diputuskan

e Mahkamah Rayuan Syariah memutuskan, rayuan Perayu ditolak berdasarkan sek. 121(c) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 dan mengekalkan keputusan Y.A Hakim Mahkamah Tinggi Syariah pada 2 Mac 2007 kes Mal 14100-017-0053-2004.

f Peguam Syarie

Perayu : Tuan Fakhrul Azman bin Abu Hasan dari Tetuan Azanie & Co

g Responden : Tuan Dr. Mohd Rafie bin Mohd Shafei dari Tetuan Rafie Mohd Shafei & Co

Undang-undang yang dirujuk

- h 1. Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993; sek. 52 dan sek.53.
2. Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998; sek. 120 dan sek.121.

Kes-kes yang dirujuk

Hamzah Zainuddin *Iwn* Noraini Abd Rashid : Rayuan Mal: 54-06-051/98
(Negeri Perak)

a

Penghakiman Mahkamah Rayuan Syariah

Pada 13 Mac 2007 pihak Perayu/Defendan telah memfailkan notis rayuan dan telah memfailkan alasan rayuan pada 20 April 2007 . Alasan rayuan dinyatakan sebagaimana berikut:-

b

1. Yang Amat Arif Hakim telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana membenarkan permohonan Responden bagi satu perintah bahawa rumah yang beralamat di No.34, Jalan Abang Haji Openg, Taman Tun Dr Ismail, 60000 Kuala Lumpur di bawah hak milik sementara No HSD : 6148A, No Lot 30340 Mulim Kuala Lumpur (kemudian dari ini dirujuk sebagai “harta tersebut”) diisytiharkan sebagai Harta Sepencarian dengan Responden mendapat ½ bahagian daripada rumah tersebut tanpa mengambil kira bahawa Responden telah gagal membuktikan sumbangan kewangan di dalam pembelian harta tersebut. c
2. Yang Amat Arif Hakim telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana telah mengambil kira kehendak undang-undang yang jelas menyatakan bahawa di dalam menentukan bahagian Harta Sepencarian Mahkamah hendaklah melihat kepada pihak yang lebih banyak sumbangan dari segi kewangan terhadap pembelian harta tersebut. d
3. Yang Amat Arif Hakim telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana telah menilai harta tersebut menurut nilai semasa pada 2 Mac 2007 sedangkan perceraian telah berlaku pada 28 April 2003. e
4. Yang Amat Arif Hakim juga terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana telah menolak tuntutan balas Perayu untuk mengisytiharkan Hartanah No Lot 2235, Kampung Jalil, Batu 16, Jalan Changlun, 06000 Jitra, Kedah Darul Aman dan Lot 48, Sungai Baru Alor Setar Kedah sebagai harta sepencarian sedangkan adalah jelas harta-harta tersebut di dapati semasa pihak-pihak masih dalam perkahwinan. f

g

h

5. Yang Amat Arif Hakim telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana tidak menyatakan di dalam di dalam perintah Mahkamah tentang penolakan tuntutan balas yang dikemukakan oleh Defendan dan ini menjadikan percanggahan di antara perintah Mahkamah dengan keputusan.

Sebelum kami mengulas dan memutuskan kes ini, sukacita kami merujuk kepada bidangkuasa Mahkamah Rayuan Syariah berdasarkan peruntukkan sek. 52 dan 53 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 :-

Sek. 52

(1) Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam menjalankan bidang kuasa asalnya.

(2).....

(3)

Sek. 53

Rayuan hendaklah diputuskan mengikut pendapat majoriti Mahkamah Rayuan Syariah.

Dengan peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di atas menunjukkan dengan nyata dan jelas bahawa Mahkamah Rayuan Syariah ini berbidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan rayuan Perayu pada hari ini.

Pada hari ini setelah kami membaca dan meneliti kronologi kes, rekod rayuan, hujah bertulis kedua-dua pihak yang difailkan dan membaca serta meneliti rekod kehadiran Mahkamah dalam kes ini, berdasarkan maklumat yang telah diberitahu dalam Mahkamah ini pada 22 April 2008, pihak Peguam Perayu telah tidak hadir dengan kenyataan bahawa telah menghadiri Kursus Undang-undang Keterangan pada tarikh yang sama iaitu pada 22 April 2008 di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) Bangi berdasarkan surat peguam

Perayu bertarikh 21 April 2008 yang diterima oleh Pendaftar Mahkamah Rayuan pada 22 April 2008. Kami berpendapat dan berpuashati bahawa ketidakhadiran Perayu dan Peguam Perayu adalah satu alasan yang tidak munasabah dan konkrit untuk tidak hadir pada perbicaraan rayuan bertarikh 22 April 2008. Mahkamah ini berpuashati bahawa pihak Perayu telah memaklumi tarikh kes rayuan ini. Sepatutnya pihak peguam Perayu lebih mengutamakan dan memberikan komitmen beliau bagi menghadiri kes rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah.

Sukacita kami merujuk kepada peruntukkan sek. 120 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998, tentang kewajipan kehadiran pihak-pihak pada pendengaran rayuan ini. Peruntukan tersebut menyebut :-

(1) Mana-mana pihak boleh hadir sendiri atau melalui Peguam Syariannya, tetapi tiap-tiap pihak hendaklah hadir pada pendengaran itu kecuali jika dibenarkan selainnya oleh Mahkamah.

Perkataan " tiap-tiap pihak hendaklah hadir pada pendengaran itu kecuali jika dibenarkan selainnya oleh Mahkamah" menunjukkan bahawa kehadiran Perayu dalam kes ini adalah mandatori dalam rayuan ini kecuali dibenarkan oleh Mahkamah ini. Walaubagaimanapun, kami berpendapat walaupun pihak Peguam Perayu telah memohon kebenaran Mahkamah berdasarkan surat yang telah difailkan di Mahkamah ini, kami berpendapat alasan yang dikemukakan bukanlah alasan yang munasabah untuk kami menengguhkan kes ini sekali lagi.

Oleh itu, kami berpuashati untuk kami meneruskan prosiding rayuan ini tanpa kehadiran Perayu di bawah sek. 121(1)(c) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 dan menerima hujah pihak Responden untuk menolak rayuan Perayu atas ketidakhadiran peguam Perayu dan pihak Perayu sendiri pada perbicaraan yang telah ditetapkan pada 22 April 2008 bersamaan 15 Rabiulakhir 1429. Sukacita Mahkamah ini merujuk sek. 121 (1) (c) yang menyatakan sebagaimana :-

(1) Jika, apabila mana-mana tindakan dipanggil untuk pendengaran-

a) tiada satu pihak pun hadir, Mahkamah boleh membuang tindakan itu;

b) defendan tidak hadir, Mahkamah boleh, tertakluk kepada bukti penyampaian wajar, mendengar dan memutuskan tindakan itu tanpa kehadirannya; atau

c) Plaintiff tidak hadir, Mahkamah boleh membuang tindakan itu dan mendengar dan memutuskan apa-apa tuntutan balas.

(2) Mahkamah hendaklah, sebelum membuat apa-apa penghakiman mengenai tuntutan plaintiff di bawah perenggan (1)(b) atau tuntutan balas defendan di bawah perenggan (1)(c), memerintahkan plaintiff atau defendan, mengikut mana-mana yang berkenaan, supaya mengangkat sumpah istizhar.

(3) Jika terdapat lebih daripada seorang plaintiff atau defendan dan hanya seorang sahaja daripada mereka yang hadir, Mahkamah boleh mendengar tindakan itu terhadap pihak yang hadir itu dan memutuskan tindakan terhadap pihak-pihak yang hadir mengikut subseksyen (1) atau (2).

(4) Mahkamah boleh mengikut budi bicaranya dalam mana-mana hal yang dinyatakan dalam subseksyen (1) atau (3) memerintahkan penangguhan.

Pada hemat kami, setelah kami melihat dan merujuk kepada keseluruhan peruntukan sek.121(1)(c) (Akta 585) di atas. Seksyen tersebut adalah menghendaki apabila suatu pendengaran tanpa kehadiran Perayu, Mahkamah boleh mendengar dan membuat keputusan tanpa kehadiran ataupun menangguhkan rayuan di bawah sek. 121 (4) (Akta 585) iaitu hanya setelah tertakluk kepada penyampaian wajar telah dilakukan. Berdasarkan sek. 121(1)(c) di atas kami berpuashati bahawa perayu dan wakil pihak Perayu telah gagal untuk hadir tanpa keuzuran yang munasabah bagi menghadiri kes rayuan pada 22 April

2008 sebagaimana yang telah ditetapkan dan Mahkamah Rayuan ini juga berpuashati dan yakin bahawa suatu penyampaian notis telah disampaikan kepada pihak Perayu dan berdasarkan surat pihak peguam Perayu.

Oleh itu,, Mahkamah ini berpuashati bahawa ketidakhadiran Perayu dan wakil Perayu setelah suatu makluman ataupun notis telah disampaikan dengan wajar dan pihak wakil Perayu telah memaklumi tarikh rayuan pada 22 April 2008 bersamaan 15 Rabiulakhir 1429. Maka kami berpuashati dibawah peruntukan sek.121(1)(c) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 (Akta 585) membuang tindakan pihak Perayu dalam kes ini.

Sukacita Mahkamah merujuk kepada kes *Hamzah Zainuddin Iwn Noraini Abd Rashid* dalam rayuan Mal : 54-06-051/98 yang boleh dijadikan panduan yang telah memutuskan ketidakhadiran Perayu di bawah sek.122(c) Enakmen Acara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Perak) 1996.

Keputusan

Setelah membaca, mendengar dan meneliti kronologi kes, penghujahan bertulis Responden maka kami sebulat suara berpuashati dan memutuskan -

Rayuan Perayu ditolak berdasarkan sek. 121(c) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 (Akta 585) dan mengekalkan keputusan Y.A Hakim Mahkamah Tinggi Syariah pada 2 Mac 2007 kes Mal 14100-017-0053-2004.

Zanani binti Mohd Noor**lwn.****Awang bin Merah Dan Satu Yang Lain**

[Mahkamah Rayuan Syariah Kota Bharu, Kelantan, (Dato' Haji Daud bin Muhammad (Dato' Aria D'Raja), KHS (Pengerusi), Dato' Dr. Mahmood Zuhdi bin Abdul Majid, HMRyS, Tuan Haji Wan Hassan bin Wan Mohammad, HMRyS) 13 Rabiulakhir 1429H bersamaan 21 April 2008]

[Kes Rayuan Mal Bil: 03000-044-0002-2008]

Undang-undang Pentadbiran Mahkamah – Rayuan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah – Pengesahan Hibah - Bidang kuasa Mahkamah mendengar dan memutuskan kes – sek.9, Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 1982.

Undang-undang Keterangan – Beban Pembuktian wujudnya hibah - ke atas yang mendakwa wujudnya hibah – sek.72, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002 – Keterangan Dokumentar - Anggapan tentang dokumen – sek.62 dan sek.63, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002

Fakta kes

Perayu dalam kes ini ialah anak saudara dan juga merupakan anak angkat kepada arwah Che Limah Binti Awang Mat. Pada tahun 1957, arwah Mohd Noor bin Merah iaitu bapa kandung kepada Perayu telah meneroka tanah di Jeli. Walau bagaimanapun, kerja-kerja meneroka tanah rancangan tersebut tergendala kerana bapa Perayu jatuh sakit dan tidak dapat mengusahakan tanah-tanah tersebut dan menyerahkan kepada Che Limah binti Awang Mat. Selepas itu, tanah-tanah tersebut telah diusahakan oleh Che Limah sehingga beliau mendapat hak milik kerana jika dibiarkan tanpa diusahakan, kerajaan akan mengambil balik tanah-tanah tersebut.

Responden pertama Awang bin Merah telah meninggal dunia pada 13 Jun 2007 sebagaimana dinyatakan dalam surat mati. Responden kedua Baitul Mal Majlis Ugama Islam Kelantan, diwakili oleh Pegawai Baitul Mal iaitu Encik Ridwan bin Abdul Rahman turut hadir. Kedua-dua pihak iaitu Perayu dan Responden tidak diwakili oleh Peguam Syarie. Di dalam kes ini, Perayu telah memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Kadhi Khas, Tanah Merah, Kelantan yang tidak mensabitkan pemberian hidup (hibah) harta tanah Lot PT 3374 dan Lot PT 1805 di Mukim Jeli daripada Che Limah binti Awang. Perayu tidak berpuashati di atas keputusan Mahkamah Kadhi Khas Tanah Merah pada 4 April 1993 yang memutuskan bahawa tanah-tanah Lot PT 3374 dan Lot PT 1805 Mukim Jeli tidak sabit sebagai pemberian hidup kepada Perayu.

Pada masa itu Perayu belum cukup umur untuk dinamakan sebagai penama di dalam geran tanah. Jadi, geran tanah tersebut dinamakan dengan nama Che Limah. Arwah Che Limah binti Awang Mat telah pergi ke Pejabat Tanah Jajahan Tanah Merah, Kelantan untuk membuat perlantikan menjadi pemegang amanah ke atas tanah-tanah tersebut di hadapan Hj Che Mat pada tahun 1974. Pada masa perbicaraan di Mahkamah Kadhi Khas Jajahan Tanah Merah, Kelantan surat pemegang amanah tidak dapat disertakan bersama-sama sebagai bukti atas sebab-sebab teknikal, tetapi selepas itu, iaitu lebih kurang tiga bulan, surat bukti pemegang amanah telah berjaya diperolehi dari Pejabat Tanah Jajahan Jeli.

Diputuskan

Mahkamah memutuskan dengan sebulat suara menerima rayuan Perayu dan menghukum sabit tuntutan perayu terhadap tanah-tanah yang dituntut sebagai pemberian hidup (Hibah) mengikut hukum syarak dan membatalkan keputusan Hakim Mahkamah Kadhi Khas Tanah Merah, Kelantan.

Surah-surah yang dirujuk

1. Surah *al-Baqarah* : ayat 282
2. Surah *al-Baqarah* : ayat 177

Kitab Yang Dirujuk

1. Al-Sayyid al-Bakri Ibn Muhammad Syataa al-Dumyati, *Hashiah I'aa nah al-Talibin*, Dar al-Fikr, Juz. 4,
2. Dr. Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*, Jld. 5, Dar Al-Fikr, 1997,
3. Syeikh Muhammad Khatib al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, Jld. 2, Dar Al-Fikr,
4. Sayyid Qutb Rahimahullah, *Tafsir Fi Zilal al-Quran*, Jld. 1, terjemahan oleh Yusoff Zaky Yacob, Pustaka Aman Press Sdn Bhd, 2000.
5. Al-Sayyid Ahmad bin Umar al-Syatiri al-Alawi al-Hussaini, *Yaqut al-Nafis fi Mazhab Ibni Idris*.

Undang-undang yang dirujuk

1. *Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 1982, sek. 9.*
2. *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002, sek.62, sek.63 dan sek.72.*

Penghakiman Mahkamah Rayuan Syariah

Mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes ini mengikut sek. 9 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 1982. Sek. 9(2) (iv) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah memperuntukkan;

- (1)
- (2) Dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan segala tindakan dan pembicaraan dalam mana pihak-pihak berkenaan semuanya beragama Islam dan yang berkenaan dengan:
 - (i) ...
 - (ii) ...
 - (iii) ...
 - (iv) ...
 - (v) ...
 - (vi) Alang hayat (hibah) atau membataalkannya.

Perayu di dalam kes ini telah menepati syarat-syarat pendakwaan mengikut Hukum Syarak sebagaimana yang dinyatakan di dalam kitab *I'aa nah al-Talibin* oleh Abu Bakar, Juz. 4 hlm. 251-252 yang menyebutkan bermaksud;

- i) Dakwaan seseorang yang mendakwa (plaintif) itu hendaklah terang dan menghuraikannya satu persatu;
- ii) Yang kena dakwa (Defendan) terikat dengan dakwaan;
- iii) Hendaklah ditentukan orang yang kena dakwa (Defendan);
- iv) Tidak bercanggah dengan dakwaan lain;
- v) Tiap-tiap orang yang mendakwa dan kena dakwa adalah mukallaf (aqil baligh)
- vi) Tiap-tiap seorang daripada kedua-dua iaitu yang mendakwa dan kena dakwa terikat dengan hukuman.

Perayu semasa perbicaraan di Mahkamah Kadhi Khas di Jajahan Tanah Merah telah menuntut supaya disabitkan pemberian hidup Arwah Che Limah binti Awang Mat kepadanya. Walaubagaimanapun, tuntutan Perayu tidak diterima oleh Hakim Bicara pada masa itu. Ini kerana, Hakim Bicara tidak berpuashati terhadap keterangan Plaintiff kerana keterangan Plaintiff pada pemerhatiannya tidak terang dan tidak jelas. Selain itu juga, Hakim Bicara tidak berpuashati terhadap keterangan yang diberikan oleh empat orang saksi yang dibawa oleh Plaintiff kerana keterangan saksi-saksi tersebut tidak dapat menyakinkan Hakim Bicara.

Oleh yang demikian Hakim Bicara telah memutuskan bahawa tuntutan Plaintiff ke atas tanah Lot No. PT 1805 dan Lot No. PT 3374 Mukim Jeli, Kelantan tidak sabit sebagai pemberian hidup oleh Che Limah Binti Awang Mat. Kedua-dua lot tanah tersebut hendaklah dibahagikan mengikut hukum Faraid.

Tarjih al-Bayyinah

- a Di dalam kes ini beban untuk membuktikan bahawa tanah-tanah tersebut adalah pemberian hidup daripada Che Limah binti Awang Mat adalah ke atas Perayu selaku Plaintiff semasa perbicaraan di Mahkamah Kadhi Khas di Jajahan Tanah Merah. Ini sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi. Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:

b

البينة على المدعى واليمين على من أنكر

Bermaksud:

c Bayyinah adalah ke atas Plaintiff, dan sumpah ke atas
Defendan

Sek. 72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002 menyatakan:

d “Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (al-mudda’ii) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (al-mudd’a’alaih)”

e Di dalam kes ini, Responden Pertama semasa perbicaraan di Mahkamah Kadhi Khas Tanah Merah bersetuju dengan tuntutan Plaintiff, cuma Responden Kedua iaitu wakil Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) yang tidak bersetuju. Sebab itu Plaintiff mengemukakan saksi dan Mahkamah dapati keterangan saksi-saksi yang dikemukakan tidak dapat membuktikan bahawa tanah-tanah tersebut adalah pemberian hidup Che Limah binti Awang Mat.

f

g Saksi pertama Abdullah bin Ismail tidak tahu berhubung dengan pemberian hidup (hibah) tanah-tanah tersebut, cuma yang dia tahu ialah tanah-tanah yang dituntut itu adalah hak bapa Plaintiff. Begitu juga saksi yang kedua iaitu Mat bin Wook tidak tahu menahu bersabit dengan hibah. Beliau hanya mengetahui tanah-tanah yang dituntut itu adalah kepunyaan bapa Plaintiff. Hanya dua orang saksi di atas sahaja yang dikemukakan oleh Plaintiff semasa perbicaraan di Mahkamah Kadhi Khas, Tanah Merah, Kelantan.

h

Walaubagaimanapun, Perayu berjaya mengemukakan bukti bertulis iaitu surat pemegang amanah yang dibuat di hadapan Hj Che Mat dalma tahun 1974 di Pejabat Tanah Jajahan Tanah Merah yang diperkau sah oleh Tuan Mat bin Tuan Soh iaitu Penolong Ketua Jajahan Jeli, Pejabat Tanah Jajahan Jeli, Kelantan. Dokumen tersebut dibuat di Pejabat Tanah, Tanah Merah, Kelantan dan diperakui sah di Pejabat Tanah Jeli, Kelantan kerana tanah-tanah tersebut berada di dalam jajahan Jeli selepas jajahan ini dipecahkan daripada Jajahan Tanah Merah dan dokumen tersebut berpindah ke Jajahan Jeli, Kelantan.

Bukti bertulis adalah boleh diterima di dalam sesuatu prosiding kes. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Quran di dalam surah *al-Baqarah* ayat 282.

Allah berfirman:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِذَا تَدٰىنْتُمْ بِيَدِيْنَ اِلٰى اٰجَلٍ مُّسَمًّى فَاَكْتَبُوْهُ ۚ وَلْيَكْتُبْ بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ ۚ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ اَنْ يَّكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللّٰهُ ۚ فَلْيَكْتُبْ وَلْيَمْلِكِ الَّذِيْ عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللّٰهَ رَبَّهُ ۚ وَلَا يَبْخَسَ مِنْهُ شَيْۤءًا

Bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang (yang diberi tempoh) hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar). Dan janganlah seorang penulis enggan menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas) dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah tuhaninya, dan janganlah mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu...

Mengikut sek. 62 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah
(Negeri Kelantan) 2002:

a
b
c
(1) Mahkamah hendaklah menganggap sebagai tulen tiap-tiap dokumen yang berupa sebagai suatu perakuan, salinan diperakui atau dokumen lain yang ditetapkan oleh undang-undang boleh diterima sebagai keterangan mengenai apa-apa fakta tertentu, dan yang berupa sebagai diperakui dengan sewajarnya oleh mana-mana pegawai kerajaan di dalam atau di luar Malaysia yang diberi kuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu:

d
Dengan syarat bahawa dokumen itu adalah pada matannya mengikut bentuk dan berupa sebagai disempurnakan mengikut cara yang diarahkan oleh undang-undang bagi maksud itu.

e
f
(2) Mahkamah hendaklah juga menganggap bahawa mana-mana pegawai yang olehnya mana-mana dokumen sedemikian berupa sebagai ditandatangani atau diperakui telah memegang, pada masa ia menandatangani, jawatan rasmi yang dinyatakan di dalam dokumen itu.

Mengikut sek. 63 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah
(Negeri Kelantan) 2002 menyatakan:

g
h
“Bilamana dikemukakan di hadapan mana-mana Mahkamah mana-mana dokumen yang berupa sebagai suatu rekod atau memorandum mengenai keterangan atau mengenai mana-mana bahagian keterangan yang telah diberikan oleh saksi dalam sesuatu prosiding kehakiman atau di hadapan mana-mana pegawai yang

diberi kuasa oleh undang-undang untuk mengambil keterangan itu, atau yang berupa sebagai suatu iqrar oleh mana-mana banduan atau tertuduh, yang telah diambil mengikut undang-undang dan yang berupa sebagai yang ditandatangani oleh mana-mana Hakim, Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Seksyen, atau Majistret atau oleh mana-mana pegawai sedemikian yang disebut terdahulu, maka Mahkamah hendaklah menganggap bahawa –

(a) dokumen itu ada tulen;

(b) apa-apa pernyataan yang berupa sebagai dibuat oleh orang yang menandatangani tentang hal keadaan yang dalamnya ia diambil, adalah benar; dan

(c) keterangan, pernyataan atau iqrar itu telah diambil dengan sewajarnya.”

Isu di dalam kes ini ialah sama ada harta tanah di Lot No. PT 1805 dan Lot No. PT 3374 sabit sebagai pemberian hidup (hibah) kepada Zanani binti Mohd Noor. Fakta yang perlu dipertimbangkan samada harta tanah tersebut adalah sabit atau tidak sebagai pemberian hidup adalah berdasarkan kepada fakta-fakta yang berikut.

Pemberian hidup (hibah) mengikut kitab *Mughni al-Muhtaj*, Jld. 2, hlm. 396 yang menjelaskan:

التمليك بلا عوض هبة فإن ملك محتاجا لثواب الآخرة فصدقة، فإن نقله إلى مكان
الموهوب له فهدية

Bermaksud:

Hibah bermaksud memberi milik tanpa balasan, sekiranya memberi milik kerana mengharap

a pahala akhirat, maka dinamakan sedekah, dan sekiranya dipindahkan kepada yang menerima hibah sebagai memuliakannya, maka dinamakan hadiah.

b Di dalam kitab al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh, Jld. 5, Prof. Dr. Wahbah al-Zuhayli, Dar al-Fikr, 1997, hlm. 3981 menyatakan bahawa dari segi hukum hibah adalah amalan yang sunat dan digalakkan dalam Islam terutama sekali kepada kaum keluarga yang terdekat. Allah berfirman dalam surah *al-Baqarah* ayat 177:

c وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ
وَأَبْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ

d Bermaksud:

... Dan memberi harta yang disayangi kepada kaum kerabat, anak-anak yatim, fakir miskin, orang yang terlantar di dalam perjalanan....

e Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:

تَهَادُوا تَحَابُوا

f Bermaksud:

Berikanlah hadiah, kamu akan berkasih sayang.

g Di dalam *Tafsir Fi Zilal al-Quran*, karangan al-Shahid Sayyid Qutb Rahimahullah, Jld. 1, terjemahan oleh Yusoff Zaky Haji Yacob, Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, tahun 2000, hlm. 369 menjelaskan mengenai hikmah hibah. Hikmah di sebalik pemberian hibah adalah membebaskan seseorang dari belenggu haloba, kedekut, jiwa yang lemah dan mementingkan diri. Ia membebaskan jiwa dari kesayangan kepada harta yang selalu menahan tangan dari berderma, menahan hati dari bermurah hati dan menahan jiwa dari kebebasan.

Di dalam kitab *Yaqut al-Nafis Fi Mazhab Ibni Idris*, yang dikarang oleh al-Sayyid Ahmad Bin Umar al-Syatiri al-Alawi al-Hussaini menyatakan bahawa rukun hibah ialah:

1. Pemberi hibah;
2. Penerima hibah;
3. Harta yang dihibah; dan
4. Lafaz ijab dan qabul.

Jika melihat kepada rukun-rukun seperti yang dinyatakan maka hibah telah sempurna di dalam kes ini. Ini kerana, rukun pertama dan kedua telah sempurna iaitu pemberi hibah ialah Che Limah binti Awang Mat, manakala penerima hibah ialah Zanani binti Mohd Noor dan harta yang dihibah adalah tanah-tanah di Mukim Jeli, Kelantan.

Syarat-syarat pemberi hibah adalah:

1. Pemilikan yang sebenar atau pemilikan dari segi hukum; dan
2. Bebas berurusan dengan hartanya.

Pemberi hibah juga hendaklah seorang yang mempunyai keahlian untuk memberi hibah kepada penerima hibah. Di dalam kes ini Che Limah binti Awang Mat adalah seorang yang mempunyai keahlian untuk memberi hibah. Beliau adalah seorang yang berakal, baligh dan matang pada masa pemberian hibah tersebut.

Di dalam kes ini juga, beliau adalah pemilik kepada harta tanah tersebut dan sebelum harta tanah tersebut dihibah kepada Zanani binti Mohd Noor, beliau bebas untuk berurusan dengan harta-harta tersebut.

Syarat-syarat penerima hibah adalah:

1. Mempunyai *ahliyyah* (kelayakan) untuk memiliki harta yang dihibahkan kepadanya.

Di dalam kes ini penerima hibah iaitu Zanani binti Mohd Noor sebagai Perayu adalah berkelayakan untuk menerima harta yang dihibah. Perayu adalah seorang yang berakal, baligh dan matang pada masa tersebut.

Syarat-syarat bagi harta yang dihibah ialah:

1. Harta tersebut diketahui;
2. Suci;
3. Ianya boleh digunakan;
4. Ianya dapat diserahkan; dan
5. Dalam milikan pemberi hibah.

Di dalam kes ini, Che Limah adalah pemegang amanah bagi tanah-tanah tersebut. Walaubagaimanapun, semasa perbicaraan di Mahkamah Kadhi Khas, Tanah Merah, Perayu tidak dapat mengemukakan surat tersebut disebabkan oleh urusan perpindahan Pejabat Tanah, Tanah Merah, Kelantan. Tetapi selepas lebih kurang tiga bulan selepas kes ini diputuskan oleh Hakim Bicara, Perayu telah berjaya mendapatkan kembali surat pemegang amanah yang telah dibuat di hadapan Hj. Che Mat dalam tahun 1974. Selain daripada itu, Responden Kedua yang mewakili Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) bersetuju dengan tuntutan Perayu semasa Perbicaraan di Mahkamah Rayuan Syariah. Oleh itu, dengan adanya surat pemegang amanah membuktikan bahawa Zanani iinti Mohd Noor atau Perayu adalah pemilik kepada tanah-tanah tersebut.

Keputusan

Setelah Mahkamah Rayuan yang bersidang pada hari ini (Isnin) 21 April 2008 mendengar hujah-hujah Perayu tanpa menggunakan Peguam Syarie dan meneliti rekod rayuan terutamanya rekod-rekod rayuan di halaman 57 dan 58 serta jawapan daripada Pegawai Baitul Mal Majlis Agama Islam Negeri Kelantan (MAIK) di mana beliau telah memberi persetujuan di atas Rayuan Perayu yang memohon supaya mensabitkan pemberian hidup (Hibah) Che Limah binti Awang Mat kepada Perayu iaitu Zanani binti Mohd Noor, maka mahkamah dengan sebulat suara menerima rayuan Perayu dan menghukum sabit tuntutan perayu terhadap tanah-tanah yang dituntut sebagai pemberian hidup (Hibah) mengikut hukum syarak dan membatalkan keputusan Hakim Mahkamah Kadhi Khas Tanah Merah, Kelantan.

Raihanah binti Mohd Ali

lwn.

Kamarudin bin Mohd Nor Dan 3 Yang Lain

[Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu, Terengganu, (Dato' Haji Ismail bin Yahya, HMTS) 4 Syaaban 1425H bersamaan 29 September 2007]

[Kes Mal No: 11100-044-0001-2003]

Undang-undang Mahkamah Syariah – Tuntutan Pengesahan Hibah – Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah membicarakan dan memutuskan kes – sek. 11 Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

Undang-undang Keterangan – Beban Pembuktian sesuatu fakta – sek. 72, sek. 73 dan sek. 74 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 – Iqrar – Iqrar yang boleh diterima dan tidak boleh diterima – sek. 17 dan sek. 18 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001

Fakta kes

Plaintif di dalam kes ini telah mendakwa bahawa Samirah binti Mohd Ali (si mati), ada menghibahkan sebahagian daripada hartanya kepada beliau sebelum kematian si mati. Dengan itu beliau membuat permohonan Pengesahan Hibah ke Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu untuk mengesahkan wujudnya hibah tersebut.

Semasa di dalam perbicaraan Plaintif gagal mengemukakan keterangan yang kuat bagi membuktikan dakwaannya bahawa wujudnya hibah tersebut.

Diputuskan

Mahkamah memutuskan dengan memerintahkan:

1. Mahkamah tidak sabitkan sebidang tanah yang memakai keterangan HS(M) 1625, No. Lot: PT2288P, Mukim Cenering, bertempat di Pantai Pandak, Daerah Kuala Terengganu dan sebuah rumah banglo setingkat yang didirikan di atasnya, sebagai hibah (alang semasa hidup) Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si-mati, kepada Raihanah binti Mohd Ali, KPT: 581023-11-5256, Plaintiff; a
2. Mahkamah tidak sabitkan Insuran Takaful Keluarga Berkelompok dan Insuran Takaful Nasional, yang telah disumbangkan oleh Samirah binti Mohd Ali, sebagai hibah (alang semasa hidup) Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si-mati, kepada Raihanah binti Mohd Ali, KPT: 581023-11-5256, Plaintiff; b
3. Mahkamah menolak tuntutan Raihanah binti Mohd Ali, KPT: 581023-11-5256, Plaintiff; ke atas harta Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si-mati, sebagai hibah (alang semasa hidup) Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si-mati, kepada Raihanah binti Mohd Ali, KPT: 581023-11-5256, Plaintiff; c
4. Mahkamah perintahkan Perintah-Perintah Sementara di dalam Tuntutan ini yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu pada hari Selasa 11 Syaaban 1424 bersamaan 7 Oktober 2003 dimansuhkan mulai hari ini; DAN d
5. Mahkamah perintahkan semua kos di dalam tuntutan ini ditanggung oleh Raihanah binti Mohd Ali, KPT: 581023-11-5256, Plaintiff. e

Pegum Syarie

Plaintif : Tuan Haji Mukhtar bin Abdullah dan Cik Asmayani f

Suhaida binti Kamaruddin dari Zamani Mohammad & Co g

Defendan: Tuan Mohd Kamaruzaman bin A Wahab, dari Tetuan Azman,
Wan Helmi & Associates h

Surah-surah al-Quran yang dirujuk

1. Surah *al-Nisaa'* ayat 11 dan 135.
2. Surah *al-Baqarah* ayat 177.

Hadis-hadis yang dirujuk

1. *Sunan al-Turmuzi*, 1937, Matba'ah al-Bab al-Halabi, Jld.3, hlm 625.
2. *Sahih al-Bukhari*, Kaherah, Dar al-Hadis, Jld.1, Juz.3, hlm. 152

Kitab-kitab yang dirujuk

1. Dr.Wahbah al-Zuhaily, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Damsyek, 1989, Dar al-Fikr, Juz. 5, hlm. 14; Juz.8, hlm.273.
2. Al-Sheikh Muhammad al-Khatib al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, Jld.2, hlm. 3, 238 dan 397; Jld.3, hlm. 3 dan 4.
3. Dr.Abdul Karim Zaidan, *Nizam al-Qada'fi al-Syariah al-Islamiyyah*, Beirut, Mu'assasah al-Risalah, hlm. 93 – 95.
4. Muhammad Salam Madkur, *al-Qada'fi al-Islam*, Kaherah, Matba'ah al-'Alamiyyah, 1964, hlm. 54.
5. Abu Bakar Ibnu Muhammad Syatta al-Dimyati, *I'aanah al-Talibin*, Beirut, Dar al-Fikr, Juz.3, hlm. 187, 239 – 230.
6. Mahsin Haji Mansor, *Undang-undang Perdagangan Dalam Islam*, 1984, Kuala Lumpur, Penerbitan Alharamain, hlm.37.
7. Nor Mohamed Yacop, *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, 1996, Kuala Lumpur, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., hlm.80.
8. Imam Taqiuddin Abu Bakar bin Muhammad al-Husainy, *Kifayah al-Akhyar fi Hilly Ghayah al-Ikhtisar*, Indonesia, Dar al-Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah, hlm. 324 – 325.
9. Dr.Wahbah al-Zuhaily, *al-Mu'aamalat al-Maliyah al-Mu'aasirah*, 2002, Beirut, Dar al-Fikr, hlm.40

Undang-undang yang dirujuk

1. *Perlembagaan Persekutuan*, Per. 74 dan Per.121(1A).
2. *Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98)*, sek. 5, sek.13, sek.14 dan sek.19.
3. *Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001*, sek. 11.
4. *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001*, sek. 17, sek. 18, sek.72, sek.73, dan sek. 74

Kes-kes yang dirujuk

1. Mohamed Habibullah bin Mahmood *lwn.* Faridah binti Dato' Talib [1992] 2 MLJ 793. a
2. Md Hakim Lee *lwn.* Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan [1998] 1 MLJ 681.
3. Alias b Ismail *lwn.* Fatimah bt Awang dan Lain[1990] 7(i) JH 47. Mustafah bin Batcha *lwn.* A.Habeeba [1991] 7(ii) JH 255. b

Penghakiman Dato' Haji Ismail bin Yahya, HMTS

Kes yang berada di hadapan saya ini adalah kes saman yang mana Plaintiff telah membuat tuntutan bahawa Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, K/P: 5982880 telah menghibahkan harta berikut:- c

- 1) sebuah rumah (pinjaman kereta) yang di dalam proses pembinaan yang terletak di atas tanah yang memakai keterangan HS(M) 1625 Lot No. PT2288P, Mukim Cenering, Daerah Kuala Terengganu, Terengganu; d
- 2) Insuran Takaful Keluarga Berkelompok; dan
- 3) Insuran Takaful Nasional, e

kepada Raihanah binti Mohd Ali, KPT : 581023-11-5256, K/P : 5436121; iaitu Plaintiff. Samirah binti Mohd Ali, KPT : 601101-11-5290, K/P: 5982880 telah meninggal dunia pada 12 Ogos 2003 di Hospital Kuala Terengganu. Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si mati, adalah pemilik berdaftar kepada harta yang dituntut oleh Plaintiff itu. f

Tuntutan ini didaftarkan di dalam Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu pada 2 September 2003. Semasa mendaftar Tuntutan ini, Plaintiff menyatakan alamat penyampaianya di No. 52 Jalan Dato' Isaac, 20000 Kuala Terengganu, Terengganu. Plaintiff bekerja sebagai Penolong Pengarah di Jabatan Penerbangan Awam Malaysia, Putrajaya. g

h

a Defendan 1, Kamaruddin bin Mohd Nor, KPT: 540522-11-5137, beralamat penyampaian di Jabatan Kerja Raya Daerah Marang, Terengganu adalah suami kepada Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, K/P: 5982880, si mati pada ketika matinya si mati. Defendan 1 telah tidak bersetuju dengan tuntutan Plaintiff keseluruhannya.

b Defendan 2, Embak binti Abu Bakar, KPT: 351009-11-5088, beralamat penyampaian di No. 52 Jalan Dato' Isaac, 20000 Kuala Terengganu, adalah ibu kepada Plaintiff, ibu kepada Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si mati, ibu kepada Defendan 3 dan juga ibu kepada Defendan 4. Dalam masa kes ini disebut pada hari Selasa 11 Syaaban 1424 bersamaan 7 Oktober 2003, Defendan 2 telah menyatakan
c bahawa Defendan 2 telah bersetuju dengan tuntutan Plaintiff. Pada 18 Januari 2004 Defendan 2 telah pun menandatangani Surat Persetujuannya tentang apa yang dituntut oleh Plaintiff dan telah memasukkan Surat Persetujuan itu di dalam Mahkamah pada 12 Februari 2004.

d Defendan 3, Mohd Muzani bin Mohd Ali, KPT: 561114-11-5413, beralamat penyampaian di No. 52 Jalan Dato' Isaac, 20000 Kuala Terengganu, adalah saudara kepada Plaintiff, saudara kepada Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si mati, anak kepada Defendan 2 dan juga saudara kepada Defendan 4. Dalam masa kes ini disebut pada
e hari Selasa 11 Syaaban 1424 bersamaan 7 Oktober 2003, Defendan 3 telah menyatakan bahawa Defendan 3 telah pun menandatangani Surat Persetujuannya tentang apa yang dituntut oleh Plaintiff dan telah memasukkan Surat Persetujuan itu di dalam Mahkamah pada 12 Februari 2004.
f

g Defendan 4, Ahmad Sufi bin Mohd Ali, KPT: 650225-11-5293, beralamat penyampaian di No. 52 Jalan Dato' Isaac, 20000 Kuala Terengganu, adalah saudara kepada Plaintiff, saudara kepada Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si mati, anak kepada Defendan 2 dan juga saudara Defendan 3. Dalam masa kes ini disebut pada hari Selasa 11 Syaaban 1424 bersamaan 7 Oktober 2003, Defendan 4 telah menyatakan
h bahawa Defendan 4 telah pun menandatangani Surat Persetujuannya tentang apa yang dituntut oleh Plaintiff dan telah memasukkan Surat Persetujuan itu di dalam Mahkamah pada 12 Februari 2004.

Mengikut fakta-fakta di dalam tuntutan ini, saya berpendapat di dalam tuntutan ini ada timbul beberapa fakta persoalan yang perlu diperjelaskan. **Fakta persoalan** di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, diertikan sebagai apa-apa fakta yang daripadanya, sama ada dengan sendiri atau berkaitan dengan fakta lain, wujudnya, tidak wujudnya, jenis atau takat apa-apa hak, liabiliti atau ketakupayaan yang ditegaskan atau dinafikan dalam mana-mana guaman atau prosiding, semestinya dapat disimpulkan. Fakta persoalan pertama di dalam Tuntutan ini ialah **tuntutan ke atas harta si mati**. Manakala fakta persoalan kedua pula ialah **tuntutan hibah**.

Fakta persoalan pertama ialah, apakala timbul tuntutan ke atas harta si mati, ianya hendaklah dirujuk kepada Hukum Syara'. Seseorang mati meninggalkan harta mengikut Hukum Syara' ianya hendaklah ditadbirkan mengikut sebagai mana firman Allah s.w.t. Antara firman Allah s.w.t. ialah dalam surah *al-Nisaa'* ayat 11;

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيَيْنِ فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا الشُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبُوَاهُ فَلِأُمِّهِ الثُّلُثُ فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ الشُّدُسُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ ؕ أَبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفَعًا فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ إِنْ اللَّهُ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١١﴾

Bermaksud,

a “Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si-mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah seperdua (separuh) b harta itu. Dan bagi ibubapa (simati), tiap-tiap seorang dari keduanya : seperenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah sepertiga. c Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah seperenam. **(Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si-mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya.** Ibu-ibu kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak d mengetahui siapa diantaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (sebab itulah Allah menetapkan bahagian mereka kerana Dia lah jua Yang Mengetahuinya). (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi e Maha Bijaksana.”

Antara firman Allah dalam ayat di atas ialah ...

f ^{أَوْ دِينَ} ^{مِنْ بَعْدِ وَصِيٍّ يُوصِي بِهِ أَوْ دِينَ} yang bermaksud, “.... (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si-mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya... Mengenai fakta ini, Saidina Ali r.a. sebagaimana yang dimuat di dalam kitab *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*, Juz.8, cetakan ketiga, Dar al-Fikr, Damsyek 1409/1989H, hlm. 273, telah menjelaskan;

g رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَدَأَ بِالذِّينِ قَبْلَ الْوَصِيَّةِ

Bermaksud,

h “Aku telah melihat Rasulullah s.a.w. (dalam mentadbirkan pusaka) telah memulakan dengan melunaskan hutang sebelum menyempurnakan wasiat.”

Berdasarkan fakta-fakta di atas ahli-ahli perundangan Islam silam telah membuat kaedah bahawa mengikut Hukum Syara', apabila mati seseorang muslim harta peninggalannya ditadbirkan menurut sebagaimana pendapat al-Sheikh Muhammad al-Khatib al-Syarbini, meninggal dunia dalam tahun 977 Hijrah, di dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*, Jld.3, Dar al-Fikr, hlm. 3 hingga 4 yang menyebut;

يبدأ من تركه الميثة بمؤنة تجهيزه ثم تقضى ديونه ثم وصاياه من ثلث الباقي ثم
 يقسم الباقي بين الورثة . قلت فإن تعلق بعين التركة حق كالزكاة والجاني والمرهون
 والمبيع إذا مات المشتري مفلسا قدم على مؤنة تجهيزه

Bermaksud;

Daripada harta peninggalan simati mengikut tertibnya hendaklah dicabut kerana urusan pengebumian mayatnya, kemudian dicabut bagi melunaskan hutangnya, dan kemudian dicabut untuk menyempurnakan wasiatnya sekadar satu pertiga daripada bakinya itu, seterusnya barulah dibahagi-bahagikan kepada waris-warisnya. Kemudian sekiranya harta simati itu ada bergantung kepada hak-hak Allah dan hak-hak manusia lain, seperti zakat, hak jenayah (pembayaran diat atau denda hamba bagi orang yang dibunuh oleh simati semasa hidupnya), gadaian (barang-barang gadaian simati masih ada yang belum ditebus), pembelian simati (semasa hidupnya) secara hutang dan belum dijelaskan sedangkan penjualnya telah mufis, maka hak-hak Allah dan hak-hak manusia seperti ini hendaklah terlebih dahulu dicabut daripada harta yang ditinggalkan oleh simati dari cabutan kerana urusan pengebumian mayatnya.

Dari penjelasan di atas, sekiranya terdapat sesuatu tuntutan ke atas harta pusaka orang Islam, dan sekiranya tuntutan itu dikendali dan ditadbirkan mengikut Hukum Syarak, fakta persoalan berikut hendaklah diselesaikan mengikut tertib (satu persatu);

Pertama :

a Adakah harta-harta simati yang ditinggalkan itu mempunyai hak-hak yang bergantung kepada harta itu sendiri; yang boleh terdiri dari -

- b* - zakat yang belum ditunaikan oleh simati sedangkan syarat-syaratnya telah dipenuhi
- diat atau hamba bagi orang yang dibunuh oleh simati semasa hayatnya
- barang-barang gadaianya yang belum ditebus
- c* - hutang simati ke atas harta yang ditinggalkan itu
- harta sepencarian
- d* - wakaf dan/atau nazar yang telah dibuat oleh simati dan telah sempurna rukunnya tetapi belum dibuat pemindahan hak milik
- hibah yang telah dibuat oleh simati dan telah sempurna rukunnya tetapi belum dibuat pemindahan hak milik
- e* - hibah yang telah dibuat oleh simati dan telah sempurna rukunnya tetapi belum dibuat pemindahan hak milik
- dan seumpamanya.

*f***Kedua :**

Dari harta peninggalan simati hendaklah boleh digunakan bagi pembiayaan pengurusan jenazah simati.

*g***Ketiga :**

Adakah simati berhutang dan hutang tersebut masih belum dilunaskan. Jika ada, dari pusakanya itu hendaklah ditolak untuk melunaskan hutang berkenaan. Hutang simati itu termasuklah hutang menunaikan fardhu haji sekiranya semasa hayat simati telah cukup syarat-syaratnya tetapi simati masih belum menunaikannya.

h

Keempat :

Adakah simati ada berwasiat. Jika ada tunaikanlah wasiatnya.

a

Kelima :

Setelah itu barulah harta-harta simati yang berbaki lagi dibahagikan kepada ahli-ahli waris mengikut Hukum Faraid. Kadar penentuan saham tiap-tiap ahli waris adalah mengikut yang ditentukan oleh ayat-ayat *al-Mawarith*.

b

Soalnya, apabila melibatkan harta seseorang si mati, mengikut pentadbiran dan pembahagian harta si mati yang diamalkan dalam negara pada masa ini, terbahagi kepada dua jenis; iaitu adakah sesuatu harta pusaka itu berwasiat atau adakah sesuatu harta pusaka itu tidak berwasiat. Pentadbiran harta pusaka yang tidak ada wasiat (*intestate estate*) terbahagi pula kepada dua kategori; iaitu harta pusaka kecil (*small estate*) dan pusaka besar (*non-small estate*).

c

d

Bagi harta pusaka kecil, pentadbiran harta pusaka seseorang si-mati tertakluk kepada Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98). Mengikut Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98), bolehlah difahami bahawa harta pusaka kecil itu sebagai harta pusaka peninggalan si mati tanpa wasiat yang mengandungi sebahagian atau kesemua harta tak alih yang nilai keseluruhannya tidak melebihi RM600,000.00 (Dibaca bersama sek. 3 dan sek. 5 Akta 98 itu). Apakala harta pusaka si mati terlibat dengan wasiat, ianya terletak hak dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi (Malaya/Borneo). Subseksyen 5(1) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) memperuntukkan;

e

f

Subject to this section, nothing in this Act shall affect the exclusive jurisdiction of the High Court to grant probate of any will or testamentary disposition or letters of administration in any case in which the deceased has left a valid will or other valid testamentary disposition in respect of a small estate or part thereof and the grant when made shall have effect in all respects as if the estate had not been a small estate.

g

h

Subseksyen 13(1) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955
(Akta 98) memperuntukkan;

At the conclusion of the hearing the Collector shall by his order make provision for the payment out of the estate duty, if any, and of the funeral expenses and debts of the deceased, wherever arising, and for the repayment to any person fees paid by that person under this Act and may, if necessary, direct the whole or such part of the estate as he may specify to be sold and the expenses, debts, fees and duty to be paid from the proceeds of the sale and subject thereto and to the following provisions of this section shall distribute the residue of the estate according to their respective shares and interests among the beneficiaries but subject to section 15.

Provided that where there is in force any written law relating to *baitulmal* the Collector shall before distributing any part of estate of deceased Muslim satisfy himself that any share of the estate which is due to the *baitulmal* has been duly paid or proper provision made for the payment thereof.

Soalnya, peruntukan subseksyen 13(1) Akta 98 sebagaimana yang dinyatakan di atas itu menimbulkan persoalan, adakah peruntukan “.....and of the funeral expenses and debts of the deceased, wherever arising, and for the repayment to any person fees paid by that person under this Act and may, if necessary, direct the whole or such part of the estate as he may specify to be sold and the expenses, debts, fees and duty to be paid from the proceeds of the sale and subject there to...” boleh merangkumi :-

- zakat yang belum ditunaikan oleh simati sedangkan syarat-syaratnya telah dipenuhi
- diat atau hamba bagi orang yang dibunuh oleh simati semasa hayatnya
- barang-barang gadaianya yang belum ditebus

- hutang simati ke atas harta yang ditinggalkan itu
- tuntutan harta sepencarian *a*
- wakaf dan/atau nazar yang telah dibuat oleh simati dan telah sempurna rukunnya tetapi belum dibuat pemindahan hak milik. *b*
- hibah yang telah dibuat oleh simati dan telah sempurna rukunnya tetapi belum dibuat pemindahan hak milik.
- hutang menunaikan fardhu haji *c*
- dan seumpamanya?

Sek. 14 Akta 98 pula memperuntukkan;

- (1) If in the course of hearing it is certified by the Collector to be necessary or desirable in the interests of justice that any collateral dispute should be decided before a distribution order is made, the Collector may defer the making of any distribution order in respect of the estate or of that part of the estate which in his opinion is or may be affected directly or indirectly by the determination of the dispute and shall thereupon cause the dispute to be determined in accordance with this section. *d*
- (2) For the purpose of this section a "collateral dispute" means a dispute as to whether – *e*
 - (a) any property movable or immovable or any right or interest in any such property forms part of the estate of the deceased; *f*
 - (b) any person is entitled beneficially to any property movable or immovable or any right or interest in any such property which the deceased at time of his death held or was entitled to hold as a trustee and not beneficially; *g*

a (c) any debt or liquidated sum in money is payable to any person claiming the same out of the assets of the deceased or any debt or liquidated sum in money is due or payable by any person to the estate of the deceased; and

b (d) any share or any right or interest in any share of beneficiary in the estate of the deceased has been assigned to or vested in any other person, whether a beneficiary or not.

c (3) ...

(4) ...

(5) ...

(6) ...

(7) ...

(8) ...

(9) ...

d (10) ...

Sek. 19 Akta 98 juga antara lain memperuntukkan;

e (1) If any difficult point of law or custom arises in any proceedings under this Act, the Collector may -

f (a) if the question relates to Muslim law or Malay custom or to native law or custom of Sabah or Sarawak, refer the matter for decision to the Ruler of the State in which his district is situated or to such other person or body or persons as the Ruler may direct; or

g (b) if the question relates to any other matter, may state a case for the opinion and directions of the High Court.

h (2) Every reference and every statement of case under subsection (1) shall be writing and shall contain a statement of the facts on which an opinion or decision is required, and the Collector shall give effect to any opinion, decision or directions thereby obtained.

(3)

(4)

a

Mengenai persoalan ini, jika petisyen guaman pembahagian pusaka kecil seseorang si mati telah dibuat, dan semasa dalam prosiding di hadapan Pemungut timbul persoalan mengenai tuntutan mensabitkan telah berlaku dengan sempurnanya hibah ke atas harta pusaka si mati itu, mengikut peruntukan seksyen-seksyen di atas, Pemungut boleh menanggukkan membuat apa-apa perintah pembahagian berkenaan dengan harta pusaka atau bahagian harta pusaka yang pada pendapatnya adalah atau mungkin terjejas secara langsung atau tidak langsung oleh penentuan pertikaian dan jika soalan itu berkaitan dengan undang-undang Islam atau adat Melayu, merujuk perkara itu bagi keputusan kepada Negeri itu di mana daerahnya terletak atau kepada manamana orang lain atau kumpulan orang sebagaimana yang diarahkan oleh Raja negeri itu; saya berpendapat, termasuklah merujuk perkara itu ke dalam Mahkamah Syariah.

b

c

d

Saya berpendapat, tuntutan mensabitkan telah berlaku dengan sempurnanya hibah boleh dibuat ke atas harta pusaka seseorang si mati yang mana petisyen guaman pembahagian pusaka kecil seseorang si mati telah dibuat. Demikian juga tuntutan mensabitkan telah berlaku dengan sempurnanya hibah juga boleh dibuat ke atas harta si mati yang mana petisyen guaman pembahagian pusaka kecil seseorang si mati masih belum dibuat.

e

Mengenai tuntutan sebegini, ditinjau dari sudut, apakah jenis tuntutan atau dakwaan yang dibuat itu dari segi sah atau tidaknya , (أنواع الدعوى من حيث صحتها) , saya berpendapat, tuntutan sebegini adalah merupakan suatu tuntutan atau dakwaan yang dibenarkan mengikut Hukum Syara'. Di dalam kitab *Nizam al-Qada Fi al-Syariah al-Islamiyyah*, karangan Dr. Abdul Karim Zaidan, cetakan ketiga, tahun 1418H/1997M. terbitan Mu'assas al-Risalah, Beirut, Lebanon, hlm. 93 hingga 95 ada menyebut tentang dakwaan atau tuntutan dari sudut sahnya sesuatu dakwaan atau tuntutan itu, dikategorikan kepada empat, iaitu;

f

g

- dakwaan/tuntutan yang sah,

h

- dakwaan/tuntutan yang fasid atau yang tak sempurna atau dakwaan/tuntutan cacat, dakwaan/tuntutan yang tidak sah atau batal, dan

- dakwaan hisbah.

€

 d e

f

88

4. ...

h

267

(ii) perkara yang disebut dalam perenggan (i) tidak termasuk undang-undang diri Islam yang berhubungan dengan alang atau pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat;

a

Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukkan;

Mahkamah-mahkamah yang disebut dalam Fasal (1) tidaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah Syariah.

b

Di dalam kes *Mohamed Habibullah bin Mahmood lwn Faridah binti Dato' Talib* [1992] 2 MLJ 793, Yang Arif Tan Sri Harun Hashim, Hakim Mahkamah Agong telah memberi pendapatnya yang antara lain;

c

Sesungguhnya keadaan bahawa orang-orang Islam di negeri ini telah tertakluk kepada undang-undang diri dan keluarga Islam telah wujud dengan kedatangan Islam ke negeri ini pada kurun kelima belas. Undang-undang seperti itu bukan sahaja ditadbirkan oleh Mahkamah-Mahkamah Syariah akan tetapi juga oleh Mahkamah-Mahkamah Awam. Apa yang telah dibuat oleh Perkara 121 (1A) ialah memberi bidang kuasa eksklusif kepada Mahkamah-Mahkamah Syariah di dalam mentadbirkan undang-undang Islam seperti itu. Dengan perkataan lain, Perkara 121 (1A) adalah peruntukan untuk mengelakkan bidang kuasa bercanggah antara Mahkamah-Mahkamah Awam dan Mahkamah-Mahkamah Syariah.

d

e

f

Dalam mentafsirkan Perkara 121 (1A), Hakim Dato' Haji Abdul Kadir bin Sulaiman, Yang Arif, di dalam kes *Md Hakim Lee lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan* [1998], MLJ 681 antara lain telah memberi penghakiman seperti berikut;

g

"Pada pendapat saya setelah merujuk kepada Perkara 74 dan perenggan 1 Senarai Negeri dalam Perlembagaan, bidangkuasa Mahkamah Syariah adalah lebih luas dari apa yang diberi dengan nyata kepadanya oleh Badan Perundangan Negeri yang berkenaan. Mahkamah Syariah hendaklah mempunyai bidangkuasa ke atas orang-orang

h

yang menganut agama Islam mengenai mana-mana perkara yang termasuk di dalam perenggan 1 itu dan tidak dihadkan kepada apa yang telah diperuntukkan dengan nyata dalam Perlembagaan. Perkara-perkara itu termasuk Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Keluarga orang-orang yang menganut agama Islam.”

Subseksyen 11 (3) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;

Mahkamah Tinggi Syar'iah hendaklah -

- (a) ...
- (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan -
 - (i) ...
 - (ii) ...
 - (iii) ...
 - (iv) ...
 - (v) ...
 - (vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seorang orang Islam;
 - (vii) ...
 - (viii) pembahagian atau pewarisan harta berwasiat atau tak berwasiat;
 - (ix) ...
 - (x) ...
 - (xi) ...; dan
 - (xii) ...

Mengikutperuntukanundang-undangyangberjalankuatkuasanya di dalam negeri ini pada masa sekarang, saya berpuashati bahawa Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu masih mempunyai bidangkuasa mendengar dan memutuskan tuntutan yang berada di hadapan saya ini.

Pada peringkat ini saya menyentuh bidangkuasa Mahkamah Syariah secara agak panjang lebar bagi memastikan bahawa keputusan yang dibuat nanti adalah menepati Hukum Syara' dan undang-undang dari berbagai sudut. Bidangkuasa satu-satu Mahkamah juga sebenarnya telah lama disentuh oleh perundangan Islam atau Hukum Syarak. Antaranya sebagaimana dinyatakan oleh Muhammad Salam Madkur di dalam kitabnya berjudul *al-Qada' fi al-Islam*, terbitan Matbaah al-'Alamiyyah, Kaherah, 1964, yang mana pada hlm. 54 beliau menyebut;

هو أن يخص ولي الأمر القاضي عند تقليده القضاء أو بعد ذلك بنوع معين من القضايا، كالأحوال الشخصية، أو المدني، أو التجاري، أو الجنائي إلى غير ذلك، فلا يصح له أن ينظر في نوع آخره

Bermaksud;

Bidangkuasa mengikut jenis kes ialah pemerintah mengkhususkan bidangkuasa ke atas seseorang Hakim semasa perlantikan Hakim itu atau selepas perlantikan dibuat dengan menentukan bahawa Hakim itu mempunyai bidangkuasa tertentu sahaja seperti diberi bidangkuasa bagi mengendalikan undang-undang diri, undang-undang sivil, undang-undang perdagangan atau bagi undang-undang jenayah dan seumpamanya; oleh yang demikian Hakim itu hanya berbidangkuasa bagi kes-kes yang dianya diberi bidangkuasa sahaja dan Hakim itu tidak boleh melaksanakan bidangkuasa lain yang tidak diberi kepadanya.

Mengenai fakta persoalan kedua pula, iaitu tuntutan hibah, Allah s.w.t. telah berfirman dalam surah *al-Baqarah* ayat 177,

وَأَتَى الْوَسْطَى عَلَى حَبِيْبِهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِيْنَ وَالْبَنَىٰ
السَّبِيْلَ وَالسَّائِلِيْنَ وَفِي الرِّقَابِ

Bermaksud;

..... dan mendermakan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang miskin, orang yang musafir, orang yang meminta-minta, orang yang memerdekakan hamba abdi;

Soalnya, apakah yang dimaksudkan dengan *hibah* mengikut Hukum Syara'. Di dalam *I'aaanah al-Taalibin*, oleh Abu Bakar ibnu Muhammad Syatta al-Dimyati, yang telah disempurnakan penerbitannya dalam tahun 1300 Hijriyyah, Juz.3, Dar al-Fikr, Beirut, Lebanon, tahun 2002M/1422H, pada hlm. 229 hingga 230, ada diberi pengertian *hibah* seperti berikut;

الهبة تمليك عين يصح بيعها غالبا أو دين من أهل تبرع بلا عوض

Bermaksud

Hibah bererti memberi milik sesuatu barang yang mana mengikut kebiasaannya barang itu sah untuk dijual, atau diberi hutang, kepada seseorang oleh ahli *tabarru'* (orang yang suka membuat kebajikan) dengan tidak ada barang tukaran.

Perkataan *hibah* secara literal tidak diperuntukkan di dalam undang-undang dan tidak ada di dalam tafsiran berkanun. Walau pun begitu di dalam *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Cetakan Kedua Edisi Ketiga 1996, perkataan '*hibah*' atau '*hibbah*' diertikan sebagai pemberian hak (harta) secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan baik.

Perkataan "alang semasa hidup" sebagai mana yang diperuntukkan di dalam undang-undang, tidak ada dalam tafsiran berkanun di dalam negeri ini. Namun begitu di dalam *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Cetakan Kedua Edisi Ketiga 1996, makna perkataan "alang" antaranya diberi erti "pemberian". Mengikut pengertian ini bolehlah dikatakan bahawa "alang semasa hidup" mempunyai erti yang sama dengan perkataan "pemberian semasa hidup". "Pemberian semasa

hidup” memberi maksud bahawa semasa seseorang itu masih hidup ditanya memberi sesuatu harta kepada seseorang lain, atau organisasi atau seumpamanya.

a

Di dalam kes *Alias b. Ismail lwn Fatimah bt. Awang dan Lain* [1990] 7(i) JH 47, Shafei bin Abdul Rahman, Hakim, antara lain memberi penghakiman penghakiman seperti berikut;

b

“Walau bagaimanapun, sama ada fakta-fakta itu mungkin akan timbul isu-isu yang menarik dalam kes ini adalah tidak timbul sekarang, malah apa yang menarik saya dalam kes ini – apakah yang dikatakan pemberian hidup itu dan apakah pemberian hidup dalam kes ini sebagaimana yang dimaksud oleh undang-undang dan hukum syarak? Dalam kes ini pihak yang menuntut telah memberi sebagai hutang kepada gemulah Hj Salleh Hj Musa untuk menunai fardhu haji sebanyak RM3500.00 dalam tahun 1982 dan sebagai balasannya, gemulah Hj Salleh bin Hj Musa telah menolak $\frac{1}{2}$ dari 4/16 bahagian tanahnya di atas lot 432 GM. 412 kepada yang menuntut itu boleh disifatkan dalam ertikata pemberian hidup, alanghayat atau hibbah?

c

d

Alanghayat ertinya –

e

“Pemberian percuma atau pindah milik harta seseorang dalam masa hayat kepada sesiapa yang dikehendakinya?” Dengan menyebut perkara “percuma” dalam takrif itu adalah jelas memberi erti yang dimaksudkan dan menunjukkan itulah yang dikatakan pemberian hidup, alanghayat atau hibbah. Dalam undang-undang Islam atau hukum syarak sebagaimana yang telah ditakrifkan oleh Fuqaha, di antaranya –

f

Dalam kitab *Mughni al-Muhtaj*, oleh Mohamad Al-Syarbini Al-Khatib hlm. 396, keluaran Maktabah al-Halabi, Mesir, tahun 1939, juzuk kedua berbunyi –

g

“Hibbah ialah pemberian milik sesuatu benda tanpa ada timbal balas sewaktu seseorang masih hidup secara sukarela”

h

Dalam *Fiqh Al-Sunnah*, Jil. 3 oleh Sayd Sabik hlm. 534
berbunyi –

“Suatu a’akad yang memutuskan kepada pemberian milik
seseorang akan hartanya kepada orang lain pada masa
hidupnya tanpa ada tukar ganti.”

Mengikut penghakiman kes yang disebut di atas dapat disimpulkan
bahawa maksud dan pemakaian perkataan pemberian hidup, alanghayat,
pemberian semasa hidup, alang semasa hidup atau hibbah adalah seerti;
iaitu memberi milik sesuatu barang yang mana mengikut kebiasaannya
barang itu sah untuk dijual, atau diberi hutang, kepada seseorang oleh
ahli *tabarru’* (orang yang suka membuat kebajikan) dengan tidak ada
barang tukaran. Oleh yang demikian peruntukan di dalam subseksyen 11
(3) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, alang semasa
hidup adalah semaksud dengan pengertian hibah mengikut Hukum
Syara’. Dengan yang demikian saya berpuashati untuk mengendalikan kes
tuntutan ini menurut peruntukan hibah dalam Hukum Syara’. Saya juga
berpuashati bahawa Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu mempunyai
bidang kuasa mendengar dan memutuskan tuntutan ini.

Bagi menentukan ada dan sahnya hibah Samirah binti Mohd
Ali, KPT: 601101-11-5290, semasa hidupnya kepada Plaintiff sebagai
penerima hibah, saya berpendapat perlulah diperhalusi tiap-tiap rukun
hibah dan syarat-syarat kepada rukun hibah itu.

Di dalam kitab *I’aaanah al-Taalibin*, oleh Abu Bakar ibnu
Muhammad Syatta Al-Dimyati, yang telah disempurnakan penerbitannya
dalam tahun 1300 H, Juz.3, Dar al-Fikr, Beirut, Labenon, tahun
2002M/1422H., di dalam huraian mengenai hibah seterusnya disebut
hibah disyaratkan adanya lafaz *ijab* daripada pemberi *hibah* dan *qabul*
daripada penerima hibah. al-Syeikh Muhammad Khatib al-Syarbini,
ulamak kurun kesepuluh hijrah, meninggal dunia dalam tahun 977 Hijrah,
di dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj, Dar al-Fikr, tanpa tarikh, Jld.2, di
hlm. 397 ada menyebut bahawa *hibah* itu berbeza dengan *wasiat* menurut
definisinya kerana *hibah* menggunakan perkataan التملك (memberi
milik). Perkataan التملك ini diambil dari pengertian hibah yang disebut
الهبّة تملك .

Mengikut al-Sheikh Muhammad al-Khatib al-Syarbini lagi iaitu di dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*, Jld.2, Dar al-Fikr, tanpa tarikh, hlm. 397 yang menyebut;

فأركانها ثلاثة : عاقد وصيغة وموهوب

Bermaksud;

“Ada pun rukun hibah itu ada tiga, iaitu pihak-pihak yang melakukan aqad hibah (pemberi hibah (*waahib*) dan peneriman hibah (*al-mauhub lahu*)), *sighah* iaitu lafaz ijab dan qabul, dan *mauhub* iaitu barang yang dihibahkan.”

Di dalam Tuntutan yang berada di hadapan saya ini, Plaintiff adalah bertanggungjawab memikul beban pembuktian mengenai dakwaannya bahawa Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, semasa hidupnya telah menghibahkan harta tersebut:-

- (1) Sebuah rumah (pinjaman kerajaan) yang di dalam proses pembinaan yang terletak di atas tanah yang memakai keterangan HS(M) 1625 Lot No. PT2288P, Mukim Cenering, Daerah Kuala Terengganu, Terengganu;
- (2) Insuran Takaful Keluarga Berkelompok; dan
- (3) Insuran Takaful Nasional,

kepada Plaintiff, Raihanah binti Mohd Ali, KPT: 581023-11-5256, K/P: 5436121; sebagaimana yang Plaintiff tuntutan berdasarkan rukun hibah dan syarat-syaratnya. Perkara ini telah diperuntukkan di dalam sek. 74 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001. Seksyen tersebut memperuntukkan;

Beban membuktikan dalam sesuatu guaman atau prosiding terletak pada orang yang akan gagal jika tiada apa-apa keterangan langsung diberikan oleh mana-mana pihak.

Beban pembuktian atau beban membuktikan merujuk kepada beban membuktikan kes dan beban membuktikan kes dan beban mengemukakan keterangan. Perkara ini telah dijelaskan melalui satu kes tuntutan harta yang telah dibawa ke hadapan Rasulullah s.a.w., sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh 'Alaqaamah bin Wa-il bin Hujr daripada bapanya yang berkata, sebagaimana telah dimuatkan di dalam *Sunan al-Turmuzi*, Jld. 3, Matbaah al-Bab al-Halabi, cet. 1, 1937, hlm. 625 seperti berikut;

جاء رجل من حضرموت ورجل من كعدة إلى النبي صلى الله عليه وسلم
 : فقال الحضرمي : يا رسول إن غلبي على أرض لي فقال الكندي، هي
 أرضي وفي يدي ليس له فيها حق، فقال النبي صلى الله عليه وسلم
 للحضرمي ، ألك بينة ؟ قال : لا، قال فلك يمينه، قال يا رسول الله إن
 الرجل فاجر لا يبالي على ما حلف عليه وليس يتورع من شيء، قال ليس
 لك منه إلا ذلك.

Bermaksud;

“Seseorang lelaki dari Hadramaut dan seorang lelaki dari Kindah telah datang menemui Rasulullah s.a.w., lalu lelaki Hadramaut berkata, “Wahai Rasul, sesungguhnya lelaki ini (lelaki dari Kindah ini) telah mengambil tanah kepunyaan saya,” kemudian lelaki dari Kindah membalas dengan berkata, “Tanah itu adalah kepunyaan saya dan dia tidak berhak ke atas tanah itu.” Rasulullah s.a.w. bertanya kepada lelaki Hadramaut, “Adakah kamu mempunyai bukti?” Lelaki Hadramaut menjawab, “Tidak.” Rasulullah s.a.w. bersabda kepada lelaki Kindah, “Kamu mesti bersumpah.” Mendengar sabda Rasulullah itu lantas lelaki Hadramaut berkata, “Wahai Rasulullah, sesungguhnya lelaki dari Kindah ini buruk perangainya; dia tidak bertanggungjawab atas perkara yang disumpahkannya dan dia juga tidak bertanggungjawab atas perkara yang disumpahkannya dan dia juga tidak menjaga dirinya dari sesuatu perkara,” lalu Rasulullah s.a.w. bersabda, “Kamu tiada pilihan lain melainkan melalui cara sedemikian.”

Mengenai beban membuktikan kes, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, sek. 73 ada memperuntukkan;

- 1) Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana Mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan disisi undang-undang yang bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.
- 2) Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta, maka dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu.

Beban membuktikan di dalam seksyen ini merujuk kepada beban membuktikan fakta atau kes. Seksyen ini memperuntukkan bahawa beban membuktikan fakta atau kes terletak ke atas pihak yang inginkan Mahkamah memberi penghakiman ke atas apa-apa hak atau liabiliti sepertimana mengikut fakta-fakta yang ditegaskan olehnya, dan di dalam tuntutan ini ialah Plaintif. Beban membuktikan fakta atau kes ini berkait pula dengan beban mengemukakan keterangan.

Beban mengemukakan keterangan pula merujuk kepada tanggungjawab mengemukakan keterangan di dalam menyempurnakan beban membuktikan fakta atau kes. Beban mengemukakan keterangan berbeda dengan beban membuktikan kes, dan beban mengemukakan keterangan ini akan berubah di dalam sesuatu perbicaraan mengikut peringkat, keterangan dan perkembangan perbicaraan sewajarnya. Sek. 72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001,

Enakmen Terengganu Bil. 6 Tahun 2001, memperuntukkan;

Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (*al-Mudda'ii*) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (*al-Mudda'a'alaih*).

Enakmen Terengganu Bil. 6 Tahun 2001 memberi pengertian
a “keterangan” termasuklah –

(a) *bayyinah* dan *syahadah*;

b (b) segala pernyataan yang dibenarkan atau
dikehendaki oleh Mahkamah dibuat di
hadapannya oleh saksi berhubungan dengan
perkara-perkara fakta yang disiasat; pernyataan
sedemikian disebut keterangan lisan;

c (c) segala dokumen yang dikemukakan bagi
pemeriksaan Mahkamah; dokumen sedemikian
disebut keterangan dokumentar.

d Mengikut peruntukan Hukum Syara’ dan undang-undang
sebagaimana yang saya nyatakan di atas, saya berpendapat di dalam kes
ini, Plaintiff (*al-Mudda’ii*) hendaklah membuktikan fakta-fakta bahawa
harta yang dituntut dan bahagian harta yang dituntut sebagai harta yang
telah dihibahkan oleh si mati adalah menepati pengertian hibah mengikut
Hukum Syara’ dan telah memenuhi rukun serta syarat-syarat hibah.
e Ertinya, Plaintiff hendaklah membuktikan melalui “keterangan”nya
bahawa apakah harta yang dituntut oleh Plaintiff, dan adakah harta yang
dituntut dan bahagian harta yang dituntut oleh Plaintiff itu merupakan
harta yang dihibahkan oleh si mati kepada Plaintiff yang mana telah
memenuhi rukun dan syarat hibah. Persoalan ini hendaklah dianalisa.

f Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa untuk
menjadikan sesuatu hibah itu sah mengikut Hukum Syara’, ianya
hendaklah memenuhi rukun dan syarat hibah. Rukun hibah sebagaimana
yang telah dinyatakan oleh al-Sheikh Muhammad al-Khatib al-Syarbini
g di dalam kitanya *Mughni al-Muhtaj*, Jld.2, Dar al- Fikr, tanpa tarikh,
hlm. 397 terdiri dari;

فأركانها ثلاثة : عاقد وصيغة وموهوب

Bermaksud;

“Ada pun rukun hibah itu ada tiga, iaitu;

- 1) pihak-pihak yang melakukan aqad hibah (pemberi hibah (*waahib*) penerima hibah (*al-mauhub lahu*);
- 2) *sighah* iaitu lafaz *ijab* oleh pemberi hibah dan *qabul* oleh penerima hibah; dan
- 3) *mauhub* iaitu barang yang dihibahkan.”

Mengikut pendapat ahli perundangan Islam berkenaan itu, rukun pertama hibah ialah, pihak-pihak yang melakukan aqad hibah (pemberi hibah (*waahib*) dan penerima hibah (*al-mauhub lahu*). Antara syarat-syarat ke atas pemberi hibah (*waahib*) ialah;

- a) dianya adalah pemilik kepada *mauhub* (barang yang dihibahkan olehnya);
- b) dia mestilah layak untuk membuat hibah; dan
- c) dia mempunyai kuasa penuh untuk menggunakan hartanya.

Sekarang sampai ketikanya Mahkamah membuat analisa ke atas harta yang dipertikaikan yang pertama iaitu; sebuah rumah (pinjaman kerajaan) yang di dalam proses pembinaan yang terletak di atas tanah yang memakai keterangan HS(M) 1625 Lot No. PT228P, Mukim Cenering, Daerah Kuala Terengganu, Terengganu. Mengikut rukun hibah pertama di dalam tuntutan ini, dan berdasarkan keterangan secara beriqrar dalam keterangan utama Plaintiff, hartanah yang dipertikaikan itu dibeli oleh Samirah binti Mohd Ali, KPT: 60111-11-5290, si mati, pada bulan Julai 1999. Pembelian tanah ini oleh si mati adalah melalui Skim Pinjaman Kerajaan. Tanah berkenaan itu daripada seorang yang dikenali dengan nama Zamilah atau nama sebenarnya ialah Ramlah binti Mohamad.

a Fakta ini dikuatkan dengan butiran yang terdapat di dalam Ikatan
Dokumen Plaintiff pada muka surat 4, 5 dan 6 yang kemudiannya dibuat
pemeriksaan di dalam Mahkamah oleh Plaintiff yang mana kemudiannya
ditanda sebagai 'P 3'. Fakta yang sama juga telah dikemukakan oleh
Plaintiff melalui Ikatan Dokumen Tambahan Plaintiff pada muka 1 hingga
8 yang juga kemudiannya dibuat pemeriksaan di dalam Mahkamah oleh
b Plaintiff dan ditanda sebagai 'P 4'. Setelah tanah itu dibeli, si mati telah
menggunakan khidmat seorang arkitek untuk membuat plan rumah dan
kemudian dibina sebuah rumah di atas tanah yang berkenaan itu pada
akhir tahun 2000 melalui Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan.

c Seterusnya secara beriqrar, Plaintiff memberi keterangan dalam
keterangan utamanya bahawa dalam tahun 1999, Samirah binti Mohd Ali,
KPT: 601101-11-5290, si mati, ada membuat panggilan telefon kepada
Plaintiff pada waktu tengah malam yang mana antara lain si mati berkata,
d "...saya sudah serik dengan setan itu, ingatlah Raihanah, harta aku, aku
beri semuanya kepada Ita, satu sen pun aku tak nak beri kepada setan
itu." Plaintiff membalas dengan kata-kata, "Jangan bimbang Samirah,
aku terimalah apa yang engkau cakap dan bersabarlah dulu." Pada awal
tahun 2000 pula, Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si mati,
ada dua kali berkata kepada Raihanah binti Mohd Ali, KPT: 581023-
e 11-5256, Plaintiff dengan kata-kata berikut, "Raihanah, tanah dan rumah
yang sedang naik tu, aku bagi kat engkau, Insurans Takaful Mesra, aku
sudah tukar nama kepada nama engkau." Kali pertama Samirah binti
Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si mati, berkata sedemikian di rumah
f Plaintiff di Putrajaya dan kali kedua di sebuah hotel di Kedah. Ucapan
Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si mati itu, telah dijawab
oleh Plaintiff dengan kata-kata, "Samirah, kalau begitu kata engkau, saya
terimalah dan saya akan jaga." Dalam bulan Ogos 2001, Samirah binti
Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si mati, setelah berpindah ke rumah
g sewanya di Kondo Rakyat, Kuala Ibai, Kuala Terengganu, ada berkata,
"Raihanah, aku telah penat, rumah di Cenering itu telah siap 30%, ingat
rumah itu aku beri kat engkau."

h Mengenai keterangan secara beriqrar ini, sukacita saya
menjelaskan sedikit kedudukan *iqrar* mengikut Hukum Syara'. *Iqrar*
adalah merupakan salah satu cara pembuktian yang terkuat dalam
hukum syara'. Tidak terdapat perselisihan pendapat di kalangan ahli-ahli
perundangan Islam (*fuqaha'*) mengenainya. Ianya sabit berdasarkan nas

al-Quran dan al-Sunnah. Antaranya firman Allah s.w.t. dalam surah *al-Nisaa'* ayat 135;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا فَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلّٰهِ وَلَوْ عَلَىٰ
أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ

Bermaksud,

Wahai orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu.

Yang dimaksudkan dengan kesaksian ke atas diri kamu sendiri di dalam ayat di atas itulah *iqrar*. *Iqrar* mengikut Hukum Syarak sebagaimana yang disebut oleh Abu Bakar ibni Muhammad Syatta' dalam kitab *I'aanah al-Taalibin*, yang mana selesai dikarang keseluruhannya pada 23 Syawal 1300, Juz.3, hlm. 187 ada menyebut;

ولغة الإثبات وشرعا، إخبار الشخص بحق عليه ويسمى إعترافا

Bermaksud;

"*Iqrar* dari segi bahasa bererti mensabitkan, manakala mengikut syarak diertikan sebagai memberitahu hak seseorang atas diri pemberitahu itu. *Iqrar* disebut juga sebagai iktiraf."

Al-Sheikh Shamsuddin Muhammad bin Ahmad al-Syarbiniy al-Khatib, meninggal dunia dalam tahun 977 H, di dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*, Jld.2, hlm. 238 menyebut;

وأركان أربعة: مقرر ومقر له وصيغة ومقرر به

Bermaksud;

"Rukun *iqrar* itu ada empat perkara iaitu *muqirrun* (orang yang melafazkan *iqrar*), *muqarrunlahu* (orang/pihak yang diberikan *iqrar* untuknya oleh pembuat *iqrar*), *sighah* (ucapan atau kata-kata *iqrar*), dan *muqirrun bihi* (hak atau kepentingan yang diiktiraf oleh orang yang ber*iqrar*)."

Sek. 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu)
2001 memperuntukkan;

(1) *Iqrar* ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap seseorang lain berkenaan dengan sesuatu hak.

(2) Sesuatu *iqrar* hendaklah dibuat –

(a) di dalam Mahkamah, di hadapan Hakim; atau

(b) di luar Mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki yang '*aqil*, '*balih* dan '*adil*.

(3) Sesuatu *iqrar* yang berhubungan dengan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan ialah *qarinah*.

Iqrar yang dibuat oleh Plaintiff ini, pada pendapat saya hendaklah diterima, kerana tidak ada alasan yang membolehkan *iqrar* itu tidak boleh diterima. *Iqrar* yang tidak boleh diterima mengikut Hukum Syara' telah pun ditagkin di dalam undang-undang. Ianya adalah sebagai mana diperuntukkan di dalam sek. 18 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001. Sek. 18 Enakmen Terengganu Bil. 6 Tahun 2001 itu memperuntukkan;

(1) *Iqrar* yang berikut tidak boleh diterima:

(a) *iqrar* seseorang yang tidak '*aqil baligh*;

(b) tertakluk kepada subseksyen (2), *iqrar* orang belum dewasa;

(c) *iqrar* orang gila atau orang terencat akal (*ma'tuh*);

- (d) *iqrar* wali atau penjaga yang dibuat bagi pihak seseorang yang dibawah jagaan atau tanggungjawabnya;
- (e) *iqrar* yang tidak dibuat secara sukarela; atau
- (f) *iqrar* seseorang yang dihalang di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk mentadbirkan hartanya (*Mahjur 'alaih*)

Berkait dengan penerimaan *iqrar*, saya merujuk satu kes yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Ulang Bicara Mahkamah Syariah Negeri Sembilan. Walaupun kes yang dirujuk ini adalah mengenai kes mal, iaitu mengenai mensabitkan perceraian, tetapi asas penerimaan *iqrar* ada dibangkitkan di dalam kes itu. Dalam kes *Mustafah bin Batcha lwn A. Habeeba* [1991] 7(ii) JH 255, Jawatankuasa Ulang Bicara Mahkamah Syariah Negeri Sembilan antara lain berpendapat;

“Walaupun *iqrar* merupakan salah satu cara pembuktian yang terkuat dalam hukum syara’ tetapi sebelum *iqrar* tersebut diterima ianya hendaklah dipastikan yang ianya dilakukan oleh orang yang berakal, baligh di dalam kebanyakan kes, mumayiz, dilakukan secara sukarela, sedar, tanpa ugutan, desakan dan paksaan, bersungguh-sungguh dan tiada tohmah dalam perkara yang di*iqrar*kan. Dalam hubungan ini Mahmasani menyatakan bahawa *iqrar* hendaklah dilakukan secara mutlaq tanpa syarat, ikatan atau kait mengait dengan perkara lain. Jika ianya dikaitkan dengan perkara lain dan tidak mutlaq sebahagian ulama berpendapat bahawa *iqrar* tersebut tidak sah. (Subhi Al-Mahmasani, *Falsafah al-Tasyrie’ Fi al-Islam*, Dar Al-Kasyaf, Beirut, tahun 1952, hlm. 233).”

Di dalam kes yang dirujuk ini, Kadi Yang Arif di Mahkamah Kadi Seremban, Negeri Sembilan, telah memutuskan jatuh talaq tiga apabila suami telah ber*iqrar* melafazkan, “Saya cerai engkau, saya cerai engkau, saya cerai engkau,” kepada isterinya. Yang Arif Kadi tidak memanggil saksi-saksi yang ada dan tidak menyelidiki tuntutan suami itu bahawa pada ketika dia melafazkan talaq itu, fikirannya tidak betul dan dia kena sihir. Terkilan dengan keputusan Yang Arif Kadi si suami merayu ke Jawatankuasa Ulang Bicara Mahkamah Syariah Negeri Sembilan.

Saya berpendapat hartanah sebuah rumah (pinjaman kerajaan) yang di dalam proses pembinaan yang terletak di atas tanah yang memakai keterangan HS(M) 1625 Lot No. PT2288P, Mukim Cenering, Daerah Kuala Terengganu, Terengganu, yang dibeli melalui Pinjaman Perumahan Kerajaan Malaysia oleh Samirah binti Mohd Ali, KPT: 60110111-5290, simati, bukanlah merupakan pinjaman (الإعارة), tetapi ianya merupakan barang yang dijual dengan harga tertangguh [بيع بشئ أجل] atau Ba'i Bithaman Aajil (BBA)] mengikut Hukum Syarak. Ba'i Bithaman Aajil (BBA) adalah merupakan salah satu dari beberapa mekanisme dalam urusan mu'amalat jual beli atau perniagaan yang dibina di atas perasaan saling suka menyukai atau reda meredai di kalangan pihak-pihak, dan ianya bertepatan dengan kehendak ayat di atas. Ianya juga merupakan satu cabang mua'amalat yang mengikut Hukum Syara'.

Di dalam kitab *Sahih al-Bukhari*, Dar al-Hadis, Kaherah, Mesir, tanpa tarikh, Jld.1, Juz.3, hlm. 152, ada membuktikan amalan Rasulullah s.a.w. yang membeli barang dengan membuat bayaran secara tertangguh;

عن عائشة رضي الله عنها أن النبي صلى الله عليه وسلم اشتري طعاما من يهودى إلى أجل ورهنه درعا من حديد

Bermaksud,

'Daripada 'Aeshah r. anha, katanya, 'Sesungguhnya Nabi s.a.w. telah membeli makanan daripada seorang Yahudi dengan cara membuat bayaran tertangguh mengikut sesuatu tempoh tertentu dan mencagarkan baju besi Baginda sebagai jaminan.'

Ba'i Bithaman Aajil (BBA) adalah merupakan satu kontrak perjanjian oleh pembiaya untuk membeli harta yang dikehendaki oleh pelanggan, yang mana pembiaya akan menjual harta yang dibelinya itu kepada pelanggan tersebut dan bayaran balik oleh pelanggan dilakukan dengan harga tertangguh [بيع بشئ أجل]. Dalam kontrak Bai Baithaman Aajil, penjual dikenali sebagai pembiaya, manakala pembeli, iaitu pihak yang memohon pembiayaan pula dikenali sebagai pelanggan. Persoalan kontrak Bai Bithaman Aajil (BBA) ini ada dibahaskan di dalam perkara rukun dalam bab jual-beli. Di dalam kitab *Mughni al-Muhtaj* karangan al-Syeikh Muhammad al-Khatib al-Syarbini

meninggal dunia dalam tahun 977 Hijrah, Jld.2, Juz.2, Dar al- Fikr, hlm. 3 memperuntukkan;

وأركانها كما في المجموع ثلاثة ، وهي في الحقيقة ستة : عاقد وهو بائع ومشتري ، ومعتود عليه وهو ثمن ومثمن ، وصيغة وهي إيجاب وقبول

Bermaksud;

Rukun jual-beli mengikut sebagaimana di dalam kitab *Majmuk*, ada tiga. Sebenarnya rukun jual-beli itu ada cermin, iaitu; pelaksana *aqad* (kontrak) yang terdiri daripada penjual dan pembeli, barang yang *di-aqad* (yang dikontrakkan) yang terdiri dari harga dan barang yang dijual, dan lafaz kontrak yang terdiri dari lafaz tawaran dan lafaz penerimaan.

Mengikut Hukum Syarak, barang atau harta boleh dijual dengan bayaran harga tertangguh [بيع بئمن أجل] dengan syarat:-

- i. Jelaskan tempoh pembayaran dan cara-caranya.
- ii. Permulaan tempoh dikira dari tarikh penyerahan barang yang dijual.
- iii. Tidak boleh dikaitkan tempoh kepada musim yang tidak tetap.

Syarat-syarat barang yang dijual dengan bayaran harga tertangguh sebagaimana yang disebutkan itu telah disebut di dalam buku *Undang-undang Perdagangan Dalam Islam*, karangan Haji Mahsin Haji Mansor, Penerbitan Alharamain (N) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, cetakan pertama 1984, hlm. 37.

Di dalam buku *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, karangan Nor Mohamed Yakcop, 1996, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, hlm. 80 ada menyebut;

a “Konsep Bai Bithaman Ajil (BBA) sesuai bagi pembiayaan perumahan atau kenderaan. Konsep BBA adalah sama dengan konsep murabahah, kecuali BBA ialah bagi tempoh yang lebih panjang, biasanya melebihi 12 bulan. BBA membolehkan pembelian sesuatu barang dengan bayaran ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang ditetapkan atau dengan bayaran beransur-ansur. Tujuannya ialah untuk memberi kemudahan kepada pembeli yang tidak mampu membuat bayaran tunai.”

b

c Mengikut Hukum Syara’ dan ahli feqah tempatan seta ahli ekonomi semasa, saya berpuashati bahawa pembiayaan ke atas hartanah sebuah rumah yang di dalam proses pembinaan yang terletak di atas tanah yang memakai keterangan HS(M) 1625 Lot No. PT2288P, Mukim Cenering, Daerah Kuala Terengganu, Terengganu, yang dibeli melalui Pinjaman Perumahan Kerajaan Malaysia oleh Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si mati, adalah merupakan kontrak jual-beli menggunakan Konsep Bai Bithaman Ajil (BBA), dan bukannya kontrak pinjaman.

d

e Ditinjau dari sudut pemilikan harta ke atas harta yang dipertikai iaitu hartanah sebuah rumah yang di dalam proses pembinaan yang terletak di atas tanah yang memakai keterangan HS(M) 1625 Lot No. PT2288P, Mukim Cenering, Daerah Kuala Terengganu, Terengganu, yang dibeli melalui Pinjaman Perumahan Kerajaan Malaysia oleh Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si mati, yang mana semasa tuntutan ini dibuat saya berpuas hati bahawa hartanah berkenaan itu adalah didaftarkan atas nama Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290. Harta itu kemudiannya digadai kepada Perbendaharaan Malaysia. Bayaran ansuran bulanan bagi pembelian harta berkenaan akan dibuat melalui potongan ke atas gaji Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si mati. Mengikut keterangan Defendan 1, potongan gaji ke atas gaji Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-5290, si mati bagi maksud itu masih belum dibuat lagi.

f

g

h Sekarang timbul persoalan; adakah boleh harta yang masih lagi dalam pembiayaan melalui pembiayaan harga tertangguh yang dinamakan sebagai Ba’i Bithaman Ajil itu dihibahkan kepada pihak lain? Di dalam kitabnya *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Juz.5, Dar al- Fikr, Damsyik,

Syria, cetakan kedua, 1405H/1985M, hlm. 14, Dr. Wahbah al-Zuhaily telah menyatakan bahawa antara syarat yang menyebabkan sesuatu barang hibah (*mauhub*) itu menjadi sah untuk dihibahkan ialah;

أن يكون مملوكا للواهب : فلا تنفذ هبة مال الغير بغير إذنه

Bermaksud;

‘Barang yang dihibahkan itu hendaklah dimiliki oleh pemberi hibah. Oleh yang demikian, seseorang itu tidak boleh membuat hibah ke atas harta orang lain melainkan setelah mendapat izin daripada tuan punya harta itu.’

Berdasarkan pandangan Hukum Syara’ sebagaimana yang dikemukakan oleh Dr. Wahbah al-Zuhaily di atas, saya berpendapat, Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si mati sebagai Pelanggan BBA kepada Perbendaharaan Malaysia boleh membuat hibah kepada Plaintif, dengan syarat Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si mati, mestilah terlebih dahulu mendapat izin daripada pembiaya BBAny, iaitu Perbendaharaan Malaysia.

Di dalam tuntutan ini dan mengenai isu mestilah terlebih dahulu mendapat izin daripada pembiaya BBA, iaitu Perbendaharaan Malaysia, timbul pula persoalan; adakah pernah semasa hayatnya, Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si mati, terbukti telah mendapat izin daripada pembiaya BBAny, iaitu Perbendaharaan Malaysia? Saya berpuas hati, sepanjang perbicaraan ini, persoalan isu ini langsung tidak ditimbul dan tidak dibuktikan. Oleh yang demikian, saya berpuas hati bahawa Plaintif telah gagal membuktikan syarat sahnya untuk pemberi hibah (*waahib*) membuat hibah. Syarat sahnya untuk pemberi hibah (*waahib*) membuat hibah, antaranya ialah;

- a) dianya adalah pemilik kepada *mauhub* (barang yang dihibahkan olehnya) atau dia telah mendapat izin daripada tuan punya harta itu untuk membuat hibah;
- b) dia mestilah layak untuk membuat hibah; dan

- c) dia mempunyai kuasa penuh untuk menggunakan hartanya.

a
Tatkala syarat sah pemberi hibah (*waahib*) untuk membuat hibah telah tidak berjaya dibuktikan maka jelaslah bahawa pemberi hibah (*waahib*) di dalam tuntutan ini, iaitu Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, tidak berkeupayaan untuk membuat hibah ke atas harta pertama yang dipertikaikan ; iaitu hartanah sebuah rumah yang di dalam proses pembinaan yang terletak di atas tanah yang memakai keterangan HS(M) 1625 Lot No. PT2288P, Mukim Cenering, Daerah Kuala Terengganu, Terengganu, yang dibeli melalui Pinjaman Perumahan Kerajaan Malaysia oleh Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290.

c
Rukun kedua hibah ialah lafaz *ijab* dan *qabul*. Mengenai rukun kedua ini, Imam Taqiuddin Abu Bakar bin Muhammad al Husainy, ulamak al-Syafie kurun kesembilan hijrah di dalam kitabnya, *Kifayah al-Akhyar fi Hilly Ghayah al-Ikhtisar*, Juz.1, Dar al-Ihyaai al-Kutub al Arabiyyah, Indonesia, tanpa tarikh, hlm. 324-325, ada menyebut;

e
لا تلزم الهبة ولا تملك إلا بالقبض لأن الصديق رضى الله عنه نحل عائشة رضى الله عنها جذاذ عشرين وسقا ، فلما مرض قال : (ووددت أنك حزيتيه أو قبضتيه ، وإنما هو اليوم مال الوارث) فلو لا توقف الملك القبض . . لما قال : ملك الوارث .

Bermaksud;

f
“Hibah tidak sempurna dan tidak dapat berkuat kuasa melainkan orang yang menerima hibah menerima barang yang telah dihibah itu. Dalil kisah Saiyidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. telah memberikan (dengan maksud hibah) sebanyak dua puluh wasaq sesuatu harta kepada Siti Aishah r.a. (tetapi Siti Aishah belum mengambilnya). Pada ketika Saiyidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. sedang sakit, baginda berkata kepada Siti Aishah, “Aku mahu engkau memiliki harta berkenaan, tetapi pada hari ini harta tersebut bukan lagi menjadi milik mu kerana telah menjadi harta ahli waris.” Oleh itu jika tidak disyaratkan hibah itu mesti diterima oleh penerima hibah, sudah tentu Saiyidina Abu Bakar tidak akan berkata, “...tetapi pada hari ini harta tersebut bukan lagi menjadi milik mu kerana telah menjadi harta ahli waris.”

Bagi memastikan akad hibah menjadi sempurna dan menjadi satu aqad yang mengikat, maka penerimaan oleh penerima hibah tertakluk kepada syarat-syarat berikut;

- (i) mendapat kebenaran dan keizinan daripada pemberi hibah secara sorih;
- (ii) harta yang dihibah itu tidak bercampur dengan harta lain; dan
- (iii) penerima hibah berkeahlian iaitu baligh dan berakal. Bagi kanak-kanak dan orang gila; penerimaan harta hibah boleh dilakukan oleh walinya.

Mengenai cara penerimaan barang hibah pula, Dr. Wahbah al-Zuhaili, di dalam kitabnya *al-Mu'aamalaat al-Maliyah al-Mu'aasirah*, Dar al-Fikr, Beirut, Labenon, cetakan pertama, 2002M, hlm. 40 menyebut;

يكون القبض بحسب طبيعة المبيع منقولاً أو عقاراً :
أما العقار : فيكون قبضة بالتخلية بينه وبين من تملكه على وجه يتمكن من الإنتفاع
به ، كزراع الأرض والبناء عليها ، وجني الثمر

Bermaksud;

‘Penerimaan ke atas harta hibah boleh berlaku bergantung kepada jenis barang yang dihibah itu sama ada barang hibah itu merupakan harta tak alih atau pun harta alih.’

‘Penerimaan oleh penerima hibah (*al-mauhub lahu*) bagi harta tak alih adalah dikira dengan cara pemberi hibah (*waahib*) membiarkan harta yang dihibahkannya itu digunakan oleh penerima hibah (*al-mauhub lahu*) untuk mendapatkan manfaat dari harta tersebut, seperti penerima hibah (*al-mauhub lahu*) bertanam di atas tanah yang dihibahkan, atau penerima hibah (*al-mauhub lahu*) membuat binaan di atas tanah yang dihibahkan itu, atau penerima hibah (*al-mauhub lahu*) mengutip buah-buahan yang ada di atas tanah itu.’

a Soalnya, di dalam tuntutan ini, adakah Plaintiff, Raihanah binti Mohd Ali, KPT: 581023-11-5256, K/P: 5436121, yang mendakwa menjadi penerima hibah (*al-mauhub lahu*) telah bertanam di atas hartanah yang didakwa telah dihibahkan itu, atau Plaintiff membuat binaan di atas hartanah itu, atau Plaintiff telah mengutip buah-buahan ada di atas hartanah itu.

b Di dalam tuntutan ini, mengikuti persoalan di atas, saya berpuas hati bahawa Plaintiff telah gagal mengemukakan keterangan di dalam Mahkamah ini, yang menunjukkan bahawa Plaintiff telah mematuhi syarat penerimaan (القبض) ke atas harta yang didakwa telah dihibahkan itu. Harta yang dihibahkan itu adalah hartanah sebuah rumah yang di c dalam proses pembinaan yang terletak di atas tanah yang memakai keterangan HS(M) 1625 Lot No. PT2288P, Mukim Cenering, Daerah Kuala Terengganu, Terengganu, yang dibeli melalui Pinjaman Perumahan Kerajaan Malaysia oleh Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290; iaitu harta tak alih. d

e Tat kala Plaintiff mengikut dakwaannya sebagai penerima hibah (*al-mauhub lahu*) telah gagal memenuhi syarat penerimaan (القبض) , maka saya berpuas hati bahawa hibah yang didakwa telah dibuat oleh Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290 kepada Plaintiff, Raihanah binti Mohd Ali, KPT: 581023-11-5256, K/P: 5436121 oleh Plaintiff itu telah tidak memenuhi syarat-syarat kesempurnaan berlakunya hibah. Oleh yang demikian, saya berpuas hati bahawa andainya adanya hibah, tetapi telah tidak berlakunya penerimaan (القبض) harta hibah oleh f penerima hibah (*al-mauhub lahu*). Hal keadaan ini menyebabkan hibah hartanah sebuah rumah yang di dalam proses pembinaan yang terletak di atas tanah yang memakai keterangan HS(M) 1625 Lot No. PT2288P, Mukim Cenering, Daerah Kuala Terengganu, Terengganu, yang dibeli melalui Pinjaman Perumahan Kerajaan Malaysia oleh Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, oleh Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290 kepada Plaintiff, Raihanah binti Mohd Ali, KPT: 581023-11-5256, K/P: 5436121 telah tidak disempurnai. g

h Oleh yang demikian, saya berpuas hati bahawa sebidang tanah yang memakai keterangan HS(M) 1625, Lot No. PT2288P, Mukim Cenering, bertempat di Pantai Pandak, Daerah Kuala Terengganu, dan sebuah rumah banglo setingkat yang didirikan di atasnya, tidak dapat

disabitkan sebagai hibah (alang semasa hidup) Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si-mati, kepada Raihanah binti Mohd Ali, KPT: 581023-11-5256, Plaintiff.

Mengenai tuntutan kedua Plaintiff, iaitu; Plaintiff telah membuat tuntutan bahawa Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, K/P: 5982880 telah menghibahkan Insuran Takaful Keluarga Berkelompok kepada Raihanah binti Mohd Ali, KPT: 581023-11-5256, Plaintiff, sekali lagi Mahkamah ingin tegaskan bahawa Plaintiff sebagai pihak yang menuntut hendaklah membawa keterangan yang jelas bahawa apa yang dituntut itu telah berlaku atau memang ada.

Sepanjang perbicaraan di dalam tuntutan ini, isu persoalan Samirah binti Mohd Ali membuat hibah Insuran Takaful Keluarga kepada Raihanah binti Mohd Ali, Plaintiff hanya menyebut sekali bahawa Samirah binti Mohd Ali, si mati ada menyebut, "...insuran sudah nama engkau..." Dakwaan ini tidak disokong oleh mana-mana keterangan yang dapat menyakinkan Mahkamah. Oleh yang demikian, Mahkamah berpendapat adalah tidak betul jika Mahkamah membuat sabitan bahawa Insuran Takaful Keluarga Berkelompok, yang telah disumbangkan oleh Samirah binti Mohd Ali, sebagai hibah (alang semasa hidup) Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si mati, kepada Raihanah binti Mohd Ali, KPT: 581023-11-5256, Plaintiff.

Selain dari tuntutan-tuntutan di atas, dalam keterangan Plaintiff ada menyebut bahawa Samirah binti Mohd Ali, si-mati, telah menyebut bahawa barang kemas diberi kepada Nabilah Diana, iaitu anak Plaintiff. Di dalam tuntutan ini, apakah barang kemas yang dimaksudkan telah tidak dibuktikan di dalam Mahkamah ini. Plaintiff juga telah tidak membuktikan bagaimana barang kemas yang didakwa itu dibuat penerimaan (القبض) oleh Nabilah Diana. Umur Nabilah Diana juga tidak dibuktikan.

Oleh yang demikian saya berpendapat tuntutan Raihanah binti Mohd Ali, KPT: 581023-11-5256, Plaintiff, ke atas harta Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si-mati, sebagai hibah (alang semasa hidup) Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si-mati, kepada Raihanah binti Mohd Ali, KPT: 581023-11-5256, Plaintiff, termasuk kepada Nabilah Diana, hendaklah ditolak.

a Sampai di sini, saya berpendapat, saya telah berpuas hati untuk membuat perintah-perintah di dalam tuntutan ini. Dengan adanya perintah yang akan saya buat nanti di dalam tuntutan ini, saya berpendapat bahawa Perintah-Perintah Sementara di dalam Tuntutan ini yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu pada hari Selasa 11 Syaaban 1424 bersamaan 7 Oktober 2003 hendaklah dimansuhkan mulai hari ini.

b Saya berpendapat bagi memberi keadilan kepada pihak-pihak, yang mana saya dapati Plaintiff yang memulakan prosiding, walhal tuntutannya tidak berasas dan telah menyusahkan pihak Defendan, patutlah di dalam kes ini semua kos dipertanggungkan ke atas Plaintiff, Raihanah binti Mohd Ali, KPT: 581023-11-5256.

c Keputusan

- d 1. SAYA tidak sabitkan sebidang tanah yang memakai keterangan HS(M) 1625, No. Lot: PT2288P, Mukim Cenering, bertempat di Pantai Pandak, Daerah Kuala Terengganu dan sebuah rumah banglo setingkat yang didirikan di atasnya, sebagai hibah (alang semasa hidup) Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si-mati, kepada Raihanah binti Mohd Ali, KPT: 581023-11-5256, Plaintiff;
- e 2. SAYA tidak sabitkan Insuran Takaful Keluarga Berkelompok dan Insuran Takaful Nasional, yang telah disumbangkan oleh Samirah binti Mohd Ali, sebagai hibah (alang semasa hidup) Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si-mati, kepada Raihanah binti Mohd Ali, KPT: 581023-11-5256, Plaintiff;
- f 3. SAYA tolak tuntutan Raihanah binti Mohd Ali, KPT: 581023-11-5256, Plaintiff; ke atas harta Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si-mati, sebagai hibah (alang semasa hidup) Samirah binti Mohd Ali, KPT: 601101-11-5290, si-mati, kepada Raihanah binti Mohd Ali, KPT: 581023-11-5256, Plaintiff;
- g
- h

4. SAYA perintahkan Perintah-Perintah Sementara di dalam Tuntutan ini yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu pada hari Selasa 11 Syaaban 1424 bersamaan 7 Oktober 2003 dimansuhkan mulai hari ini; DAN
5. SAYA perintahkan semua kos di dalam tuntutan ini ditanggung oleh Raihanah binti Mohd Ali, KPT: 581023-11-5256, Plaintiff.

